



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

USUL²:

Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat
[Ruangan 7379 dan 7540]

Uchapan² Penanggohan—

Pemereksaan Polis ka-atas Kereta² Motor [Ruangan 7568]

Pemilihan Penjara [Ruangan 7571]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Persatuan Nelayan (Pindaan) [Ruangan 7379]

Rang Undang² Perlindungan Hidupan Liar [Ruangan 7379]

Rang Undang² (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan (Pindaan) [Ruangan 7411]

KANDONGAN-NYA—(*sambongan*)

RANG UNDANG²—(*samb.*):

- Rang Undang² (Pindaan) Pertubohan [Ruangan 7429]**
- Rang Undang² Talikom (Pindaan) [Ruangan 7442]**
- Rang Undang² Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang (Pindaan) [Ruangan 7445]**
- Rang Undang² Lembaga Pelabohan (Pindaan) [Ruangan 7448]**
- Rang Undang² Lalulintas Jalan (Pindaan) [Ruangan 7452]**
- Rang Undang² (Sekatan) Kerja (Pindaan) [Ruangan 7455]**
- Rang Undang² Majlis Amanah Ra'ayat (Pindaan) [Ruangan 7460]**
- Rang Undang² Angkatan Tentera [Ruangan 7481]**
- Rang Undang² Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara [Ruangan 7515]**
- Rang Undang² Lembaga Kemajuan Johor Tenggara [Ruangan 7534]**
- Rang Undang² Penchen (Pindaan) [Ruangan 7543]**
- Rang Undang² Penchen (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 7546]**
- Rang Undang² (Penchen dan Ganjaran) (Pindaan) Anggota Pentadbiran dan Ahli
Parlimen, 1971 [Ruangan 7554]**
- Rang Undang² Perkhidmatan Parlimen (Pindaan) [Ruangan 7561]**

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 10hb Februari, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

- Yang Berhormat DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

- Yang Berhormat TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAİK (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

(Usul)

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:—

Bahawa walau apa pun peruntukan Peratoran Meshuarat 12, Dewan ini tidak akan di-tanggohkan hari ini hingga pukul 10.30 malam.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peratoran Meshuarat 12, Dewan ini tidak akan di-tanggohkan hari ini hingga pukul 10.30 malam.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERSATUAN NELAYAN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang". (9hb Februari, 1972).

Tuan Yang di-Pertua: Sunggoh pun Majlis Meshuarat akan bersidang sa-hingga pukul 10.30 malam ini, saya menghetongkan pada tiap² Rang Undang² ini lebeh kurang 20 minit atau 25 minit sahaja boleh di-bahathkan oleh tiap² sa-orang Ahli Yang Berhormat. Jadi, jika Ahli² Yang Berhormat faham masa itu maseh suntok juga lagi. Sekarang saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Dungun untuk menyambong sa-mula ucapan-nya sa-malam dan di-minta pendek²kan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Dato' Yang di-Pertua, suka saya menyambong di-atas ucapan saya ketika mana Meshuarat ini di-tanggohkan samalam, ia-itu dalam membicharakan Akta Persatuan Nelayan tahun 1971. Dato' Yang di-Pertua, dalam perkara pindaan

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah menyebut Dato' Yang di-Pertua dan menyambong bagitu bagini lagi, elok sebutkan dengan tepat sahaja, banyak lagi perkara² boleh di-bahathkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sekshen 3 di-mana dalam tujuan-nya dinyatakan bahawa ". hendak memajukan kepentingan ekonomi dan masharakat atau kesentosaan ahli . . ." ia-itu bagi kaum nelayan. Dato' Yang di-Pertua, saya nampak dasar yang di-luaskan oleh pehak Kerajaan atau pun pehak Yang Berhormat Menteri Pertanian ini ada-lah baik, moga² dengan lulus-nya pindaan dasar baharu ini akan bertambah ramai kaum² nelayan memasoki Persatuan² Nelayan yang di-tubuhkan oleh Kerajaan di-masa akan datang. Dalam hal keahlian Persatuan Nelayan ini selalu timbul kedengaran chakap² di-kalangan nelayan di-mana faedah yang lebeh berguna tidak kedapatan daripada Persatuan² Nelayan ini dan mereka tidak mahu dan kurang bersemangat untuk memasoki Persatuan² Nelayan di-masa² yang telah lalu. Kata² kaum nelayan ini bukan semua-nya tidak betul, sebab mereka membuat sandaran kapada keadaan² mereka yang sa-hingga hari ini maseh belum berubah lagi, mithalnya Kerajaan selalu mengatakan mahu memajukan mereka dengan memberi bot² yang besar, tetapi sa-hingga hari ini pemberian itu tidak merata. Lembaga Ikan ada meminta beberapa bot, apa yang saya lihat ia-lah lebeh kurang 250 buah bot pukut untuk di-gunakan oleh Lembaga ini, tetapi bagaimana pula penyelarasan yang di-buat antara Lembaga Ikan dengan pehak nelayan umum, tidak bagitu jelas dalam hal ini. Apakah Kerajaan akan hanya memperuntokkan bot ini kapada Lembaga² Ikan sa-mata² atau pun juga akan memberikan bantuan kapada kaum² nelayan umum saperti yang tersebut itu.

Dalam perkara kesentosaan ahli pula ada terdapat Kementerian Perikanan mengadakan satu yunit Penguatkuasa Perikanan, terdapat hanya ada 14 buah peronda untuk

menjaga 21,000 lebeh perahu nelayan di-seluruh Malaysia ini.

Dato' Yang di-Pertua, ini pun satu hal yang maseh belum jelas ada-kah boleh 14 buah bot peronda untok menjaga sa-banyak 21,000 buah bot itu, tambahan pula kalau-lah di-Trengganu lebeh banyak penyakit di-timpa kapada nelayan² ini dengan sebab sudah-lah keadaan² yang biasa yang di-alami oleh nelayan dengan keadaan pencharian mereka mengikut chara yang lama dan mengikut chara yang maseh belum di-modenkan, tetapi satu perkara baharu ada, ia-itu anchaman² nelayan daripada luar dengan memasoki perayeran kita dengan motorbot² yang besar dan mempunyai alat² kelengkapan yang chukup sa-hinggakan nelayan kita di-Pantai Timor terancham. Kalau katakan perondaan akan di-lakukan oleh Tentera Laut, atau pun Polis Laut, maka berapa kali-kah di-lakukan sa-minggu atau sa-bulan kerana sa-hingga ini keadaan mereka, kaum nelayan maseh belum berjaya kehendak mereka.

Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya membuat chontoh, sa-bagaimana laporan surat khabar *Utusan Melayu*, saya fikir Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bacha atau tidak bacha, saya tidak tahu; chuma saya mengambil chontoh sa-bagaimana yang di-bawa oleh *Utusan Melayu* hari ini, mengatakan kapal² nelayan Taiwan maseh mengancham nelayan² di-Trengganu, ia-itu di-mana 800 orang nelayan di-tempat saya, ia-itu di-Kampong Telok Bidara telah tidak dapat keluar ka-laut dengan sebab nelayan asing sedang bermaharajalela di-negeri Trengganu. Hal ini sunggoh menyedehkan kapada pehak nelayan dan perkara ini telah saya membawa di-masa yang lalu kapada pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan saya ada dengar, ada tindakan di-buat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, dengan memberitahu kapada Konsol Taiwan di-sini. Jadi, saya harap, Dato' Yang di-Pertua, supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ambil tindakan sa-mula dengan lebeh tegas dan lebeh berkesan untok faedah ra'ayat kita yang terdiri daripada kaum nelayan di-sini.

Dato' Yang di-Pertua, dalam perkara memajukan kepentingan ekonomi dan masharakat ahli, lagi saya sebutkan tentang Yunit Perkembangan Mengajar Teknik, Menchari dan Menangkap Ikan Sa-Chara Moden. Nampak-nya, Dato' Yang di-Pertua,

yunit bergerak ini hanya ada dua sahaja dan sa-hingga ini baharu 85 buah kampung yang mereka pergi melawat. Apa-kah yunit bergerak ini menchukupi, apa-kah 85 buah kampung itu hanya pergi mengajar sa-kali sahaja dan sa-ramai mana pula yang datang mengikuti pengajaran sa-chara moden yang di-berikan oleh pehak Kementerian Pertanian dan Perikanan ini.

Dato' Yang di-Pertua, patut di-sebutkan tentang satu hal yang penting, yang melibatkan kaum nelayan, ia-itu bilek sejok. Selalu kedapatan bilek sejok di-bena oleh pehak Kementerian ini di-merata² negeri di-negara kita ini tidak dapat di-gunakan oleh nelayan² umum. Dari angka 8 buah bilek sejok yang di-bena itu saya nampak bilek² sejok ini nelayan² umum tidak menggunakan-nya, sebab chara kegunaan bilek sejok ini ia-lah dengan chara tender. Selalu tender² ini didapati oleh taukeh² besar yang mempunyai banyak perusahaan² nelayan, yang terdiri sa-tengah²-nya bukan daripada kalangan nelayan itu sendiri dan kadang² bukan daripada kaum bumiputra sendiri. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan ambil perhatian dalam hal ini supaya bilek² sejok ini dapat di-gunakan oleh pehak nelayan dengan mengadakan bayaran² yang murah dan bukan mengadakan dengan chara tender, yang mana kaum nelayan tidak dapat membayar-nya dengan baik.

Dato' Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan mengambil perhatian hal ini untok kepentingan kaum nelayan kita. Sekian, terima kaseh.

Awang Bungsu bin Abdullah (Limbang-Lawas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Persatuan Nelayan (Pindaan) yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini.

Saya berharap Kementerian akan memberi pertimbangan kapada nelayan² di-Sarawak, lebeh² lagi di-kawasan saya, belum lagi ada Persatuan Pekerja² untok nelayan. Dapatkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bagi mengadakan Persatuan² Nelayan di-Sarawak supaya mereka dapat menambahkan pendapatan dan mengadakan perkakas² yang di-gunakan oleh nelayan² yang miskin di-Sarawak, saperti Limbang-Lawas dan juga di-mana² tempat lain di-dalam negeri Sarawak belum ada menchukupi kapada nelayan² yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya saya minta Kerajaan mengambil perhatian yang berat supaya pertubuhan² yang lain dapat memberikan bantuan kepada nelayan² untuk memberi pinjaman kepada mereka membeli perkakas² untuk mereka dengan sesuai-nya. Terima kaseh.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Dato' Yang di-Pertua, di-hadapan kita pada hari ini ia-lah suatu Akta bagi meminda Akta Persatuan Nelayan, 1971 dan mengikut apa yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sa-waktu mengemukakan Rang Undang² ini, antara lain² mengatakan bahawa, saya sebutkan, Dato' Yang di-Pertua, ucapan-nya :

"Akta Persatuan Nelayan, 1971 telah di-siarkan sa-bagai Akta Bilangan 44, pada 2hb September, 1971. Dalam masa yang singkat ini sambutan yang di-berikan oleh nelayan² ada-lah menggalakkan dan Kementerian ini telah membuat persiapan² ka-arrah penubohan Persatuan² Nelayan di-bawah Akta ini".

Dari ayat ini, Dato' Yang di-Pertua, saya mendapat faham bahawa sejak di-adakan Akta Persatuan Nelayan, 1971, yang telah di-siarkan pada 2hb September, 1971, telah memberikan suatu harapan yang besar kepada nelayan² di-dalam tanah ayer kita ini, di-mana seperti yang kita semua sedia ma'alum bahawa nelayan ada-lah merupakan golongan yang paling menderita di-dalam tanah ayer kita ini. Sa-tengah² orang mengatakan golongan nelayan ini ia-lah golongan yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang; tetapi kepada saya, saya terpaksa mengatakan lebeh terok sedikit, ia-itu kais pagi dan kais petang boleh makan petang sahaja. Erti-nya, bukan-lah kais pagi makan pagi, kais petang makan petang; tetapi kais pagi dan kais petang boleh makan petang sahaja.

Ini, Dato' Yang di-Pertua, memberi suatu erti bahawa golongan ini amat perlu di-beri perhatian dan saya menaruh keperchayaan yang penoh kepada Yang Berhormat Menteri di-dalam merangka Rang Undang² Persatuan Nelayan ini ia-lah atas hasrat hendak memberi pertolongan yang sunggoh² kepada golongan yang tertindas seperti ini di-dalam tanah ayer kita, tetapi apakala di-lihat pelaksanaan, di-kaji tentang pelaksanaan undang² nelayan² kita telah di-luluskan di-dalam Dewan ini dan di-siarkan pada bulan

September, 1971; pelaksanaan yang saya nampak sa-takat ini hanya-lah peringkat pusat sahaja. Di-lancharkan maju ikan, di-lancharkan perusahaan ikan Peringkat Kebangsaan, Dato' Yang di-Pertua, tetapi kepada peringkat Negeri, sama ada maseh hendak menunggu Rang Undang² atau pun tidak, saya kurang faham dan apa yang saya minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya di-dalam penubohan Persatuan Nelayan ini hendak-lah memberi keutamaan kepada mana² tempat yang datang hasrat-nya daripada ahli nelayan itu sendiri berkehendakkan kepada persatuan, tidak-lah membuat suatu penyusunan bahawa mesti-lah mengikut priority Negeri², atau pun ibu negeri mesti di-tubuhkan dahulu, daerah kemudian, daerah yang kechil di-kemudiankan, daerah yang kechil lagi di-kemudiankan lagi. Apa yang saya hendak minta di-dalam Dewan ini ia-lah supaya di-beri sesuai dengan kehendak di-mana ada nelayan² yang rasa insaf dan sedar dan mempunyai keyakinan kepada Kerajaan berkehendakkan kepada persatuan ini, maka mereka hendak-lah di-beri keutamaan dalam penubohan Persatuan Nelayan ini. Sebab-nya saya terpaksa menyebutkan perkara yang seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana sejak Undang² Persatuan Nelayan di-luluskan di-dalam Dewan ini sedikit masa dahulu dan telah di-ishtiharkan pada 2hb September, 1971, saya telah menemui Pegawai Perikanan dalam negeri Trengganu untuk menubuhkan Persatuan Nelayan di-daerah saya, kerana saya menyedari bahawa golongan nelayan yang ada di-kawasan saya amat-lah berharap kepada persatuan yang seperti ini dan menaruh keperchayaan kepada Kerajaan Perikatan yang ada pada hari ini. Tetapi apakala di-hubongi, jawapan yang saya terima : Besut tunggu dahulu, hendak chuba Kuala Trengganu dahulu. Jadi, ini-lah masaalah yang saya sangat² mengharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya membuat satu peratoran dengan tidak mesti menunggu ibu Negeri buat dahulu, baharu-lah perengkat daerah ikut kemudian. Kalau bagini-lah keadaan-nya kita berjalan dalam tanah ayer kita ini, maka orang yang melarat akan melarat lebeh dahulu sementara hendak menunggu giliran sampai kepada masa pelaksanaan pergi tempat-nya.

Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, saya tentu-lah mengucapkan satinggi² tahniah dan terima kaseh banyak

kapada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana di-dalam usaha² yang telah di-jalankan sa-lama ini amat terang kapada saya bahawa beliau mempunyai minat bahawa beliau mempunyai suatu keinsafan dan kesedaran untuk membela kepentingan kaum nelayan ini. Tetapi apa boleh buat boleh jadi ada halangan², boleh jadi ada dinding² yang menghalang di-dalam perlaksanaan-nya. Sa-bagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang di-sebutkan oleh sahabat saya dari Dungun tadi, sudah banyak kali kita menimbulkan di-dalam Dewan ini anchaman² dan kekejaman² yang di-lakukan dari nelayan² Taiwan terhadap nelayan² dalam negeri Trengganu.

Saya sama berpendapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Dungun tadi, saya amat terperanjat apabila saya membacha surat-khabar pada hari ini, kerana saya sendiri tidak mempunyai keyakinan bahawa perkara ini akan berlaku sa-sudah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan di-dalam Dewan ini pada 20hb Januari yang lalu bahawa beliau akan menghubungi Konsol Taiwan yang ada di-Kuala Lumpur. Tetapi saya ingin hendak mengetahui pada hari ini sejauh mana-kah perhatian yang telah di-beri oleh Konsol Taiwan sa-telah kita hubongi mereka, sedangkan kejadian telah berlaku pula dalam negeri saya sendiri, walau pun benda ini dalam kawasan Dungun, tetapi masalah yang sa-benar-nya bukan di-Dungun sahaja; berlaku di-Dungun, di-Kemaman, di-Kuala Trengganu, di-Besut, walhasil kawasan perayeran yang ada di-hadapan negeri Trengganu itu mengalami anchaman daripada nelayan² Taiwan ini, Tuan Yang di-Pertua. Mereka mencheroboh nelayan² kita dengan menggunakan kekejaman yang paling hebat, Tuan Yang di-Pertua. Mereka sambil² menangkap Ikan, Tuan Yang di-Pertua, mereka ada alat kelengkapan senjata api di-dalam kapal-nya, mereka menembak nelayan² kita, mereka mengejar nelayan², mereka merompak segala nelayan² kita. Hati nelayan mana yang boleh tahan, Tuan Yang di-Pertua, kalau keadaan seperti ini terkena kapada nelayan kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dahulu samasa Dewan ini membahathkan peruntukan Kementerian Pertanian dan Perikanan, saya telah merayu kapada Yang Berhormat Menteri supaya di-hantar sa-buah kapal perang mengawal kawasan saya buat masa itu, tetapi belum ada jawapan. Kalau hanya hendak di-

ronda sahaja di-sana: hari ini kita meronda, dia tidak datang, besok kita tidak meronda, dia datang. Bagaimana hendak mengejar gulungan yang seperti ini, sebab itu-lah pada saya, saya tetap sa-kali merayu kapada Yang Berhormat Menteri supaya menyediakan sa-buah kapal perang dan meletakkan sa-buah kapal perang di-Pulau Perhentian untuk mengawal mereka ini untuk menjamin keselamatan nelayan². Kemudian di-sana di-adakan pasokan yang bertugas sa-chara terus-menerus bergilir². Saya memberi ganguan kira-nya ini dapat di-jalankan, insha'allah, nelayan² kita yang ada di-Trengganu tidak lagi akan di-ganggu oleh nelayan² dari Taiwan. Terima kaseh.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berchakap dengan sa-berapa rengkas-nya bagi memberi sokongan di-atas Akta bagi meminda Akta Nelayan, 1971, yang sedang di-bentangkan di-hadapan Dewan bagi mendapat persetujuan daripada Ahli² Yang Berhormat sa-bagai Wakil Ra'ayat di-negara kita pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kawasan pilehanraya saya di-daerah Mukah ada-lah salah satu kawasan nelayan di-negeri Sarawak yang mempunyai kawasan tepi laut hampir² 80 batu di-mana nelayan² bumiputra diam ia-itu di-Kuala Oya, Kuala Mukah dan Kuala Balingian yang kebanyakan-nya bergantung dengan mata pencharian sa-bagai nelayan. Malang-nya 70% dari mereka ini tidak mempunyai modal untuk membuat atau membeli motobot dan perkakas² penangkap ikan seperti pukut tunda tepi pantai, pukut rantau atau barong panau, mengikut bahasa Sarawak, yang berkehendakkan modal dari \$5,000 sampai \$10,000 untuk satu²-nya.

Sa-lain daripada modal sendiri ada juga mereka itu mendapat pinjaman modal dari S.D.F.C. atau MARA Sarawak. Dan dukachita juga apabila kita memandang kapada nelayan² yang tidak mempunyai harta seperti tanah, kebun dan sa-bagai-nya; sudah tentu barangkali mereka itu tidak dapat meminjamkan wang sa-bagai modal daripada pehak² yang tertentu, kerana tidak ada jaminan untuk mendapat pinjaman wang seperti yang di-kehendaki untuk membeli bot dan pukut. Tuan Yang di-Pertua, mereka ini-lah menjadi alat perkakas kaum modal atau tokeh tempatan yang bekerja sa-bagai nelayan dengan mendapat bahagian yang kecil

sahaja dari hasil tangkapan mereka, kadang² bila waktu nasib-nya tidak begitu baik belanja kopi di-bawa ka-laut pun tidak dapat hendak di-bayar daripada bahagian yang mereka perolehi. Dengan ada-nya Persatuan Nelayan seperti yang di-maksudkan oleh (pindaan) Akta ini, maka saya berdo'a agar dapat memajukan kepentingan ekonomi kaum nelayan dan masharakat di-Sarawak pada khusus-nya dan Malaysia pada seluruh-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kapada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mencari satu jalan bagi pasaran ikan Malaysia di-luar negeri dengan chara mengtin ikan kita sendiri, baik di-Malaysia Barat mahu pun di-Malaysia Timor supaya kita tidak berharap sangat dengan ikan² dalam tin; di-impot dari luar negeri. Negeri Sarawak boleh-lah saya katakan kaya dengan bermacam² ikan dan udang, seperti yang saya katakan dalam Dewan ini lebeh kurang 20 hari yang sudah waktu perbahathan Rang Undang² Perbekalan, 1972, kadang² di-Mukah dan Oya pada masa bulan April sampai Ogos, ikan bilis berharga \$2 pada satu pikul dan ada juga di-buang ka-sungai kerana tidak laku. Dengan hal yang demikian, saya harap mendapat perhatian Kementerian Pertanian supaya ikan² bilis seperti itu boleh di-buat baja tanaman di-samping memberi pekerjaan pada ra'ayat supaya dapat menunaikan chita² Kerajaan kita demi mempertinggikan lagi taraf kehidupan sa-bahagian besar ra'ayat yang miskin, lebeh² lagi kaum bumi-putra di-negara kita hari ini.

Akhir-nya, sa-kali lagi saya memberi sokongan bagi meminda Akta Persatuan Nelayan, 1971. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok mengambil bahagian dalam perbahathan Akta Persatuan Nelayan (Pindaan), 1972 dan saya mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, malam tadi saya membangkitkan kesusahan², kesulitan² gulongan kaum petani, pada hari ini kami telah mendengar kesulitan², kesusahan², masalah² satu² gulongan pekerja² yang taraf kehidupan-nya paling rendah ia-itu kaum nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kami telah mendengar Ahli Yang Berhormat dari Besut mengatakan kaum² nelayan bukan kais pagi

makan pagi, kais petang makan petang, tetapi beliau menyatakan nelayan² itu kais pagi dan kais petang, makan petang sahaja. Ma'ana-nya nelayan² itu walau pun mereka bekerja sa-hari suntok, chuma dapat makan sa-kali sahaja ia-itu pada waktu petang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui Kerajaan ada membantu dan menolong kaum nelayan, tetapi pada pendapat saya, apa yang di-buat oleh Kerajaan atau oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan tidak menchukopi. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentoh sedikit sa-banyak tentang perkara ini. Kami sedar, Tuan Yang di-Pertua, diantara nelayan² ia-lah ada dua pehak ia-itu trawler fishermen dan inshore fishermen.

(*Dengan izin*) From time to time we hear the Minister of Agriculture and senior officials of the Ministry of Agriculture, whenever there is a *pergadahan*, whenever there are boats that are being burnt, either by inshore fishermen burning the boats of trawlers, or *vice-versa*, rushing to the place trying to put out the fire and then they say we have taken effective steps to put an end to the dispute between these two sets of fishermen, namely, the trawler fishermen and the inshore fishermen. But lo and behold, another two or three months later perhaps in the very same place, the same dispute arises and the same burning of boats happens. Mr Speaker, Sir, in order that we may try and resolve this Gordian knot, I would like to make a proposal to the Honourable Minister that he should slowly but seriously and surely try and modernise our fishing and try and persuade the inshore fishermen that while traditionally and for decades they may have depended for their livelihood on inshore fishing, now they should really try and convert into trawler fishing which is more modern and which brings in greater income, but unfortunately also brings in greater responsibilities, greater capital and the like. Now, the inshore fishermen naturally do not have such funds to go in for trawler boats, and this is where either MARA or Bank Bumiputra or the Ministry of Agriculture should find ways and means to persuade the inshore fishermen to convert from inshore fishing to trawler fishing. If this is done over the years, then I dare say that the disputes, the fights, the killings, and the burning of the boats will come to an end.

Mr Speaker, Sir, I shall touch briefly on how in other ways the Ministry or the Government can help the fishermen because, apart from being exploited, they really have a very poor income. Take the case of the East Coast fishermen. Now they have a new danger; they call it, anchaman daripada Taiwan. Apart from this new danger which did not exist until very recently, it is no secret that in the East Coast they only go to fish perhaps for about 9 to 10 months in a year because in the north-east monsoon the boats cannot go out. So, virtually, I think the fishermen on the East Coast work for about perhaps 9 to 10 months in a year. Mr Speaker, Sir, this is nothing new and I am sure the Ministry of Agriculture has known the problems that face the fishermen. As the Honourable Member for Besut has stated, it is a question of implementation; he called it pelaksanaan when he touched on the problems of the fishermen. Now it is well known that you know you must provide refrigeration for the catch that comes along so that if it is not refrigerated quickly it turns bad and they have to turn it into baja; they have to turn it into fertilisers. It is also well known that they must have storage facilities for their excess catch, and that they must have quick transport facilities to bring the catch to the markets that want the fish. Now these problems are well known to the Ministry of Agriculture, but unfortunately the actual steps taken to help the fishermen are not as adequate as one would like them to be. Now, I say this because about two weeks ago I visited some fishermen in Sungei Besar; apart from visiting the town of Patani I also visited the fishermen, and one of their problems is, they say: "Doctor, you see, we carry this ice from Telok Anson and Kuala Lumpur—all the way from there". One would have thought that FAMA or the Ministry of Agriculture would have set up an ice factory on the north-west coast of Selangor because you have various fishing points along the north-west coast, and if there is an ice factory naturally the fishermen would not have to depend on ice from such a very great distance which increases the cost of the fish they sell to the markets.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya menyeru Kerajaan Pusat atau Kementerian Pertanian dan Perikanan

bekerjasama dengan nelayan² dan insha'-Allah taraf kehidupan nelayan² di-masa akan datang akan di-naikkan. Terima kasih.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun menyokong serta membuat beberapa tegoran. Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah pun menyatakan ia-itu Maju Ikan atau Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan membena beberapa buah bot di-bawah Rancangan-nya tetapi ini tidak akan dapat di-berikan kepada keseluruhan nelayan². Jadi berkenaan dengan perkara ini saya terpaksa mengakui perkara yang sa-benar, kerana nelayan yang ada dalam negeri ini ia-lah lebeh kurang 75,000 orang dan lebeh kurang 20,000 di-Malaysia Timor dan lebeh daripada 50,000 orang di-Malaysia Barat, di-antara itu ada lebeh kurang 30,000 orang yang bekerja sa-bagai inshore fishermen dan ada pula yang di-antara-nya yang tidak mendapat pendapatan yang baik. Jadi kalau sa-kira-nya Kerajaan atau pun Maju Ikan hendak mengadakan bot bagi tiap² orang nelayan ini berma'ana-lah terpaksa pehak Maju Ikan mengadakan sa-kurang²-nya 20,000 di-bahagi dengan 8, jadi berma'ana-lah terpaksa menubuhkan lebeh kurang 2,500 buah bot baharu-lah boleh menchukopi seluruh nelayan.

Jadi bot yang sa-banyak ini sudah tentu-lah tidak dapat hendak di-adakan bukan sahaja wang-nya tidak ada barangkali, tetapi masa untuk hendak di-ambil untuk hendak membena bot ini pun, saya rasa tentu-lah mengambil masa yang panjang. Walau bagaimana pun di-bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua peruntukan sa-banyak \$10 juta telah di-adakan dan pada tahun ini \$2 juta dan pehak Maju Ikan akan membena atau membeli bot² dan bot² ini akan kita sewakan atau jual dengan sa-chara ansoran kepada nelayan² yang ada di-dalam negeri ini dan rancangan ini sedang di-susun di-kaji oleh pehak Maju Ikan kerana Maju Ikan baharu di-tubuhkan sa-bulan sudah dan sekarang sedang membena rancangan ini ia-itu untuk hendak membena atau hendak membeli bot² dan bot ini akan di-sewa, atau pun di-jual dengan chara ansoran kepada nelayan².

Kita juga akan mengadakan satu skim ia-itu nelayan² di-kehendaki barangkali mengikut chadangan ranchangan² itu untuk meletakkan 10% atau pun 15% wang pendahuluan dan kita akan serahkan bot ini dengan sebab kalau sa-kira-nya tidak ada wang pendahuluan sudah tentu-lah tidak ada tanggong-jawab kepada bot ini dan sa-bagai-nya, kalau bot rosak berma'ana-nya Maju Ikan akan rugi. Maka dengan sebab itu wang pendahuluan dan sa-bagai-nya di-kehendaki. Kita juga akan mengadakan ranchangan ia-itu hasil yang akan di-dapati oleh nelayan² ini akan di-simpan sama ada di-Post Office Savings Bank atau pun di-Persatuan² Nelayan atau pun kepada Maju Ikan sendiri dan wang yang di-simpan ini manakala terkumpul akan menjadi modal kepada nelayan² untuk membeli bot di-masa akan datang. Jadi tujuan kita ia-lah supaya nelayan² itu akan dapat memileki bot² ini pada satu masa kelak. Jadi ini-lah ranchangan yang di-jalankan dan kita harap dengan wang \$2 juta atau pun \$10 juta dalam masa Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini akan membena beberapa buah bot atau membeli beberapa buah lagi. Dalam pada itu pun pehak Kerajaan telah pun mengarahkan Kementerian saya dan Jabatan Perikanan untuk menyiasat dan menyediakan satu ranchangan yang besar dan ranchangan yang comprehensive untuk menukarkan nelayan² kecil ini kepada nelayan² pukut tunda. Jadi, siasatan berkenaan dengan ini sedang di-sediakan oleh Kerajaan dan insha' Allah akan di-putuskan tidak berapa lama lagi.

Masaalah pergadohan atau perkelahian yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batu itu sa-benar-nya pada masa sekarang ini kebanyakan daripada nelayan² kecil di-seluruh Pantai Selangor, Pantai Perak daripada Hutan Melintang sa-hingga kepada Port Weld boleh di-katakan telah pun bertukar, atau menukarkan perusahaan tangkapan ikan itu daripada perusahaan biasa kepada pukut tunda. Di-Pantai Rimis sahaja pada tahun sudah kita telah pun mendaftarkan sa-banyak 1,400 buah bot pukut tunda. Di-Pulau Pinang tidak ada menjadi masaalah, melainkan satu dua tempat sahaja dan di-negeri Kedah, di-Perlis tidak juga menjadi masaalah. Pergadohan yang berlaku ini ada-lah chuma di-antara sempadan Larut dan Matang dengan Krian ia-itu di-atas sadikit dengan Port Weld

membawa sempadan Perak dengan Pulau Pinang. Ini-lah chuma tempat pergadohan yang berlaku pada masa sekarang ini sa-lain daripada itu boleh di-katakan tidak ada pergadohan berlaku kerana nelayan² telah pun kebanyakan-nya bersetuju untuk menjalankan perusahaan pukut tunda.

Pihak Kerajaan atau Kementerian saya sedang menjalankan ranchangan untuk memberi bantuan kepada nelayan² ia-itu di-Sarawak di-bawah Ranchangan Lima Tahun, kita ada \$300,000 pada tahun 1972 peruntukan sa-banyak \$100,000 akan di-beri kepada nelayan². Ini ada-lah merupakan bantuan terus bukan sa-chara pinjaman atau subsidy. Di-Malaysia Barat pula di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua ada peruntukan sa-banyak \$2,710,000 dan pada tahun 1972 ini ia-lah \$814,000. Daripada \$814,000 ini saya telah menguntokkan sa-banyak \$200,000 untuk membeli enjin bot atau enjin sangkut atau enjin dalam atau enjin sangkut, dan akan di-beri kepada nelayan² yang menjalankan perusahaan tangkap ikan dengan tidak menggunakan enjin kerana ada lagi di-antara nelayan² kita pada masa sekarang ini yang menggunakan dayong untuk menangkap ikan di-lautan. Maka dengan sebab itu pehak Kementerian telah pun membuat satu ranchangan untuk membeli enjin dan memberi kepada nelayan² ini dengan perchuma; ini bukan pinjaman dan sa-bagai-nya, tetapi kita beri dengan perchuma dan tahun ini peruntukan yang di-tetapkan ia-lah \$200,000 dan tahun hadapan insha' Allah akan dapat di-tambah lagi.

Sa-lain daripada itu bagi Pantai Timor ia-itu Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor kita juga ada membuat satu ranchangan untuk memberi bantuan perchuma pukut², kerana di-kawasan² di-sabelah Pantai Timor itu satu chara pukut tidak menchukupi untuk menangkap ikan dalam masa satu² tahun. Kerana apabila bukan musim tengkujuh dia berkehendakkan satu chara pukut, bila datang musim tengkujuh dia berkehendakkan satu chara pukut untuk menangkap udang sahaja. Jadi dengan itu kita memikirkan ada-lah mustahak bagi Kerajaan untuk memberi pertolongan kepada nelayan² di-Pantai Timor ini untuk memileki satu lagi pukut, jadi dia beli satu, kita beri satu. Jadi dengan sebab itu pehak Kementerian telah pun menguntokkan sa-banyak \$200,000 daripada \$814,000 tadi

untuk tujuan ini. Dan baki \$414,000 ini ia-lah di-untukkan untuk memberi subsidy kepada bot² yang akan di-bena oleh nelayan² sama ada oleh Maju Ikan di-beri kepada nelayan, atau nelayan sendiri menerusi Persatuan² Nelayan yang akan di-tubuhkan terutama sa-kali dan boleh jadi juga di-antara-nya yang menjadi ahli shari-kat² kerjasama.

Berkenaan dengan bot ronda yang di-bangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun, saya rasa yang mengatakan chuma ada 4 buah bot ronda untuk meronda kawasan negeri kita. Sa-benar-nya ini tidaklah betul kerana bot ronda yang ada pada masa ini ia-lah 12 buah, dua di-Trengganu, satu di-Kuantan, dua di-Johor, satu di-Selangor, dua di-Perak, 4 di-Pulau Pinang dan kapal² TLDM Polis Laut ada-lah juga menjalankan peranan masing² untuk menolong dalam perondaan di-perayeran negeri ini.

Dan berhubung dengan masalah mengadakan kapal perang untuk meronda atau pun menjaga keselamatan nelayan di-Pantai Timor, perkara ini juga pehak Kementerian saya atau Jabatan Perikanan telah pun berhubung dengan pehak Kementerian Pertahanan dan rondaan kapal² ini ada di-lakukan di-kawasan² yang tertentu, tetapi sa-bagaimana yang saya sentiasa sebut kawasan laut tidak ada rel atau tidak ada road construction yang tertentu hendak tahu tempat ronda sahaja, kerana kadang² kapal kita ada di-sini, di-sana berlaku; kapal ada di-sana di-sini berlaku, jadi ini perkara yang menjadi kesulitan kepada pehak peronda sama ada daripada Jabatan Perikanan, atau pun daripada Jabatan Polis Laut, atau pun daripada pehak TLDM.

Berhubung dengan bilek sejok, ini satu perkara yang aneh sadikit, kerana kebiasaannya nelayan² yang datang naik ka-darat membawa chuma lebeh kurang 10 atau 15 kati atau pun sa-pikul ikan-nya, dia tidak hendak simpan di-bilek sejok, kerana bila dia sampai sahaja ka-darat, sudah tentu-lah ada perah yang berkehendakkan, yang membeli ikan² dia. Jadi yang berkehendakkan menggunakan bilek sejok ini ia-lah perah² yang membeli ikan daripada nelayan² dan ikan² itu sa-belum di-bawa ka-Kuala Lumpur atau sa-bagai-nya ada-lah di-simpan untuk sementara waktu di-bilek² sejok. Jadi kalau sa-kira-nya ada nelayan² yang hendak

simpan ikan 10 kati atau 15 kati, saya rasa, dapat kita uruskan supaya ikan² itu di-simpan di-bilek sejok, walau pun bilek sejok telah pun di-beri chara tender kepada mana² pehak.

Ahli Yang Berhormat dari Limbang-Lawas telah meminta supaya pehak Kementerian saya menubuhkan Persatuan Nelayan di-Limbang atau pun di-Lawas. Sa-benar-nya dalam lawatan saya ka-Lawas pada tahun sudah, saya telah melawat ka-Kampong Awak-Awak dan saya telah pun memberi persetujuan untuk menubuhkan Persatuan Nelayan di-Kampong Awak-Awak. Di-sini saya suka menegaskan ia-itu sa-hingga hari ini boleh di-katakan Persatuan Nelayan ini ada-lah sangat laris kerana boleh di-katakan tiap² nelayan yang ada di-negeri ini berkehendakkan kepada penubohan. Pada mulla saya menyangka ia-itu dalam tahun 1972, kita hendak tubuhkan chuma 10 buah Persatuan Nelayan, tetapi hari ini angka itu telah pun bertambah dan kita akan menubuhkan, kalau ta' silap lebeh kurang 20 buah Persatuan Nelayan atau pun lebeh daripada itu dalam tahun 1972 ini, tetapi masalah yang berbangkit ia-lah masalah pegawai kerana tiap² Persatuan Nelayan yang kita tubuhkan, kita berkehendakkan kepada 3 orang pegawai, ia-itu sa-orang Penolong Pegawai Perikanan (Fisheries Assistant) dan kita berkehendakkan dua orang Fisheries Field Assistants. Jadi, tiga orang kita tempatkan kepada tiap² Persatuan Nelayan kerana dasar kita dalam penubohan Persatuan Nelayan dan Persatuan Peladang kita menempatkan Pegawai Pertanian atau Pegawai Nelayan bagi memandu, memimpin dan mengurus persatuan² itu sa-hingga ahli² persatuan itu sendiri sanggup berdiri di-atas kaki-nya sendiri, masa itu kita serahkan pengurusan itu kepada mereka. Jadi, saya juga telah pun menguruskan hendak mengadakan crash programme berkenaan dengan latehan pegawai² dan latehan pegawai² ini akan mengambil masa 3 bulan satu shift tetapi latehan ini ia-lah 6 bulan, sa-lepas di-lateh 3 bulan, kita keluarkan dia, tempatkan dia di-Persatuan Nelayan dan 3 bulan sa-lepas itu di-masokkan balek sa-lama 3 bulan baharu di-keluarkan. Jadi, langkah sedang di-jalankan untuk menubuhkan lebeh kurang 20 buah dalam tahun 1972 dan jumlah semua sa-kali di-anggarkan lebeh kurang 60 buah

di-seluruh Malaysia, ia-itu 7 buah di-Sarawak, barangkali 6 buah di-Sabah dan sa-lebeh daripada itu ia-lah di-Malaysia Barat.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Daripada 20 buah yang hendak di-tubuhkan dalam tahun 1972 ini, ada-kah termasuk Daerah Besut?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Dato' Yang di-Pertua, penubohan ini akan di-buat di-tempat² yang mana di-fikirkan lebeh mustahak dahulu, kerana priority terpaksa-lah di-tetapkan oleh saya sa-telah berunding dengan pegawai² kerana pada saya tidak ada satu yang kaseh sayang, melainkan seluruh nelayan ada-lah patut kita pelihara dan jaga, dengan sebab itu priority yang akan di-tetapkan sa-telah berunding dengan pegawai² yang berkenaan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Dato' Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Apakah asas priority dalam penubohan Persatuan Nelayan ini?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Dato' Yang di-Pertua, saya minta teruskan jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah-lah bertengkar, masa telah suntok.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Jadi, Dato' Yang di-Pertua, saya tidak akan memanjangkan lagi jawapan saya dan sekian-lah sahaja, terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 9 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PERLINDONGAN HIDUPAN LIAR

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon izin menchadangkan supaya Rang Undang² Hidupan Liar, 1971 ini di-sediakan untuk menggantikan Ordinan Perlindungan Binatang² dan Burong² Liar Bil. 2/1955 (The Wild Animals and Birds Protection Ordinance No. 2/1955) ini ia-lah bertujuan mengatasi kelemahan² yang terdapat dalam undang² sekarang ini dengan memusatkan pentadbiran Jabatan² Mergastua Negeri dan tanggung-jawab terhadap hal ehwal binatang² liar kepada Kerajaan Pusat. Ia juga mempunyai peruntukan² yang lebeh rapi dan chukup bagi mengawal dan mengekalkan hidupan² liar yang terdapat di-dalam negara ini.

Banyak kelemahan² terdapat dalam undang² yang ada sekarang ini, sama ada dari segi pentadbiran mahu pun dari segi undang². Mithal-nya, Ketua Pelindung Mergastua, sa-orang pegawai tertinggi Persekutuan bagi Jabatan Mergastua di-seluruh Malaysia Barat yang di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hanya mempunyai kuasa untuk menasihati kepada Pelindung² Mergastua Negeri. Sedangkan, Pelindung² Mergastua Negeri ia-itu Ketua Jabatan Mergastua di-satu² negeri, mempunyai kuasa² yang lebeh daripada-nya, dan tidak pula terikat kepada nasihat²-nya.

Huraian² berkenaan dengan Undang² ini ada terkandung di-dalam Rang Undang² ini sendiri dan beberapa pindaan akan di-buat di-dalam Jawatan-kuasa dan senarai pindaan itu telah pun di-bentangkan di-dalam Majlis ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, ia-itu Rang Undang² Perlindungan Hidupan Liar. Saya nampak

dengan terlaksana-nya Rang Undang² ini, maka akan terjamin-lah binatang² liar kita yang menjadi khazanah dalam hutan belantara kita dalam negeri ini. Chuma yang hendak saya bangkitkan, Dato' Yang di-Pertua, dalam tafsiran binatang liar, Fasal 3 itu, saya ingin tahu ada-kah termasuk serangga, ya'ani lebah atau sialang. Serangga ini mendatangkan hasil kepada negara dan mempunyai khasiat yang tinggi mutu-nya nisbah manis dalam dunia ini. Jadi, saya harap kalau ta' ada buat satu peratoran supaya di-lindungi lebah² ini dan anak² lebah ini daripada di-musnahkan oleh manusia dengan chara di-bakar dan sa-bagai-nya.

Yang Kedua, Dato' Yang di-Pertua, berhubong dengan permit, kebenaran menggunakan binatang² liar ini sudah menjadi tabii dalam negeri ini. Manusia dalam dunia ini atau di-Malaysia ini suka mendengar bunyi²an burung dan suka dengan keindahan dan kechanteakan bulu burung. Jadi, boleh di-katakan manusia yang berminat ini di-rumah-nya ada menyimpan burung² ini. Jadi, saya harap Kementerian ini memberikan kechualian kepada mereka yang menyimpan burung² ini, liar-nya di-jinakkan. Juga satu perkara, di-sekolah² telah menggunakan binatang² ini untuk pelajaran sains rendah. Ini juga harus kita pertimbangkan, di-beri permit perchuma kepada sekolah itu.

Satu perkara lagi, dalam masaalah permit ini juga, bahawa telah menjadi kebiasaan satu² masa, satu² musim, burung punai daripada gunung atau pun laut itu datang kawasannya yang rendah dengan begitu banyak. Ini telah di-tangkap oleh orang² ramai, ra'ayat jelata. Saya harap mereka ini juga di-berikan permit perchuma atau satu permit khas, sebab burung ini dapat di-tangkap dengan banyak pada sa-suatu musim.

Satu perkara lagi, Dato' Yang di-Pertua, Jabatan ini juga pada masa sekarang saya fikir, patut mengambil lesen anjing² dalam negeri, sebab pada masa dahulu anjing ini lesen-nya di-keluarkan oleh Pejabat Pos, pada masa sekarang ta' tentu hala tuan punya anjing di-mana hendak di-bayar lesen ini dan Jabatan ini patut memusnahkan, membunuh anjing liar yang tidak ada bertuan. Ini mendatangkan kesusahan kepada ra'ayat negeri ini dan mendatangkan juga penyakit.

Satu perkara, Dato' Yang di-Pertua, burung liar dalam negeri kita ini sa-banyak 520 jenis, tetapi malang-nya dalam Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka belum dapat lagi mengambil nama burung² ini sa-penoh²-nya dalam Bahasa Kebangsaan dan masaalah ini saya fikir patut kita fikirkan sa-mula supaya burung² yang lahir-nya di-tanah ayer kita ini di-beri nama dengan nama tanah ayer kita di-Malaysia ini. Dan juga saya harap Jabatan ini akan mengkaji supaya mengadakan sa-orang pakar mengajar burung² ini boleh berchakap, yang sangat di-gemari oleh sa-tengah² manusia. Ada sa-tengah burung dalam Malaysia ini boleh bertutor, Dato' Yang di-Pertua. Jadi, kalau ada pakar yang boleh mengajar burung ini boleh bertutor, burung ini bukan sahaja menyenangkan orang, boleh kita jadikan perniagaan, termasuk-lah binatang² ini juga boleh di-gunakan, Dato' Yang di-Pertua, kalau di-ajar boleh memanjat pokok kelapa saperti berok dan kera dan hal ini, saya fikir bagi Kementerian ini patut di-beri perchuma, jangan di-kenakan lesen kepada orang yang menyimpan berok dan kera yang telah pandai, yang telah jinak untuk di-gunakan memanjat pokok buah²an ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sebutkan langsung nama burung yang boleh berchakap itu!

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Terima kaseh. Di-antara burung² yang boleh berchakap ia-lah burung tiong, burung murai, burung nuri dan ada burung² yang lain, yang belum di-kenali termasuk-lah burung helang. Burong helang ini bukan boleh di-gunakan untuk berchakap, dia boleh di-gunakan kerana memburu binatang²; besar guna-nya burung helang.

Akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, dalam masaalah Orang² Asli dalam negeri ini di-berikan kebebasan boleh menembak, menyumpit burung² ini dengan tujuan dia hendak makan, tetapi Orang² Asli ini sekarang sudah moden, mereka juga akan menembak dan menyumpit binatang² di-hutan ini, kita kechualikan dia kerana menjual daging² binatang ini.

Satu perkara lagi, Dato' Yang di-Pertua, yang akhir-nya tiap² tanah rezeb hutan kehidupan liar yang telah di-rezabkan, kemudian sekarang di-ambil aleh oleh Kerajaan Negeri, tanah ini juga saya harap Jabatan ini, Kementerian ini meminta

kapada Kerajaan Negeri supaya mengambil balek tanah itu atau di-gantikan dalam satu kawasan lain demi untuk kepentingan binatang² liar kita di-dalam negeri ini. Sekian-lah, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Dato' Yang di-Pertua, saya suka berchakap tentang Rang Undang² Perlindungan Hidupan Liar ini. Dato' Yang di-Pertua, dengan ada-nya Rang Undang² baharu dan membatalkan Rang Undang² yang lama berhubung dengan perlindungan yang di-berikan kepada binatang² liar ini, ini ada-lah satu pembaharuan bagi binatang yang ada di-dalam negara kita ini.

Dato' Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang kita tahu bahawa binatang² ini mengikut apa sahaja pun pengajaran hendak-lah di-beri perlindungan kerana binatang² ini ada-lah sama dengan kita, hidup dan mempunyai nyawa dan sekarang ini, Dato' Yang di-Pertua, kedudukan binatang² liar ini sudah kesempatan dengan sebab ranchangan² tanah yang di-buka oleh Kerajaan. Di-sana sini mereka tidak ada tempat untuk tinggal lagi dan berhijrah ka-sana sini, hatta sa-tengah² binatang itu sa-balek-nya lari ka-kampong² yang telah lama, ia-itu kampong² yang mempunyai pokok² yang lama, pokok² durian yang besar, yang di-sangkakan itu lebeh hutan daripada tempat² ranchangan yang di-buka oleh Kerajaan pada masa ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya mengalu²kan hal ini, dengan sebab banyak binatang yang ada dalam negeri kita, seperti badak, seperti seladang dan lain² yang perlu kita awasi, yang perlu kita jagai dan mungkin menjadi kegunaan kita di-masa yang akan datang. Apa yang saya ingin sebutkan ia-lah tentang ada-nya beberapa perkara yang harus di-ambil perhatian oleh pehak Kerajaan, ia-itu pertama, berhubung dengan chara Kerajaan mengeluarkan lesen² menembak pada penembak² yang menjadi kegemaran-nya untuk menchari reseki² di-dalam hutan seperti orang² yang menembak rusa, menembak berbagai² binatang yang di-makan oleh manusia.

Dato' Yang di-Pertua, saya harap lesen ini di-beri dengan sa-chara yang lebeh senang, walau pun perlu di-kawal dengan sa-baik²-nya kerana untuk menjagai binatang² liar yang di-dalam hutan, tetapi kita tidak boleh menahan kehendak² orang²

ramai yang mahu menchari dan merasai nikmat kelazatan daging rusa dan daging kijang dan sa-bagai-nya.

Dato' Yang di-Pertua, ini saya sebutkan ia-lah kerana sa-lama ini ada kesulitan chara memberi atau pun mengambil lesen menembak binatang² ini, mungkin kerana undang² yang telah lalu ada sedikit sa-banyak kekurangan, tetapi dengan ada-nya undang² baharu ini mungkin kekurangan itu, kesulitan itu akan dapat di-atasi.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sebutkan ia-lah tentang beberapa perkara harus di-kechualikan daripada mengambil lesen, ia-itu burong² seperti burong tekukor atau pun tekukor jawa. Walau pun burong² ini ada-lah burong² liar, tetapi boleh di-pilehara sa-bagaimana burong yang di-jadikan untuk perusahaan atau perniagaan dan isi-nya boleh di-makan dan telur-nya boleh kita ambil sa-tiap masa, kalau kita pelihara di-tempat² yang tertentu dan orang² yang pandai benar² dia tidak payah kurong lagi burong² tekukor ini, tekukor jawa dan sa-bagai-nya bahkan dia memberi satu chara makan, dia boleh bela dengan sa-chara ramai dan banyak. Kalau perkara ini hendak di-lesenkan, saya harap jangan-lah burong seperti ini di-lesenkan.

Sa-lain daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, saya minta di-kechualikan daripada lesen di-atas berok dan kera yang di-gunakan untuk memanjat pokok² kelapa. Ini saya pernah menerima pengaduan bahawa di-masa² yang lalu orang² kampong telah berasa kechil hati kapada pehak Kerajaan, kerana berok yang di-tangkap di-dalam hutan—dia tangkap berok dan pegawai yang berkenaan tangkap dia, kerana kata-nya salah tangkap berok. Tuan Yang di-Pertua, hal ini saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya ambil perhatian supaya berok² ini jangan-lah di-ambil lesen dan di-beri kebebasan kapada mereka yang mahu membela dan memelihara berok untuk kepentingan menchari rezki dan memanjat kelapa dan boleh mereka mengajar-nya dengan chara yang baik. Tetapi sa-balek-nya pula kalau ada orang² yang mahu membuka perniagaan berok ia-itu menangkap berok dalam negeri kita ini dan di-hantar ka-luar negeri; ini pun harus di-kawal. Sebab saya sebut di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tahu ada negeri² yang mahu banyak berok, mahu

membeli berok atau pun kera dan ada orang² dalam negeri ini yang mahu mengadakan perusahaan atau perniagaan yang seperti itu. Jadi kalau-lah ada permohonan² seperti ini, saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan harus mengawal dan menjaga sama ada dengan mengenakan lesen yang berat atau pun sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sebut lagi ia-lah tentang sa-tengah pegawai² kita yang menjalankan tugas-nya dalam melindungi mergastua ini di-bawah jabatan ini ia-lah dengan mengambil tindakan sa-chara kasar pada sa-tengah² orang kampung. Orang kampung, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan-nya kurang mengetahui undang², walau pun dari segi peratoran apakala kita telah mengeluarkan undang², apakala kita telah mengeluarkan gezet beretri undang² itu berjalan, undang² itu berlaku kepada sa-siapa yang melakukan kesalahan ini. Sa-balek-nya kepada orang kampung, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tahu undang² itu berjalan. Ada tidak undang² ini dan apa yang dia buat ini ada-kah salah atau tidak salah, dia tidak tahu. Pernah kejadian berlaku ia-lah pegawai yang berkenaan pergi menangkap dengan sa-chara kasar. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri berkenaan mengambil perhatian supaya kalau ada orang² kampung yang melakukan kesalahan seperti itu jangan-lah di-ambil tindakan dengan kasar, dan pergi-lah beritahu kepada mereka yang terlibat dengan kesalahan ini dengan chara terhormat dan terator dan mengambil tindakan sa-chara baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara ingin saya sentoh

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang², tidak boleh: saya sudah kata dari mula tadi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sadikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, perkara-nya ia-lah pegawai² yang menjalankan mengawal binatang² di-bawah jabatan ini perlu di-beri latehan yang chukup, sebab sa-tengah² penembak binatang² liar yang berada di-bawah Kementerian itu kurang begitu mahir, terdapat kejadian di-mana ada sa-tengah² pegawai yang menjadi petugas dalam penembakan satu² binatang. Mithal-nya, menembak gajah tidak begitu mahir dalam urusan-nya. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan ambil

tindakan melateh orang² menembak chara yang mahir, menembak dengan chara yang pandai supaya yang di-tembak itu mati dan jiwa-nya sendiri dapat terselamat. Tuan Yang di-Pertua, hal ini saya sebutkan untuk kebaikan bersama. Terima kaseh.

Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan): Tuan Speaker, saya hendak berchakap sadikit dalam Rang Undang² Perlindungan Hidupan Liar, 1971. Saya sa-tengah²-nya sahaja ber-setuju dalam Rang Undang² ini, sebab ada banyak sekshen² itu yang tidak betul dan ambiguous. Dan lagi, Tuan Speaker, saya minta izin berchakap dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa Ma'aysia tidak payah minta izin.

Tuan Ng Hoe Hun: Terima kaseh. Berhubong dengan perkara Bahagian II—Pentadbiran mengenai perlantekan pegawai², nampak saya sa-orang Ketua Pelindung Mergasetua boleh dari masa ka-masa lantek honorary Game Warden.

(Dengan izin) This, Sir, is a good move and I support the appointment of honorary Game Wardens. But, if you read further through this Bill, Sir, you will note that the honorary Game Warden is also given the absolute power of the Game Warden. Now, Sir, this is bad, because the Game Warden is also given the power of arrest and search without a search warrant. Berhubong dengan ini, sila buka muka 13, Clause 7, which states, under the heading "Search without warrant" as follows:

“ a Game Warden or an authorised officer may without a search warrant enter and search any vehicle or dwelling house, shop, business premises ”

To my mind, this is wrong and it is against the very concept of democracy. By passing this Bill, Sir, the Game Warden is given the power of a Senior Police Inspector. Where will this lead us to, Sir? I think confusion and disenchantment will arise from this Clause of the Bill. I, therefore, appeal to the Minister to remove and delete the power of search without a search warrant from this Bill. We in Malaysia practise democracy and, as a democratic country, we should not empower Game Wardens with the power of search without a search warrant.

Berhubung dengan gaji² Game Rangers, Sir, I suggest that their poorly-paid salary be adjusted, so that they can live like honest citizens and without being swayed by bribery and corruption. I, therefore, call on the Minister to start proceeding to increase the extremely poor salary scale of the Game Rangers.

Still speaking on Game Rangers, I note that informers are paid in cash for information given to the Game Wardens. Now, Sir, the correct method of activating the poorly-paid Game Rangers would be to give them a whole or half share of the rewards given to informers, thereby increasing the efficiency of the Game Department. I, therefore, suggest that Clause 23, page 18, be amended to include also Game Rangers in respect of rewards paid.

I now refer to page 9, Clause 31 of this Bill. It is noted that the open seasons throughout Malaysia will be declared by the Minister. Now, Sir, this Bill does not say if the old system of open seasons will be followed, i.e. declaring varying open seasons for various States. I shall, therefore, be grateful if the Minister will follow the old system and leave the opening and closing of open seasons to the various State Wardens.

I refer to page 20, Clause 29 (f) which states that it is an offence to keep the trophy of any protected wild animal or protected wild bird unless he is the holder of a licence or a special permit. Now, Sir, if this law is passed, even our Perdana Menteri will have committed this offence as he possesses the trophy of a tiger. I am sure our Honourable Prime Minister did not shoot the tiger, but it was presented to him. Technically, it is a crime under the new Act to possess the tiger trophy.

In this connection, Sir, I wish to bring to the notice of this House of the case of a photographer who was fined by the Game Warden for possessing a stuffed wild cat. Like the Prime Minister, he was presented with the stuffed cat and proudly he displayed it in his photographer's shop. But what happened, Sir? The Game Ranger came to the shop, confiscated his trophy and made him pay a compound fine, which he paid. The trophy has still to be returned to the photographer, but I understand, Sir, that the trophy was presented to him by a licensed shooter and stuffed by a licensed taxidermist.

I now appeal to the Perak Game Warden to refund the fine and return the trophy back to the photographer.

A similar case to the above took place at the Parit Buntar Magistrate's Court in which a person was accused of holding a stuffed trophy without a permit. The trophy was given to him by a licensed taxidermist. The Magistrate was right, Sir, when he threw out the case and the trophy was returned to the accused.

Berhubung dengan ini saya harap Menteri ini boleh buat adjustments so that people without permits can possess animal trophies.

I finally refer to page 33, Clause 74, Additional penalty where a person shoots, etc. wild life during prohibited hours. Clause 74 (1) gives the time period of 7 p.m. to 6 a.m. when it is prohibited to shoot totally protected animals. Clause 74 (2) does not give a time period. This Clause is ambiguous and means relatively nothing. I appeal to the Minister to redraft this Section and clarify it and give a definite time period to shoot protected wild animals or protected wild birds.

Sir, Section 74 (3) states that it shall not be an offence for any person to shoot, kill or take any number of the protected wild animals described in Schedule II, such as flying fox, wild pigs, etc. between 6 o'clock in the morning and 11 o'clock at night. Sir, this means that licensed shooters cannot shoot between 11 o'clock at night and 6 o'clock in the morning. This has many disadvantages, and it will take many pages to describe why. I shall therefore not go further to describe the many disadvantages; the Game Department knows what they are.

I would appeal to the Minister to alter the time period required from the restricted stated time to the full 24 hours, to enable licensed shooters to enjoy their sport. Furthermore, Sir, there will be an uproar throughout West Malaysia if some parts of the Bill are not amended.

Sir, there are still many more faults in this Bill which is ambiguous and if passed will not enable the Game Department—the Game Warden and the Rangers—to make definite decisions. As it stands now, Sir, there are already amendments to Clauses 3, 56 (4), 58 (d), 61, 84, etc. as shown by this piece of paper, Sir, white in colour, under the heading

of "Protection of Wild Life Bill, Amendments." This is not good and reflects, as I have said, that there are many loopholes in this Bill.

I end now, Sir, and ask the Ministry to delve deeply into a more detailed study and clarify every Section before the Bill is passed through this House. Thank you.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah berchakap dan memberi sokongan serta pandangan kepada Rang Undang² ini. Saya tidak hendak menjawab semua sa-kali chuma satu sahaja ia-itu berkenaan dengan perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan berhubung dengan Clause 74 (3) ia-itu membenarkan menembak keluang 24 jam kerana mengikut undang² ini kita membenarkan daripada pukul 6 pagi sa-hingga pukul 11 malam—jadi 11 malam sampai 6 pagi kita tidak benar. Jadi kalau kita buka 24 jam bermana-lah tidak ada

sporting spirit langsung kepada orang yang menembak kerana tidak bagi peluang langsung kepada keluang hendak tidur. Bagilah keluang tidur daripada pukul 11 malam sampai 6 pagi, pagi besok hendak tembak pula, tembak—tidak apa. Jadi we must be a bit reasonable to the flying fox. Jadi saya tidak hendak berchakap lain melainkan sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Ng Hoe Hun: Nampak-nya, Tuan Yang di-Pertua, keluang itu terbang sahaja pukul 7.00 malam, tetapi lebeh daripada pukul 11.00 malam tidak boleh di-tembak langsung, ini bagaimana?

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesnuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 108—

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan pindaan² kepada Rang Undang² ini dalam Fasal 1 sa-hingga 106 menurut kertas pindaan yang di-edarkan pada Dewan ini. Pindaan-nya saperti berikut:

Fasal	Pindaan
3	Dalam taarif "binatang liar yang di-perlindongi" atau "burong liar yang di-perlindongi" masokkan perkataan ² "Jadual Lima" sa-lepas perkataan ² "Jadual Dua" yang terdapat di-baris dua.
4 (2)	Gantikan perkataan "pemberikuasa" yang terdapat di-baris akhir sekshen-kechil itu dengan perkataan "pemberiankuasa".
31 (c)	Gantikan perkataan "dan" yang terdapat dalam perenggan itu dengan perkataan "atau".
36 (a) dan 36 (b) ...	Masokkan perkataan ² "atau burong liar" antara perkataan ² "binatang liar" dan "itu".
36 (o)	Gantikan perkataan ² "jalan dan chara" dengan perkataan ² "jalan ² atau chara ² bagaimana".
42 (2)	Masokkan perkataan ² "binasa atau chachat" sa-lepas perkataan "hilang" yang terdapat di-baris tiga.
55 (1)	Masokkan perkataan "jika" sa-lepas perkataan "itu" yang terdapat di-baris dua belas.
56 (3)	Masokkan perkataan "liar" antara perkataan "binatang" dan "itu" yang terdapat di-baris tujuh.
56 (4)	Potong perkataan ² "atau burong liar" yang terdapat di-baris satu.

58 (d)	Gantikan perkataan ² "sa-lain daripada sa-orang peniaga" yang terdapat di-baris empat dan lima dengan perkataan ² "kechuali sa-bagai sa-orang peniaga atau pengawet binatang".
64 (1)	Gantikan perkataan "belum" yang terdapat di-baris lima dan tujuh dengan perkataan "tidak".
78	Masokkan perkataan ² "yang di-perlindungi" sa-lepas sahaja •perkataan ² "binatang liar" yang terdapat di-baris dua.
92 (1) (a)	Gantikan perkataan ² "membangkitkan kemarahan" yang terdapat di-baris satu dengan perkataan "memberangkan".
99 (1)	Gantikan perkataan "di-perentahkan" yang terdapat di-baris enam dengan perkataan "di-peruntokkan".

	Clause		Amendment
3	In the defination of "protected wild animal" or "protected wild bird" insert the words "and Schedule Five" immediatly after the words "Schedule Two" appearing in line 2 thereof.
56 (4)	Delete the words "or wild bird" appearing in line 1 thereof.
58 (d)	Insert the words "or taxidermist" immediatly after the word "dealer" appearing in line 4 thereof.
61	Insert the word "or" between the words "(penurun)" and "metal wire" appearing in line 3 thereof.
84	Insert the word "protected" between the words "wild animal or" and "wild bird" appearing in line 3 thereof.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 1 hingga 106 sa-bagaimana yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Kedua—

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan pindaan kepada *Jadual Kedua* menurut sa-bagaimana kertas yang di-edarkan. Pindaan-nya seperti berikut:

<i>Jadual Dua</i>	(1) Gantikan perkataan ² "Part I—Big Game Animals" dengan perkataan ² "Bahagian I—Binatang ² Perburuan Besar". (2) Gantikan perkataan ² "Part II—Game Animals" dengan perkataan ² "Bahagian II—Binatang ² Perburuan". (3) Gantikan perkataan ² "Part III—Other Protected Animals" dengan perkataan ² "Binatang ² Liar Lain yang di-perlindungi".
<i>Schedule Two</i> (Part III)			Insert the word "Wild" between the words "Other Protected" and "Animals".
<i>Schedule Three</i>	Insert the word "Raya" between the words "Kuang" and "Gunong" appearing in item 69.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Jadual Kedua sa-bagaimana yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Ketiga di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Keempat—

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan pindaan kepada Jadual Keempat menurut sa-bagaimana kertas yang di-edarkan. Pindaan-nya seperti berikut:

- Jadual Empat* (1) Gantikan perkataan² “Part I—Game Birds” dengan perkataan² “Bahagian I—Burong² Perburuan”.
- (2) Gantikan perkataan² “Open Season: 1st August to 31st December”, “Open Season: 1st August to 31st December”, “Open season: 1st September to 31st December” dan “Open Season: 1st August to 30th April” masing² dengan perkataan² “Musim Terbuka: 1hb Ogos hingga 31hb Disember”, “Musim Terbuka: 1hb Ogos hingga 31hb Disember”, “Musim Terbuka: 1hb September hingga 31hb Disember” dan “Musim Terbuka: 1hb Ogos hingga 30hb April”.
- (3) Gantikan perkataan² “Part II—Other Protected Birds” dengan perkataan² “Bahagian II—Burong² Liar Lain yang di-perlindongi”.
- (4) Potong perkataan² “BURONG² LIAR YANG BUKAN BURONG YANG DI-PERLINDONGI, BURONG² LIAR LAIN YANG DI-PERLINDONGI ATAU BURONG² LIAR YANG DI-PERLINDONGI SA-PENOH-NYA” dan semua butiran di-bawah-nya.

Schedule Four (Part II) Insert the word “Wild” between the words “Other Protected” and “Birds”.

Schedule Four Delete “BIRDS WHICH ARE NEITHER PROTECTED WILD BIRDS, OTHER PROTECTED WILD BIRDS NOR TOTALLY PROTECTED WILD BIRDS” and all items thereunder.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Jadual Keempat sa-bagaimana yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Kelima hingga Ketujuh di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Kelapan dan Kesembilan—

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan pindaan² kepada Jadual Kelapan dan Kesembilan mengikut kertas yang di-bentangkan di-Dewan ini. Pindaan-nya seperti berikut:

- Jadual Lapan* Potong perkataan² “Malaysia Barat” yang terdapat di-baris satu.
- Jadual Sembilan* Gantikan perkataan² “di-shaki dengan menasabah sa-bagai” yang terdapat di-baris tujuh perenggan satu dengan perkataan² “melakukan atau”.
- Schedule Eight and Schedule Nine* Delete the following, appearing in lines 1 and 2 thereof—“(to be designated by name).....”

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Jadual Kelapan dan Kesembilan sa-bagaimana yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan²: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² MENGAWAL DAN MELESEN PEMAJU PERUMAHAN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan ia-itu suatu Akta bagi meminda Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966 di-bachakan bagi kali yang kedua.

Huraian dalam Rang Undang² ini menerangkan dengan jelas bagaimana perlu-nya di-buat pindaan² yang di-chadangkan itu. Walau bagaimana pun, saya akan menerangkan dengan ringkas pindaan² yang terbesar.

Pindaan kepada Sekshen 2 (1) Akta itu akan mengecualikan Sharikat² Kerjasama, Badan² Berkanun dan Ejensi² di-bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, sebab tujuan Akta itu terutama sekali ia-lah untuk mengawal pemaju perumahan swasta sahaja. Mengenai dengan Sharikat² Kerjasama, Badan² Berkanun dan Ejensi² di-bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, kegiatan dan pengurusan-nya ada-lah mengikut undang² dan atoran² yang ada sekarang (mithal-nya Ordinan Sharikat Kerjasama No. 38 tahun 1948) atau pun undang² yang mengujudkan badan² berkenaan itu.

Pindaan kepada Sekshen 6 (1) Akta itu membuang erti yang kurang jelas dalam sekshen ini dengan mengganti perkataan "and" bagi perkataan "or" oleh sebab undang² yang ada sekarang boleh di-ertikan sebagai "alternative requirement" dan bukannya sa-bagai "conjunctive requirement". Pindaan kepada sekshen ini juga mengurangkan jumlah modal dari \$500,000 kepada \$250,000 oleh sebab telah terdapat dari pengalaman bahawa jumlah modal sa-banyak \$500,000 itu ada-lah terlalu besar bagi sharikat² kemajuan yang kecil.

Pindaan kepada Sekshen 9 (1) menggantikan Menteri (ia-itu Menteri yang bertanggung-jawab bagi mentadbir Akta Pemaju Perumahan) bagi Menteri Kewangan untuk melantek juru-odit yang sesuai bagi memeriksa kira² pemaju perumahan yang berlesen. Dengan pindaan ini pemaju² perumahan chuma perlu berurus dengan satu pihak berkuasa atas segala perkara bersang-

kutan dengan kemajuan perumahan dan tidak lagi dengan pihak berkuasa yang berasingan.

Pindaan² ini telah pun di-laksanakan dalam Ordinan No. 41 (Kuasa² Perlu) Dharurat 1970 dan sa-jauh ini telah berjalan dengan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya di-luluskan usul ini bagi bachaaan kali yang kedua.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan tahun 1966 yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dan di-sini saya mohon izin berchakap dalam bahasa Ingeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, this amendment seeks to tidy up the financial transactions of housing developers and it is but right that this should be done because as the Ministry of Home Affairs knows, there have been lots of hanky-panky with regard to the financial transaction of a few housing developers. But more important than the hanky-panky over the financial transactions are the promises made by housing developers and I would say there is almost, not a shady, but outright cheating in many cases by housing developers.

Mr Speaker, Sir, in my own constituency of Batu, there are a large number of housing developers and unfortunately lots of the agreements are written in fine print. The ordinary chap does not read the fine print, I dare say even some lawyers find it difficult to read and understand the fine print, with the result that when they move in after paying the deposit, lo and behold they find that there are no drains worth speaking of, there are no roads worth speaking of; the house is sub-standard and there are no recreational facilities or even educational facilities provided for.

Mr Speaker, Sir, I know this is not contained in this Bill, but I am drawing the attention of this House and of the Deputy Minister, so that he can as quickly as possible bring to this House an amendment or bring

an enabling legislation, to enable the various State Government to compel the developer to provide the facilities that I have spoken of.

Mr Speaker, Sir, in my constituency of Batu, there are a number of developers who are, shall I say, model developers and they provide a lot of these facilities—for example, at the Damansara Heights and at Kepong Bharu they do provide all these; they conform to the standards laid down either by the P.W.D. or by the Pesurohjaya Ibu Kota and the other relevant authorities. But there are others; in particular if I can name a few, the Greenwood Park, for example. If you go there, there are no drains, there is a playing field there, but it has reverted to secondary jungle, there are no roads worth speaking of and there are lots of pot holes all over the place. The houses are sub-standard in many parts.

It is these that I hope the Ministry will bring in legislation to control, to see that the developer provides the amenities that he has contracted to do, either by word of mouth or in agreement. Mr Speaker, Sir, it will be a good idea if the building bye-laws with regard to the housing developers are brought up-to-date whereby if a housing developer does not provide these facilities at the time when the tenant moves in, then he must either put a deposit with the relevant authority or give a banker's guarantee so that in the event of his welshing out of the agreement to provide roads, drains, lighting, etc., then the relevant authority can have the funds to bring up these facilities to the required standards. Mr Speaker, Sir, this is absolutely important because otherwise the hard earnings of the lower middle income groups are literally frittered away because they go to a place where all these amenities and facilities are not provided and they literally tear their hair with rage; they go and consult lawyers, spend money, and in the end the lawyers say, "Apa boleh buat? There is nothing in this agreement to say he should give you these facilities". Now, Mr Speaker, Sir, this is a very serious state of affairs.

The other thing that I want to bring to the attention of the Honourable Deputy Minister and to this House, not that I have not done it before, is the provision of facilities after the housing estate is completed, which is a very important thing. In other words, the maintenance of roads, the cleaning of the drains,

the maintenance of the playing fields and the like. These are things that are literally not provided for at all; while it is true that in the ulus in Selangor, there are a lot of housing estates springing up, for example, along the south trunk road. If you go south to Seremban you will find that there are a lot of houses being put up along the 5th mile, the 8th mile and the 13th mile and similarly along the 21st mile, in Semenyih also, houses are being put up.

Mr Speaker, Sir, these developers must be told in no uncertain terms that it is their obligation, after they have built those houses and brought up facilities that I have spoken of—drains, roads, playing fields and the like to the required standard—until these obligations are taken over by another authority to provide for the maintenance of roads, the sweeping of the drains, sweeping of the roads, maintenance of the playing fields and the like. Now, this is very important because otherwise all these amenities would not be available and the poor tenant goes in and says—look here, these street lamp bulbs are fused and nobody cares and the street is in darkness, or there is a big hole in front of my house and nobody cares.

Now, I do hope, Mr Speaker, Sir, that the Honourable Deputy Minister will quickly bring forth another piece of legislation regarding the building bye-laws, or if that is not feasible, bring in an enabling legislation to enable the various authorities like the Municipal Councils, the State Governments or the District Councils, or the District Officers to be empowered to ask the developers to provide the facilities that I have spoken of. Thank you.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar) Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil bahagian berkenaan Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan (Pindaan) tahun 1966 dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, the Housing Developers (Control and Licensing) Act, 1966 is aimed at ensuring that those who go into the Housing Development business have the necessary capital to do the job. That is well and good. But I would like the Government

to take the following factors into consideration in implementing and amending this Act:

- (1) The urgent need to provide more housing for Malaysians, especially the contribution that private developers can make since Government has proved itself utterly incapable of coming anywhere near the demand for decent shelter.
- (2) To ensure that public interests are protected by way of good and safe building, satisfactory services like water, electricity, roads and drains and that these should be finished at the time stated in the Agreement of Sale.
- (3) The difficulties faced by private developers in the way of delay in obtaining, firstly, approval from the various Government authorities such as the District Office, the Municipality or Town Council; and, secondly, the delay caused by Government to make available public water supply, main access road and the essential services.

These are the three essential aspects of the housing problem where the private developers are concerned, but where the Government itself is involved, the problem is even bigger, and I call for a complete reappraisal of Government's poor performance up-to-date in providing essential low-cost houses.

I would touch on the private sector first. Firstly, Sir, the difficulties faced by the private developers.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat berchakap terlalu chepat. Boleh-kah di-perlahankan sedikit?

Tuan Goh Hock Guan: Boleh. Firstly, the difficulties faced by the private developers. The required paid-up capital of an applicant for a housing development licence of \$250,000 is grossly excessive for a small developer and grossly inadequate for a big-time developer. I suggest a graduated scale where the paid-up capital could vary from, say, \$100,000 for a small developer to \$1 million for a big sized development company. The criterion would be on the number of houses and the size of the undertaking. This would ensure that the small developer has a chance to go into business, especially the budding Malay entrepreneur, and that the

big developer who develops thousands of houses has the necessary capital to finish that huge undertaking. This way the public interest is guaranteed, roads, drains and houses will be built to required standards and there will be no delay caused by shortage of finance on the developer's side.

Secondly, the acute delay in obtaining approval for conversion of land from the District Office at State Government level and the inefficiency and chaos in the Town Planning Section of the Municipalities and Town Councils are very frustrating problems which developers, engineers and architects daily face. This omnipresent delay costs money and will hinder the contribution which the private sector can contribute towards providing more houses for the people.

Thirdly, Sir, the present compartmentalisation of the various races in different sections of the urban areas should be broken down. There should be more Malays coming into non-Malay areas, and non-Malays going into the Malay areas to achieve a genuine balance. But it is at the level of Government failure to meet the acute low-cost housing shortage that calls for immediate attention.

Here, Sir, the Housing record of the Alliance Government is a dismal one, and will at the present rate never create the Alliance's much vaunted "property owning democracy" slogan. By the end of the Second Five-Year Plan, Sir, for instance, in 1965, a total of only 8,500 low-cost dwellings ranging from timber detached houses to multi-storey flats were built. That is to say, Sir, in ten years, the Government managed to build something less than 10,000 low-cost dwellings. From 1965 to 1971 only about 25,000 units were constructed. Now, Sir, we must compare the need for low-cost housing for the people with what has been built by the Government. In this way, we will see whether the "silent revolution" and "unrivalled achievement"—phrases frequently used by the Government—is truly a revolution and an achievement.

There has been no survey made to assess accurately the national housing needs of the country—a remarkable situation for a Government which has been working on public housing for more than 14 years. In spite of this, Sir, it is still possible for us to make a quick assessment and see what these needs are.

Population statistics show that by the end of 1947, the population of Malaysia was 8 million and on the basis of a 3.3% rate of natural increase the annual population increase works out to 265,000 people. Of this figure, only about, say, 10% could afford to buy their own homes, 30% would need financial assistance from banks, finance companies, and the like. The remaining 60%, which is about 166,950 people, therefore can be said to need public subsidised low-cost housing. At six persons per house, this means that 27,800-over dwellings are needed every year to cope with the annual increase of population throughout Malaysia.

But what of the back-log, Sir? The number of Malaysians living in squatter settlements and overcrowded conditions? A study of aerial photographs showing the extent of squatter housing and a sample survey of overcrowded housing in Kuala Lumpur's town area, like Pudu Road or Sultan Street, show that at least 60% of the people are living in squatter huts, in fantastic congestion in the town centre, sometimes as many as 15 to 20 persons living in one room.

The other towns in Malaysia are no better off than Kuala Lumpur. It is possible to estimate, therefore, that of the 3.5 million urban population, and assuming the same ratio of 60%, two million Malaysians are presently in need of low-cost housing. Again basing on six persons per dwelling, the back-log represents something like 330,000 housing units.

If we assume that it would take 15 years to clear away this back-log, then every year the Government must build at least 22,000 units just to overcome the back-log.

So the requirement in low-cost housing every year amounts to, for back-log 22,000 plus for population increase 27,875 dwelling units, which give us a total of approximately 50,000 units per year. Compare this 50,000 units requirement therefore with the 6,000 units a year which have been built, and that represents the measure of the achievement of the Government. It is a pathetic performance; truly an unrivalled achievement!

The excuse could of course be offered that it was only lately that attention was given to urban poverty. Until the Ministry of Local Government and Housing was founded in

1964—and now it has been disbanded—emphasis had been given to rural development.

A study of the performance between 1964 and 1969 does not present an encouraging picture. A total of \$150 million was made available. Hopes rose and expectation sharpened as several trips were made to study low-cost housing techniques overseas. Then came the astounding announcement that the Government was going to utilise the system of "industrialised housing" to break the back of the housing shortage. Proudly it was made known that the system holds three main advantages: speed of construction, lower costs and quality control. Unfortunately, Sir, the promise and the boasts have proved both hollow and futile. Now the Government intends to spend only \$80 million—previously it was \$150 million and now down to \$80 million—for the next five years to build only 30,000 units of low-cost houses, when the requirement is something like 330,000 low-cost housing units for the period. And yet the Government could arrange for a \$1,000 million loan to build houses for better-off Government servants and a miserable \$80 million—for those who cannot afford and who desperately need low-cost houses. I want to see the Government servants getting a better deal. But is this the way to create a more fair and a more equal society?

Sir, if I may just say a few words about the industrialised housing technique which has proved to be a failure, so that it may not be repeated again.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Will the Honourable Member confine his remarks to the policy of the amendment here? He has spoken much too long on statistical figures and so on and so forth.

Tuan Goh Hock Guan: Yes, Sir, I will take only about five minutes more just to summarise.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: No, two more minutes. That is all.

Tuan Goh Hock Guan: Thank you, Sir. The provision of shelter, a roof over one's head, is one of the fundamental duties of the Government. Any Government that cannot

do this is a failure and where the failure is spectacular, as in this case, only two conclusions can be drawn:

- (i) The Government as usual does not care for the people, especially the poor people who constitute the majority.
- (ii) The Government is incapable of solving the housing problem in the same way that it cannot solve the rural and other problems of the country.

The reasons for the poor performance of the Government could be summarised as follows:

- (A) For the period before the formation of the Ministry of Local Government and Housing, little attention was paid to the needs of the urban Malaysians.
- (B) After 1964, officials of the new Ministry were more interested in having a good time overseas on the pretext of studying overseas techniques of low-cost housing.
- (C) The countries visited until very recently are mainly industrially-advanced European nations with conditions vastly different from our local conditions of poverty, mass unemployment and poor technology.
- (D) The Industrialised Housing System selected in preference to conventional local method was wrongly-timed and inappropriate and has turned out to be more costly and slower.
- (E) Too many restrictive devices, outmoded by-laws, and an unimaginative bureaucracy inhibits severely the contribution which the private sector would have made to overcome the low-cost housing problem.
- (F) There was no national Blueprint to tackle the task; there still is none.

Finally, I call on the Government to do two things:

- (1) Establish immediately a National Housing Board to look into all aspects of the housing problem. In this connection, may I ask what has happened to the two-tiered Housing Council announced by the Government in June, 1971?

- (2) We must increase the target of only 30,000 low-cost houses in five years under the Second Malaysia Plan to a massive 50,000 low-cost housing units a year. Thank you very much.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya merayu kepada Ahli² Yang Berhormat tatkala membuat tegoran dalam tempoh perbahathan bacaan kali yang kedua, saya minta-lah sa-berapa ringkas yang boleh dan di-tujukan dengan tepat-nya kepada polisi atas Bill yang ada di-hadapan dan jangan-lah meleret², menegor kepada perkara² yang tidak bersentoh dengan apa² perkara yang tersebut di-dalam Bill, sebab tempoh kita sangat singkat, hanya malam besok satu malam sahaja yang tinggal. Jadi, minta-lah, saya merayu kepada Ahli² Yang Berhormat bekerjasama dan ingat pesanan Dato' Speaker tadi, minta di-pendekkan apa² tegoran atau ucapan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sa-penoh²-nya Rang Undang² ini. Saya menyokong ini, tetapi berdasarkan Rancangan Malaysia Lima Tahun Yang Kedua. Dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun Yang Kedua ini Kerajaan menjalankan tugas-nya untuk memberi perumahan² bukan untuk orang² kaya, tetapi di-tolong lebeh banyak lagi kepada orang² yang miskin, yang tidak mempunyai rumah.

Kedua, pehak² swasta yang mendirikan rumah², bukan mendirikan rumah² yang besar², tetapi mendirikan rumah² yang murah; oleh kerana di-dapati pehak swasta ini membuat rumah² yang besar² belaka, jadi, ta' mempu orang² yang miskin membeli rumah² ini. Jadi, saya harap kepada pehak² swasta mendirikan atau pun di-buat condition untuk mengeluarkan lesen², kalau membuat 100 buah rumah², sa-kurang²-nya 50 buah rumah mesti-lah di-dirikan untuk rumah² orang² yang bergaji murah dan orang miskin. Kalau tidak maka tidak-lah di-keluarkan lesen ini kepada pehak² swasta yang hendak mendirikan rumah ini.

Kedua, jikalau pehak swasta ini hendak mendirikan rumah², sharikat yang bertanggung-jawab ini mesti-lah saham² sa-kurang²-nya 30% hendak-lah terdiri daripada saham² bumiputra, oleh kerana kita dapati perumahan² swasta, perumahan² ini boleh di-katakan ada-lah perkauman belaka.

Kita dapati di-kawasan Kuala Lumpur, Kelang dan pekan² yang besar² tidak ada satu atau jarang sa-kali bumiputra mengambil bahagian di-dalam-nya. Jadi, kalau chara bagini, maka bumiputra nanti ketinggalan juga di-dalam perkara ini. Jadi, saya harap pada hari yang akan datang, apabila Kementerian yang bertanggung-jawab mengeluarkan lesen² ini maka hendaklah di-tengokkan sa-kurang²-nya 30% daripada saham² ini mesti-lah terdiri daripada bumiputra dan 30% pula perumahan² ini mesti-lah di-beri kepada bumiputra, di-khaskan kepada bumiputra, sebab di-dapati di-dalam ranchangan² swasta ini, baik pun di-Kuala Lumpur atau pun di-mana², 5% pun tidak ada bumiputra di-dalam-nya. Bukan Bumiputra tidak mampu hendak membeli-nya, tetapi tidak ada peluang untuk membeli-nya. Jadi, saya harap kepada pehak yang bertanggung-jawab, apabila mengeluarkan lesen² ini sa-kurang²-nya 30% daripada saham² mesti-lah di-punyai oleh bumiputra dan 30% daripada rumah² itu mesti-lah di-berikan kepada bumiputra.

Di-dalam Ranchangan Malaysia Lima Tahun Yang Kedua ini, Kerajaan dan swasta memainkan peranan yang penting untuk mendirikan rumah ini. Tadi dikatakan oleh pehak Pembangkang ia-itu Kerajaan mesti mendirikan lebeh kurang 350,000 rumah untuk orang² miskin. Ini bukan-lah peranan Kerajaan untuk mendirikan rumah, tetapi sa-bagai warganegara yang mempunyai wang juga memainkan peranan-nya untuk mendirikan rumah² ini, jadi baik pun swasta atau pun Kerajaan mendirikan rumah² yang lebeh banyak lagi di-Kuala Lumpur atau pun di-pekan² yang lain untuk orang² miskin.

Di-Kuala Lumpur di-dapati di-sakeliling-nya banyak tanah², ia-itu tanah² sa-lepas melombong. Tanah² ini mesti-lah di-bekukan oleh Kerajaan sekarang. Jangan di-berikan kepada pehak² swasta lagi, tetapi hendaklah di-beri kepada pehak Kerajaan bagi mendirikan rumah² murah untuk kediaman orang² miskin. Squatters di-Kuala Lumpur ini chukop banyak; ada yang mengatakan squatters ini tinggal di-tanah² haram dan di-namakan setinggian². Setinggian² ini saya nampak di-beri notis oleh Pegawai² Daerah atau pun Pesuruhjaya Ibu Kota; beri notis, kemudian sa-lepas dua atau tiga minggu rumah ini akan di-pechah.

Kalau bagini-lah Kerajaan bertindak, maka orang² yang mendiami rumah² ini tidak dapat peluang untuk pindah ka-rumah yang lain. Saya harap kepada Kerajaan supaya jikalau hendak memusnahkan rumah² setinggian ini maka hendaklah rumah² di-dirikan dahulu sa-belum rumah² ini di-pechahkan.

Yang ketiga-nya, berkenaan dengan rumah² di-kampong, di-kampong² Melayu terutama, rumah² 40 tahun dahulu, rumah² yang 80 tahun dahulu maseh bagitu juga. Rumah² orang Melayu di-kampong² buchor atap-nya, atap rumbia, atap nipah. Pada hari ini orang telah buat rumah batu, beratapkan bermacham², tegoh dan sa-bagai-nya, tetapi orang Melayu di-kampong² maseh hidup lagi rumah atap, kadang² rumah-nya nampak langit. Jadi, Kerajaan mesti-lah membela nasib² bumiputra yang dudok di-kampong². Saya harap kepada MARA sunggoh pun MARA ada menolong untuk mendirikan rumah² lebeh banyak lagi rumah² di-dirikan di-kampong oleh MARA. Bukan orang Melayu hendak makan di-suapkan. Orang Melayu bukan chara bagitu, orang Melayu bukan-nya malas. Orang Melayu hendak dudok, hendak hidup dalam negeri yang merdeka dan berdaulat yang mereka telah memperjuangkan-nya hendak hidup, hendak berehat juga. Dengan sebab itu, Kerajaan mesti-lah bertanggung-jawab untuk mendirikan lebeh banyak lagi rumah MARA di-kampong².

Berkenaan dengan swasta² yang membuat rumah² itu, Kerajaan mesti-lah memberi conditions yang tegas, oleh kerana kebanyakan daripada swasta² ini apabila buat rumah erosion atau pun hakisan dalam bahasa Melayu-nya selalu terjadi. Kita boleh tengok di-Bungsar. Tiap² kali hujan hakisan ini, ayer ini melimpah ka-jalan dan karam jalan. Jadi dengan sebab itu sa-belum di-beri mereka itu lesen atau sa-belum mereka itu buat rumah, maka mesti-lah mereka ini melevelkan tanah itu dan lekas menanam rumput dan buat parit yang besar², tetapi Kerajaan tidak buat bagitu. Memberi lesen, tukar sharat menjalankan kewajipan mereka. Maka satu kejadian telah berlaku di-Kampong Bahagia dan Kampong Pasir di-Petaling sa-hinggakan kampong Melayu di-Petaling Batu 5 itu di-karami oleh bukan-nya ayer lagi, tetapi di-karami oleh lumpur merah sampaikan habis kampong Melayu. Sa-kali hujan, dua kali hujan, sa-puluh kali hujan habis hakisan. Sama siapa hendak

mengadu? Jadi oleh kerana swasta² yang mendirikan rumah ini mendapat keuntungan yang lebih banyak, yang cukup banyak tetapi orang² Melayu di-Petaling, Batu 5 di-Kampong Pasir dan di-Kampong Bahagia yang menderita dan yang susah. Jadi Kerajaan mesti-lah menengok swasta² yang bagini dan Kerajaan mesti bertindak dengan segera, jika berlaku dan memberi compensation kepada kejadian² penduduk² yang sa-bagini. Jadi, saya harap kepada Kerajaan apabila mengeluarkan lesen² bagini, mesti-lah menengok keadaan² supaya jangan orang yang susah menjadi susah lagi.

Rumah² yang di-dirikan oleh Kerajaan, dahulu juga saya telah berchakap quality-nya tersangat rendah. Di-Sepang Kerajaan telah membuat rumah, tidak sampai dua bulan sa-lepas Kerajaan buat rumah, rumah itu pun pecah-lah, sana retak, sini bochor, dan bermacam² lagi. Murah pun bukan murah; sa-murah²-nya \$6,000 harga-nya, bilek-nya tidak besar, tetapi apa yang terjadi bagini oleh kerana tidak ada di-tengok oleh pehak Kerajaan atau engineer bagaimana rumah² ini di-buat. Jadi orang telah komplet kerana kata-nya barangkali ada rasuah terjadi dalam perkara ini. Saya harap rumah² ini apabila di-dirikan oleh pehak Kerajaan mesti-lah di-tengok supaya pembeanaan yang di-buat betul² solid, betul² baik supaya rumah² yang di-buat itu boleh tahan dengan cukup lama.

Satu lagi berkenaan dengan perumahan² yang akan di-bena di-tempat pergunangan. Baharu² ini saya pergi ka-Genting Highlands, ini akan menjadi perumahan yang besar di-sana. Di-Genting Highlands ini akan di-dirikan rumah² yang banyak . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kita tidak sangkut-paut dengan chara bagaimana bangunan, rupa bangunan dalam Bill ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Chuma, Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan sahaja supaya jangan erosion oleh kerana potong bukit ini akan mengkaramkan Kuala Lumpur. Ini saya hendak mengingatkan. Jadi, saya harap jika membuat perumahan di-Genting Highlands, saya harap jangan hutan itu di-potong chuma di-buat sa-chara mendirikan rumah². Terima kaseh.

Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini, dan saya suka memberi sedikit pandangan.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, although this Bill is to tighten up the financial matters connected with housing developers, I should think that this control is not enough because, as was pointed out earlier, the maintenance of these housing estates is deplorable, and I hope that the Ministry will ensure that in the licences provisions are made to see that maintenance is provided until the housing estates are taken over by the Local Authorities. But, Mr Speaker, Sir, in some cases there are no Local Authorities and therefore, I would urge that the amendments that are to be made should empower either the Local Authorities or the District Officers to have the power to maintain these and charge it on to the developers.

One other aspect is this. I welcome the amendment to section 6 (1) for reducing the amount of \$500,000 to \$250,000. But this still is excessive as pointed out by the Honourable Member for Bungsar, and I agree with him that a sliding scale should be introduced. But, apart from that, Mr Speaker, Sir, I should like the Government to consider exempting persons, private individuals who are not developers to enable them to develop their small plots of land; if not, any person who has a small plot of land of five acres will have to sell it to a developer at his price because only the developer can develop it because he is licensed. If a small land-owner wants to develop—he might have inherited his land or would have bought it—if he wants to develop his land which is valuable, he would not be able to do so, because he would not have the capital as required under even this amendment. So, exemption should be made for such persons.

The other aspect, Mr Speaker, Sir, is this. With the introduction of the Housing Developers Act which controls housing or the building of houses, speculators have gone into another type of development, which is just developing the land and selling the land, and therefore they would not be caught by this Act. The National Land Code provides under section 136 for certain safeguards to the development of land and protection against sub-dividing land which is less than one acre for building purposes, but that is not enough

as there is a wide scale development of land and sale by agreement—sub-division and sale by agreement— and these developers who develop the land do not have proper plans and cannot provide the facilities that are required and sometimes they sell by agreement and disappear without giving any title to the purchasers.

Sir, I would urge that the development of land should be controlled and strict penalties should be provided for and even criminal penalty should be provided for. Mr Speaker, Sir, I would urge the Government to look carefully into this as a lot of this sort of sub-division for building purposes is going on throughout the country. The District Officer in Seberang Selatan was shocked and horrified to see a plan in an Agreement which was not even drawn by a qualified surveyor nor signed by the surveyor and that was part of the Agreement. Unfortunately, members of the learned profession also do these Agreements and as all Agreements, it is a matter between parties. But it is the duty of the Government, if I may say so, to safeguard the ignorant and innocent people from these speculators. Thank you very much.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I have already given the Honourable Deputy Minister permission to reply.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih di-atas beberapa tegoran yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat. Bagi menjawab sedikit sa-banyak di-atas tegoran² itu, saya mula² menyentoh tegoran² Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ia-itu berkenaan dengan 30% capital private developers atau swasta ini sa-patut-nya di-beri kepada bumiputra 30% daripada rumah² yang di-jual oleh pehak swasta ini patut di-beri kepada bumiputra. Bagi pehak Kementerian ini boleh-lah mengkaji dan menyiasat berkenaan dengan shor ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga mengeshorkan supaya pehak swasta tidak mendirikan rumah² besar juga membena rumah² untok orang² yang berpen-

dapatan rendah. Ini bagi dalam chorak free enterprise bagi dalam negeri kita ini memang-lah sukar bagi kita hendak memaksa atau pun hendak memerintah pehak swasta ini membena atau pun membangunkan rumah² sa-mata² untok orang² yang berpendapatan rendah. Dengan sebab itu-lah Kerajaan sendiri melalui Kerajaan Negeri, Municipalities atau pun Perbadanan² Negeri dan juga Perbadanan Kerajaan saperti U.D.A. akan membena public low-cost housing bagi orang² yang berpendapatan rendah.

Bagi menjawab tegoran oleh Yang Berhormat dari Batu, izinkan saya berchakap sa-patah dua dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua.

(*Dengan izin*) Under the Housing Developers (Control and Licensing) Rules, every contract of sale shall contain provisions, *inter alia*, that the licensed developer shall, at his expense, construct roads, driveways, drains, culverts, watermains, sewage plants, etc. in accordance with the requirements of the appropriate authority which is the Local Authority or District Officer, as the case may be, who applies the building bye-laws. In short, these licensed developers must satisfy the Local Authority which issues the certificate of fitness. It is possible that the existing building bye-laws are deficient and new draft bye-laws have been drafted by the Ministry of Technology, Research and Local Government, and are under action by this Ministry. Recreational facilities and the like are also the responsibility of the Local Authority. As for sub-standard housing, the Local Authorities employ building inspectors to see that the construction is being properly carried out.

Juga tegoran Ahli dari Batu, residential facilities in the housing estates on completion of the estates are also the responsibility of a Local Authority where a Local Authority exists. Where a Local Authority does not exist, then the State Government should provide such services. Anyway this matter will be looked into by this Ministry.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh berkenaan tegoran² Ahli Yang Berhormat dari Bungsar. Ahli Yang Berhormat itu memang-nya tiap² kali berchakap menunjokkan kesombongan-nya—his arrogance dan bagi menegorkan sa-olah² Kerajaan ini tidak membuat langsung pun

kapada orang ramai. Sa-bagai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan di-dalam Dewan ini pada beberapa hari yang sudah ia-itu kita di-negara Malaysia ini memang bukan membuat bangunan² atau pun rumah² kediaman sahaja, kita terpaksa ada perkara² yang perlu juga di-buat untuk ra'ayat seperti membuka tanah² dan lain² projek yang memberi faedah kapada ra'ayat dan negara. Sunggoh pun bagitu Kerajaan ini telah mengambil berat berkenaan dengan rumah untuk orang² yang berpendapatan rendah dan ini Kerajaan telah membelanjakan beratus² juta ringgit untuk perumahan² bagi orang yang lower income group.

Bagi menyentoh sedikit tentang tegorannya berkenaan dengan delay in conversion, delay ini bukan-lah di-sebabkan oleh Kementerian ini. Conversion of land is a State matter and the building approval, etc. are matters within the jurisdiction of the State Government, and there is no delay in the issue of developer's licences by this Ministry.

As for the Government's record in public housing, this does not really concern this Amendment Bill. However, the figures quoted by the Honourable Member does not take into account public housing by F.L.D.A., the State Development Corporations, the Ministry of Works, etc. which has been stated from time to time. Again, I shall repeat that there is a provision of \$250 million in the Estimates of various Ministries and agencies for public housing. As to the needs, a housing census has been carried out, and an analysis of this census has been done and has been available for the public. The Honourable Member should have got hold of a copy of the housing census.

Juga, berkenaan dengan modal ia-itu katanya \$250,000 itu bagi company, sharikat² yang besar ada-lah sangat sedikit dan sharikat² yang kecil tidak mampu hendak mengadakan capital sa-banyak \$250,000. Tuan Yang di-Pertua, under Section 6 (2) of the Act the Minister can waive or relax the requirement of the \$250,000 paid-up capital. In fact, this Section has been liberally used to assist genuine small developers.

Kadang² tidak berkehendakkan \$250,000 modal kapada sharikat² yang kecil. As for his suggestion for a National Housing Board,

this is not possible because housing is a State subject under the Constitution. It is for this reason that the National Consultative Council was formed. However, the Federal Government is playing its part by providing financial and technical experience where necessary to State Governments, the State Development Corporations and also through the Urban Development Authority.

Bagi tegoran Yang Berhormat dari Seberang Selatan ini akan di-ambil ingatan dan akan di-kaji. Sekian, terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 3—

Tuan Hor Cheok Foon: Mr Speaker, can I bring forward a case when the Bill is under the Committee Stage.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You can touch on any specific matter under one of the clauses.

Tuan Hor Cheok Foon: Sir, I have got a specific case here, which I would like to present.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Have you got anything to say on Clause 1?

Tuan Hor Cheok Foon: Not really, but it is a specific case in one of the housing estates. About 200 of the residents down there are complaining

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: That is outside the Committee Stage. You can bring up any matter which is dealt with by the clauses. If not, try and raise that matter on another occasion.

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) PERTUBOHAN

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² (Pindaan) Pertubohan, 1972, untok di-bacha bagi kali yang kedua.

Di-bawah Sekshen 2 (a) *Jadual Pertama* kepada Akta Pertubohan tahun 1966 tiap² ahli, tiap² pegawai yang menjalankan tugas² kerja dan penasehat² parti² politik mesti-lah terdiri dari warganegara² Malaysia sahaja. Tetapi bagi pertubohan² lain saperti persatuan² perniagaan dan perdagangan, badan² professional dan sokan orang² yang bukan warganegara Malaysia bukan sahaja boleh menjadi ahli tetapi juga menjadi ahli² Jawatan-kuasa pertubohan itu. Di-dalam pertubohan² tersebut itu sa-buah Jawatan-kuasa yang terdiri daripada orang² dagang itu mempunyai pengaruh yang besar ka-atas ahli² serta perjalanan pertubohan² itu. Ada beberapa kejadian di-mana ahli² Jawatan-kuasa yang bukan warganegara itu telah mengambil bahagian yang chergas di-dalam gerakan² mengenai hal dan urusan dalam negeri Malaysia dan chuba hendak memecah-belahkan ta'at setia ra'ayat negeri ini. Dalam usaha Kerajaan memajukan negara ini dan menguatkan perpaduan negara maka tidak-lah wajar bagi pertubohan² itu di-berikan untok di-tadbirkan saperti yang ada sekarang ini oleh kerana ini akan memberi peluang kepada orang² yang bukan warganegara Malaysia itu champor tangan hal ehwal negeri ini. Oleh yang demikian adalah perlu supaya tindakan² pengawasan di-ambil supaya warganegara² Malaysia tidak di-pergunakan oleh orang² asing yang tidak di-ingini untok kepentingan mereka sendiri. Hasrat ini boleh di-laksanakan dengan tidak membenarkan orang² yang bukan warganegara Malaysia daripada menjadi ahli² Jawatan-kuasa sa-sabua pertubohan.

Fasal 5 dan Fasal 8 Rang Undang² ini ialah untok tujuan² yang saya sebutkan tadi.

Di-bawah sekshen 7 (1) Pendaftar Pertubohan ada-lah berkuasa mendaftarkan sa-satu pertubohan tempatan kechuali pertubohan² yang di-anggap oleh Menteri mengancham keselamatan Persekutuan, ketenteraman awam atau kesusilaan serta pertubohan² yang berchorak politik yang di-tubuhkan, di-gabongkan atau mempunyai perhubungan² di-luar Malaysia. Di-bawah Fasal 2 (b) dan Fasal 5 dalam Rang Undang² ini pertubohan² yang telah di-daftarkan di-Malaysia tidak boleh bergabung atau bersekutu dengan sa-sabua persatuan yang di-tubuhkan di-luar negeri tanpa mendapat kebenaran daripada Pendaftar Pertubohan. Fasal² yang tersebut tadi walau bagaimana pun memberi kuasa² budi-bichara (discretion) kepada Menteri untok membenarkan pertubohan² yang tertentu bergabung atau bersekutu dengan persatuan² di-luar negeri mengikut chorak kegiatan mereka—mithalnya pertubohan² sukan, kebudayaan, sosial atau seni.

Tuan Yang di-Pertua, kesempatan ini juga di-ambil untok meminda beberapa sekshen Akta yang ada sekarang ini dengan tujuan mengemaskan lagi perjalanan Akta yang ada sekarang ini. Pindaan² itu ada-lah saperti berikut:

(i) Di-bawah sekshen 7 (3) (a) Akta Pertubohan apabila sa-sabua pertubohan telah di-batalkan di-bawah sekshen 13 maka wajib bagi Pendaftar menolak sebarang permohonan baharu untok mendaftarkan pertubohan itu. Sa-baleknya di-bawah sekshen 14 (8) pula sa-sabua pertubohan yang telah di-batalkan itu boleh membuat permohonan mendaftarkan pertubohan itu sa-telah selesai mengikuti perintah Pendaftar di-bawah sekshen 14. Fasal 2 (c) Rang Undang² ini ia-lah untok membatalkan kehendak² sekshen 7 (3) (e) Akta Pertubohan dan bagi membolehkan Pendaftar Pertubohan membenarkan atau menolak permohonan pendaftaran sa-sabua pertubohan yang telah di-batalkan kerana tidak mematohi perintah Pendaftar di-bawah sekshen 14 (5).

(ii) Sekshen 10 memberi kuasa kepada Pendaftar sahaja membenarkan ahli² sa-sabua pertubohan menyemak pendaftaran dokumen² dan penyata kira²

pertubohan yang mereka menjadi ahli. Tujuan Fasal 3 Rang Undang² ini ialah untuk memberi kuasa kepada Penolong² Pendaftar itu untuk menimbang permohonan² seperti itu.

- (iii) Fasal 4 Rang Undang² ada-lah berkait dengan Fasal 5 dan bertujuan memberi kuasa kepada Pendaftar membatalkan sa-satu pertubohan yang tidak mematuhi perintah Pendaftar di-bawah Fasal 5.
- (iv) Pada masa ini jika sa-sabuah pertubohan itu di-batalkan maka harta² dan simpanan²-nya akan di-bahagikan di-antara ahli² pertubohan itu mengikut sekshen 17 Akta tersebut. Ada pertubohan² yang telah mendapat bantuan Kerajaan atau menerima derma dari orang² ramai dan tidak-lah adil jika, (apabila pertubohan itu di-tutup) wang² itu di-bahagikan kepada ahli²-nya sahaja. Tujuan Fasal 6 Rang Undang² ini ia-lah untuk menyediakan satu peratoran bagi pembayaran harta² sa-sabuah pertubohan yang telah di-batalkan di-bawah sekshen² 13 atau 16 kepada Tabong Berchantum Persekutuan (Federal Consolidated Fund) atau di-bahagian kepada ahli²-nya mengikut peratoran pertubohan itu atau pun mengikut sekim yang di-sediakan oleh Pegawai Muffis sa-telah di-luluskan oleh Mahkamah Tinggi.
- (v) Di-bawah sekshen 23 waris² rapat sa-saorang ahli pertubohan faedah bersama (mutual benefit society) boleh di-lantek menerima faedah² pertubohan itu. Walau bagaimana pun, dengan tidak sengaja, suami ahli² telah di-tinggalkan. Tujuan Fasal 7 Rang Undang² ini ia-lah untuk membolehkan isteri² yang menjadi ahli² pertubohan itu melantek suami² mereka sa-bagai waris² mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, di-hadapan kita ia-lah satu Akta bagi meminda Akta Pertubohan 1966. Saya rasa sudah pada tempat-nya-lah tiap² pertubohan di-

daftarkan dan dengan pindaan² ini tentu-lah lebeh kemas dan lebeh mudah bagi Kerajaan mengadakan pengawasan dan sa-umpamanya dan supaya pertubohan² itu bergerak sa-chara Perlembagaan dan tidak berchanggih dengan kehendak² negara.

Apa yang hendak saya sentoh, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan freemason dalam bahasa Melayu di-katakan rumah hantu. Rumah hantu ini sudah lama tertuboh dalam negara kita. Bila kita sebutkan freemason atau rumah hantu banyak-lah persoalan yang timbul

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu penjelasan rumah hantu itu.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Rumah hantu itu berma'ana freemason. Kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu, sila-lah buka buku!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi freemason itu rumah hantu?

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Ya, begitu-lah—rumah hantu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ada-kah Parti Islam ini perchaya kepada hantu?

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Saya fikir harus ta'ada, tetapi toyol ada! Apa yang saya hendak sentoh, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan pertubohan freemason atau rumah hantu yang telah lama di-tubuhkan di-dalam negara kita ini. Bila kita sebutkan rumah hantu, banyak persoalan yang timbul dan berbagai macham gambaran yang terbayang di-dalam tanggapan orang² kita.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai yang kita ketahui rumah hantu ini ada-lah satu gerakan pertubohan yang ada mempunyai perhubungan atau pergabungan sa-dunia. Saya sentoh berkenaan dengan society ini, sebab sejarah telah membuktikan bahawa pertubohan freemason ini-lah yang memainkan peranan terpenting sa-kali di-Timor Tengah, istimewa-nya di-negeri Turki dalam mengolah dan memasakkan konspirasi menggunakan anak² negeri itu sendiri, khusus-nya orang² yang terkemuka yang di-anggap sa-bagai pemimpin menghanchorkan perjuangan umat Islam dan khalifah Islamiah dan

mencharing²kan negara Islam, persatuan umat Islam sa-hingga menjadi berpechah-belah dan menimbulkan faham perkauman, ka-daerahan dan sa-bagai-nya supaya berlaga-lah umat Islam antara satu dengan lain-nya. Apa yang telah terjadi di-sana mungkin pula terjadi di-sini.

Sa-bagaimana saya telah di-beritakan bahawa banyak daripada pemimpin² kita sendiri dan orang² yang terkemuka menjadi anggota society ini dan ada di-antara-nya yang kita anggap ulama' terkemuka yang progresif menjadi anggota di-dalam rumah hantu itu. Jadi, apabila melihat trend dan tendency yang ada pada hari ini; betapa perjuangan umat Islam chuba hendak di-sekat, betapa demokrasi chuba di-tahan²kan supaya tidak berkembang dengan sehat-nya, maka mahu juga kita perchaya berita ini, tetapi barang di-jauhkan Allah benar-nya cherita ini. Jadi, apa yang saya hendak tahu dan Dewan ini hendak tahu sama ada society ini, freemason ini terta'alok-kah atau tidak di-bawah Undang² Akta Pertubohan (Pindaan) ini dan jika demikian, tentu-lah akan berlaku kapada-nya Undang² itu atau ada-kah apa² keistimewaan terhadap free-mason ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk berchakap di-dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Berchakap dalam bahasa Malaysia, kata Tuan Speaker, ta' payah minta izin dan sukachita mendengar-nya Yang Berhormat berchakap dalam bahasa Malaysia dan dengan izin berchakap dalam bahawa Inggeris.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya Rang Undang² ini bagi meminda Akta Pertubohan tahun 1966, selain daripada tujuan² yang ada, ada dua tujuan yang mustahak. Yang pertama, ia-lah bahawa Registrar of Societies ada hak atau kuasa tidak akan merijister pertubohan yang ada orang² yang bukan warganegara di-jawatan executive functions. Ini bertujuan saya tidak akan menentang kerana saya ber-setuju dengan tujuan ini bahawa semua pertubohan atau organisasi di-dalam Malaysia mesti-lah di-ketuai oleh Warganegara Malaysia kita sendiri, tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri akan juga menimbangkan

bahawa orang² yang dudok di-dalam jawatan advisory atau penasehat pun mesti-lah daripada Warganegara² Malaysia juga.

Ada satu chontoh di-dalam pilihanraya umum tahun 1969, Pertubohan M.C.A. telah memanggil sa-orang so-called anti-communist expert, Enche' Eu Ling Yew daripada Taiwan, saya ingat dan nampak-nya dia ada-lah sa-orang ejen dari Amerika Sharikat (American inspired Agent) untuk memberi nasehat kapada M.C.A. Itu-lah satu keadaan yang burok bahawa M.C.A. ada-lah satu pertubohan di-dalam Malaysia dan ta' patut ada sa-orang penasehat daripada negeri lain.

Sekarang saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk beruchap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, we had in 1966 pointed out, when the Societies Act was introduced and subsequently bulldozed through by a brute and mindless Alliance majority in Parliament, that it contained at least two obnoxious and restrictive clauses. They were the provisions which prohibit political parties from adopting the cadre system of membership and those which require branches of political parties to apply for individual registration from the Registry of Societies.

We had hoped, Mr Speaker, Sir, somewhat faintly though, that in time the Alliance Government would realise enough of its folly and repeal these regressive, obnoxious and restrictive features of the Societies Act, 1966. We have again been proved to have hoped in vain for wisdom and liberalism to dawn on the Alliance. On the contrary, it has, over the short period of time since 1966, demonstrated itself most ostentatiously, arrogantly and vulgarly to be incorrigibly more and more repressive and undemocratic not only to societies but also to trade unions.

Mr Speaker, Sir, this Bill before us today to amend the Societies Act, 1966 seeks to empower the Registrar, among other things, to refuse to register any local society, which is an organisation or group established with or having affiliation or connection outside the Federation. It also seeks to empower the Registrar to prohibit any already registered society from having affiliation or connection with any society established outside the country.

The Minister, and apparently the Minister alone, will be the sole and arbitrary approving or exempting authority for any society, either already registered or seeking registration which has or wished to have affiliation to or connection with outside regional or international fraternities. It is disturbing, Sir, that the Minister is to be given such wide powers, thus making him a one-man final court of appeal.

A whole host of political, social, cultural, religious, civic, youth, student and professional organisations and clan associations, which have or intend to have outside or international affiliation or connection, will have to come under the whims and fancies and the tender mercies of the Minister of Home Affairs.

For instance, Mr Speaker, Sir, the sweeping powers under the new provisions, after this Bill is passed, can be blatantly and meticulously used against our students or student unions if and when they stand up against the policies and deeds of the Government too often and too vociferously. The P.K.P.M., or National Union of Malaysian Students, could very well have its links with international student bodies or regional student bodies cut off if and when it incurs the displeasure of the Government.

So, in fact these proposed amendments can any time be employed to further frustrate and emasculate the student movement in this country. These new provisions will have the effect of completing the repression and restriction imposed on student bodies in this country under the University and University Colleges Act, 1971.

Mr Speaker, Sir, besides student bodies and their international fraternal links there are many cultural, sports, religious, youth and civic societies in this country which have ties with international or regional bodies which cherish the same ideals and principles. However, these ties or links are by and large fraternal or spiritual in nature, without any organisational or financial relationship or arrangement, apart from merely, perhaps, some affiliation fees. So the question of interference in the domestic affairs of this country does not really arise.

Mr Speaker, Sir, I do not see anything wrong or sinister for the Malaysian Association of Youth Clubs, for instance, having

connections with or affiliation to the World Assembly of Youth or other international youth federations or confederations—in fact the M.A.Y.C. is already affiliated. Or is there anything unhealthy and dangerous for, say, the Malaysian Dravidian Society, of which there is one, to maintain fraternal and spiritual relationships with Dravidian cultural bodies in India.

Almost every branch of sports, Sir, ranging from football to table-tennis has its international fraternity. In fact, the more international a sport or game is the better it is for all concerned, as well as for international understanding and friendship. And that is why we have the Olympics, the SEAP Games, the Asian Games and a host of other international and regional sports and competitions and events. Even physical cultural activities nowadays like judo and karate have their international fraternities. So are we to discourage or stifle them by restricting their ties with similar bodies in other countries as well as international bodies? I am sure we will be all that much poorer in the field of sports if we ever do that.

Then, as for religious bodies, they without exception have connections with and affiliation to outside religious organisations or internationals. This is so simply because of the fact that religious faiths and spiritual pursuits all have universal appeals and purposes. This principle of universality applies with almost equal meaning, scope and tenacity to Islam, Christianity, Hinduism, Buddhism and other faiths and their various denominations.

Therefore, are we trying, through this Bill, Sir, to make religious appeals and relationships less universal and fraternal? Are temporal powers in fact trying to limit spiritual values and vistas of fraternity and universality?

How are these new provisions going to be used against the growth and development of civic and service organisations like the Rotary Clubs, the Lion Clubs, the Apex Clubs and the Red Cross with regard to their international connections and affiliations, for instance? Or, for that matter, the Royal Commonwealth Society and the United Nations Association? And what about the host of professional organisations that we

have in this country and which the Honourable Deputy Minister has mentioned, very briefly though.

Sir, I therefore, see no justification for these new requirements and restrictions. They are unnecessary and unwarranted as they run directly against the trend of the growing spirit of and increasing need for internationalism and fraternity which transcend the narrow and shallow considerations of race, language, culture, colour and even nation in an ever-shrinking world. These constraints run counter to the human spirit and desire to stretch out hands to build bridges of international understanding, to encourage exchanges of knowledge and experience, and to strengthen the foundations of fraternity and peace amongst individuals and their organisations in so many areas and spheres of human endeavour.

Today it is the societies, covered by this Societies Act, which are to be affected. I fear that tomorrow it will be the trade unions which will be given the same bitter pill. Judging from the anti-labour record of the Government, no one should or would be surprised if the Government comes up with quite a similar Bill for the trade unions, restricting them in their affiliation to and connections with the I.C.F.T.U.—International Confederation of Free Trade Unions for instance and other professional and trade internationals.

In fact, in this country, Sir, the M.T.U.C., i.e. the Malaysian Trade Union Congress . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Trade unions is under a separate law; we are not discussing that here. We are discussing about societies.

Tuan Fan Yew Teng: Sir, the M.T.U.C. is registered under the Societies Act. The M.T.U.C. being registered under the Societies Act is a paradox. Therefore, the M.T.U.C. will come under the mercy of these new provisions.

Mr Speaker, Sir, I further suspect that the Bill is also aimed at the Amnesty International, which campaigns for the release of political prisoners of conscience the world over. The Amnesty International conducts regular correspondence with political parties, particularly Opposition parties, in this

country, just as they do with political parties and individuals in most other countries with repressive regimes.

The Amnesty gets in touch with the DAP, and if I am not mistaken also with the Partai Sosialis Rakyat and the Labour Party. It used to be in touch with the SUPP, I understand, because of the large number of its officials and members in detention. But, apparently, it does not serve the Amnesty any further purpose now to be in touch with the SUPP now that it is in the Sarawak Coalition Government, especially in view of the well-known fact that the present leaders of the SUPP are actually helping to fix up their own comrades who happen to disagree with them.

In fact, an Amnesty International representative, Miss Estrella Carreras, was here on a fact-finding visit early last year. She got in touch with some leaders of the Opposition but she also related to us that she had asked the Government for a full list of political detainees in the various political detention camps in the country, and was not given one. She had expressed her dissatisfaction over the appeals and review procedures of detention in this country. In short, she gathered a good deal of sad and terrifying information about the terms and conditions of political detention in this country just before she went back to London.

Tuan Yang di-Pertua: You are not obliged to criticise the Government independently throughout your speech on this Bill. You are talking away from the Bill, I must remind you.

Tuan Fan Yew Teng: Thank you, Sir. Therefore, Mr Speaker, I see that this Bill is partly designed to restrict the lines of communications between the Amnesty International and certain Opposition parties and individuals in this country as well as the political detainees in the Camps.

Finally, Sir, there can be little doubt that this Bill is also aimed directly at the D.A.P.'s fraternal links with the Socialist International and other democratic socialist organisations throughout the world, like the Union of Democratic Socialist Teachers in Brussels and the Federation of Democratic Socialist Presses in Switzerland. The D.A.P. is a member of the Socialist International, an association of 54 democratic socialist parties distributed throughout the world, with an

aggregate membership of over 15 million people and commanding the support of more than 70 million voters. A quarter of these member-parties govern their own countries either solely or in coalition.

The purpose of the Socialist International, for the benefit of the Honourable Minister—and I am trying to prove that it does not interfere with the internal affairs of this country as feared by this Bill or as the Minister has said that this Bill is designed to avoid or to prescribe—the purpose of this Socialist International as defined in its Statute is “to strengthen relations between affiliated parties and to coordinate political attitudes by consent”. The ties are purely fraternal and ideological, not organisational or financial. In fact, each member-party has its own independent policies and conducts its own independent actions to suit its own needs and conditions *vis-a-vis* that of its own country. But, in spite of these innocuous links, our fraternal relationships with the Socialist International could be stopped with a stroke of the pen when this Bill is passed and if the Minister desires so. Our suspicions and fears, Sir, will always linger under the shadow of such wide and sweeping powers as carried by the Bill, unless the Honourable Minister can give an assurance in this House that it is, in fact, not the intention of the Government to do so.

In conclusion, Sir, I would like to say that this Bill possesses the ugly characteristics of a closed society. It is intended to stifle human fraternity and the concept of internationalism, apart from consolidating the forces of repression, restriction and totalitarianism in this country. Malaysia is thus fated to be not only a closed society but also a poorer society. Thank you, Sir.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Kampar tadi membawa satu perkara berkenaan dengan M.C.A., saya pohon izin memberi sedikit jawapan. Saperti biasa wakil² D.A.P. menchari dan menggunakan tiap² peluang untok modal politik, untok menchari modal politik walau pun perkara² yang berbangkit tiada bersangkutan-paut dengan parti politik. Pada pendapat saya, sebab² beliau terpaksa berbuat begitu ia-lah oleh sebab D.A.P. telah bengerap dalam segi politik (politically bankrupt).

Berkenaan dengan sa-orang bernama Enche' Eu Ling Yew yang bukan warganegara itu, sa-benar-nya begitu. Betul juga ia-itu M.C.A. pada tahun 1968 agak-nya, saya tidak dapat tarikh yang betul, ada mengupah sa-orang yang bukan warganegara, dan menggajikan dia, oleh kerana beliau ia-lah sa-orang yang banyak berpengalaman dan pengetahuan dalam politik. Tetapi sa-lepas beliau datang dan di-bayar gaji oleh M.C.A., M.C.A. telah mengkaji pekerjaan orang ini dan berpendapat beliau itu tidak berpraktikal. Jadi dengan itu M.C.A. tamatkan pekerjaan orang ini. Ini yang sa-benar-nya. Terima kaseh.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak menjawab satu dua perkara yang di-bangkitkan dalam perbahathan ini. Berkenaan dengan tegoran yang di-buat oleh Yang Berhormat dari Kota Star Selatan berkenaan dengan “Freemason”. Betul Pertubohan “Freemason” itu ada-lah terta'alok di-bawah Akta Pertubohan, 1966. Sa-takat kami mengetahui Pertubohan “Freemason” ini ada-lah satu pertubohan yang telah berjalan di-negara kita ini beberapa tahun dan di-dapati tidak ada membuat apa² kesalahan, bahkan persatuan ini telah membuat banyak jasa dan beri kebaikan kapada terutama orang² miskin dan orang yang berkehendakkan pertolongan. Jadi dengan sebab tidak ada apa² keterangan, kenyataan yang burok, maka “Freemason” ini maseh berjalan dan di-benarkan berjalan mengikut undang² yang ada dalam negara kita hari ini.

Berkenaan dengan tegoran yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar itu berkenaan dengan penasihat itu, saudara saya telah pun menjawab. Dan di-sini sa-benarnya Mr Eu itu bukan-lah pakar penasihat, dia sa-bagai orang gaji sahaja, dan kita dalam undang² ini memang ada mengatakan ia-itu dalam Jadual Pertama, section²:

“Every member of the society, every officer performing executive functions in such a society and every adviser to such a society shall be a Federal citizen.”

Jadi mereka yang bertugas itu hendak-lah terdiri dari warganegara. Jadi ini ada-lah terkeluar daripada tanggungan saperti yang di-kehendaki dalam undang², maka berhak-lah M.C.A. pada masa waktu itu menggaji orang itu tidak-lah termasuk dalam undang² ini. Jadi, perkara M.C.A. buat itu ada-lah halal mengikut undang² kita.

Berkenaan dengan mengapa tidak membenarkan pertubohan² di-negeri ini bergabung di-luar negeri. Mengikut di-bawah Fasal 2 (b) dan Fasal 2 dalam Rang Undang² ini bukan kita tidak membenarkan: kita limit the power of the Registrar to register any local society which is an organisation or group established or having affiliation or connection outside the Federation, with the approval of the Minister, the Minister can use his discretion; dengan jasa budi-bicharanya boleh membenarkan, bukan-lah complete banning, complete prohibition, sa-bagaimana yang di-sangka atau yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Bagitu-lah juga dengan badan³, pertubohan², seperti pertubohan ugama dan sebagainya yang di-anggap perlu dan berfaedah kepada pertubohan di-negeri ini tentu-lah Menteri itu menimbang² dengan sa-adil²-nya, tiap² permohonan itu akan di-pertimbangkan mengikut sa-bagai biasa-nya Kementerian ini menjalankan tugas-nya adalah mengikut merit di-atas kes masing².

Ahli Yang Berhormat dari Kampar menyatakan tindakan ini di-tujukan terhadap Amnesty International menyebabkan perhubungan Amnesty International dengan D.A.P. dan parti² yang lain atau pun parti² sosialis. Pindaan² yang di-chadangkan ini ia-lah di-tujukan kepada pertubohan yang bukan berchorak politik sahaja. Bagi parti² politik Sekshen 7 (1) (b) Akta Pertubohan sekarang ini tidak membenarkan oleh parti politik itu bergabung dengan pertubohan² di-luar negeri. Ini memang sudah ada peruntokan-nya dalam undang² sekarang, tidak membenarkan. Jadi Rang Undang² hari ini ia-lah pertubohan² yang bukan berchorak politik sahaja. Jadi itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya mengenai Rang Undang² ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbang² dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 8 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² TALIKOM (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Undang² yang lama dalam bahasa Inggeris dan sangat teknikal, izinkan saya membawa Bill ini bachaaan kali yang kedua dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move that the Bill intituled "an Act to amend the Telecommunications Act, 1950 to make provisions for the financial management and accounting operations of the telecommunication authority and for the power of making regulations to control any communication apparatus, equipment or appliances" be read a second time.

The purpose of the Bill as stated in the explanatory statement is to embody the amendments to the Telecommunications Act, 1950 made under the Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 86/1971 into a permanent law.

The Department has now developed and implemented as from the 1st January, 1971, on an interim basis a commercial system of accounting with associated cost and budgetary control, procedures designed to facilitate planning and to foster a spirit of business enterprise and cost consciousness throughout the Department. As stated in the explanatory statement, this Bill provides for the establishment of a Telecommunications Revenue and Accounts Fund appropriated by Parliament from time to time for development expenditure which could not be met from internal resources and from which all operating and development expenditure could be met. Sections 9 (c) (i) and 9 (d) (i) prescribe in detail all monies that are to be paid into, and payments made out of the Fund respectively.

The amount of money to be paid out of the fund in respect of each financial year for the purpose of development shall be determined by the Minister of Finance who shall also direct after consultation with the Minister, any surplus to the requirement of the fund to be credited to Federal revenue.

Under the proposed amendment in Section 9 (1) of Part 2 (a) of the Schedule to the Telecommunications Act, 1950 the Minister is required to lay before each House of Parliament before the commencement of each financial year a statement incorporating substantive financial information about the Department. This statement or statute paper includes the trading results of the current financial year and an estimate of the results of operations for the next succeeding financial year and also details of the capital (development) programme for the current and the succeeding year.

It is evident that by the tabling of this statement together with the fact that the "one line" appropriation representing the amount to be appropriated by Parliament as loan to the fund, is still subject to debate during the passage of the Appropriation Bill, that the control of Parliament is in no way reduced by such an arrangement. In fact, the tabling of the paper provides much more meaningful information and also establishes both financial and commercial goals which the Department is expected to achieve in the ensuing year and against which its actual performance can be measured.

The new commercial accounting system together with its associated responsibility accounting and costing systems have been designed with the specific objectives of providing the Department with the financial management tools to foster a spirit of business enterprise and cost consciousness throughout the organisation, facilitate planning and, in general, make for a more efficient business operation.

The Bill also seeks to amend the Telecommunications Act, 1950 in order to control the use, sale and purchase of telephone apparatus which can be connected to a subscriber's telephone for a specific purpose. One of this apparatus is the Speech Privacy equipment which can transform the normal speech into sound which is unintelligible to all telephone subscribers other than

those who use this equipment. At this moment, this equipment is limited to Government use only. In future, however, there may be others who wish to use the equipment and as the use of this equipment is to ensure the safety of messages, control of the sale and purchase of such equipment is necessary. The proposed amendment to Section 7 of the Act will enable the Minister to make the regulations necessary for the control of the use of such apparatus.

Sir, I beg to move.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek-pendek!

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Memang dalam 5 minit sahaja leboh kurang, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengemukakan Rang Undang² ini dan dalam penerangan yang di-beri tadi nampak kepada saya bahawa suatu perubahan besar akan berlaku mengenai dengan talikom ini. Di-dalam menyusun perubahan ini saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini bahawa suatu keganjilan ada di-kawasan saya dan benda ini semenjak zaman-berzaman, entah bagaimana chara saya pun tidak faham. Tetapi amat sukar hendak membaiki untok pehak² yang berkenaan yang ada di-sana ia-itu apakala keadaan hampir dengan waktu malam kedudokan alat yang di-panggilkan—hendak kata operator di-situ tidak ada operator tetapi sub-station kecil itu sejok. Bila sejok kita tidak dapat hendak talipon.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu bukan bersangkutan dengan Undang² ini, tidak boleh lagi di-teruskan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tidak ada jawapan—perkara ini tidak ada kena-mengena.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² SUROHANJAYA PELABOHAN PULAU PINANG (PINDAAN)

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya Akta yang di-namakan Akta Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang (Pindaan), 1972 di-bachakan bagi kali yang kedua.

Perkhidmatan memandu (pilot) kapal² masok keluar pelabohan² sa-hingga hari ini di-jalankan sa-chara swasta (private) oleh Persatuan Pilot² di-pelabohan masing². Pada suatu masa Persatuan² ini di-kawal dan di-uruskan oleh pilot² dagang (foreign) sahaja tetapi beberapa tahun yang lepas Kementerian telah mengambil langkah² yang tegas menambah pilot² tempatan. Pada hari ini maseh tinggal 5 orang pilot dagang di-Pelabohan Pulau Pinang dan 4 orang di-Pelabohan Kelang. Langkah ini sekarang di-ikuti supaya perkhidmatan memandu pilot di-jalankan oleh Lembaga Pelabohan masing² untuk memelihara mutu dan kecekapan perkhidmatan ini yang mempunyai kaitan besar dengan operasi pelabohan pada keseluruhannya. Tindakan ini ada-lah mengikuti praktik biasa bahawa sa-suatu perusahaan yang penting hendak-lah di-uruskan oleh Kerajaan atau badan² berkanun yang memberi sa-suatu perkhidmatan tidak berasas kepada keuntungan daripada perkhidmatan itu semata² tetapi

berdasarkan kapada faedah yang Negara boleh dapati daripada perkhidmatan² yang berkaitan dengan-nya.

Untuk melaksanakan keputusan Kerajaan supaya perkhidmatan memandu pilot di-uruskan oleh Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang, maka Undang² bagi Pelabohan ini kena-lah di-pinda supaya Surohanjaya ini dapat menjadi sa-buah badan yang berkuasa mengenai semua perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan pilot dalam kawasan pelabohan ini dan juga membolehkan mereka menggaji pilot² sa-bagai kaki-tangan dengan mengikut sekim² yang di-ator yang berpatutan. Sa-hingga masa ini perkhidmatan pilot atau memandu kapal² ini di-kuat-kuasakan dengan chara melesenkan pilot² itu di-bawah Undang² Perkapalan Saudagar, 1952.

Fasal 3 dalam Rang Undang² Pindaan Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang 1955 memberi kuasa kepada Menteri menetapkan bayaran yang boleh di-kenakan oleh Surohanjaya Pelabohan di-atas perkhidmatan pilot yang di-berikan-nya. Kuasa yang di-berikan kepada Menteri menetapkan bagaimana bayaran² itu boleh di-tuntut dan juga mengechualikan pembayaran tersebut di-atas sebab² yang tertentu.

Fasal 5 membekalkan Bahagian yang baharu kepada Undang² itu, ia-itu Bahagian VA. Bahagian ini memberi kuasa Surohanjaya Pelabohan itu mengishtiharkan daerah atau kawasan perkhidmatan pilot di-dalam pelabohan itu. Di-antara lain Bahagian VA ini juga memberi kuasa kepada Surohanjaya menubuhkan Jawatan-kuasa Pilot yang diberi tanggung-jawab melesen, mengawal, mengator tugas² pilot yang bekerja dengan Surohanjaya dan menjaga tata-tertib kerja mereka itu.

Kuasa tersebut termasuk-lah mengadakan penyiasatan mengenai tudohan² ka-atas pilot yang berperangai tidak baik dan mengemukakan keputusan dan laporan mereka kepada Surohanjaya. Sa-lepas menimbang keputusan dan shor² Jawatan-kuasa Pilot² yang berkenaan menggantung atau membatalkan lesen pilot² itu jika di-dapati bahawa pilot² itu tidak berkebolehan, atau tidak menjalankan tugas-nya sa-bagaimana yang mereka mesti jalankan atau chuai di-dalam pekerjaan-nya.

Peruntukan juga di-sediakan di-dalam Bahagian ini untuk membolehkan pilot² yang di-hukum itu membuat rayuan kepada Menteri Perhubungan dan keputusan Menteri Perhubungan ada-lah muktamad. Surohanjaya Pelabohan ini juga di-beri kuasa membuat Undang² Kechil di-dalam kawasan pilot mereka mengenai perkara² yang berkaitan dengan tugas, akhlak dan tata-tertib pilot²-nya.

Di-bawah Bahagian ini juga di-peruntukan bahawa tiap² sa-orang yang hendak menjadi pilot ada-lah di-kehendaki membayar wang jaminan sa-banyak \$1,000 dengan kerana hendak menghadkan tanggong rugi pilot itu sendiri kepada angka ini sa-kira-nya ia melakukan sa-suatu kerosakan di-dalam masa pekerjaan-nya dan di-dapati kerosakan itu ia-lah di-sebabkan kechuaian kerja, kekurangan mahir atau tidak kebolehan menjalankan tugas-nya sa-bagai pilot.

Fasal 6 memperuntukan 5 seksyen baharu sa-lepas seksyen 91 dalam Undang² Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang sa-bagai Seksyen 92A dan 92E. Seksyen A menjadikan kesalahan bagi sa-saorang yang bukan pilot Surohanjaya Pelabohan menjalankan perkhidmatan pilot di-dalam kawasan pelabohan ini dan juga kesalahan bagi Kaptan kapal atau tuan punya kapal itu mengguna perkhidmatan pilot dari sa-saorang yang bukan pilot pelabohan.

Seksyen 8 menjadikan kesalahan bagi pilot menerima atau Kaptan atau tuan punya kapal memberi bayaran pilot berlainan daripada yang di-tetapkan. Seksyen C menjadikan kesalahan bagi sa-saorang pilot melakukan rasuah, meminjamkan lesen-nya, menjalankan perkhidmatan pilot apabila ia telah digantong daripada menjadi pilot, atau menjalankan tugas itu apabila ia di-dalam keadaan yang mabok. Ada-lah juga menjadi kesalahan bagi sa-saorang pilot Surohanjaya Pelabohan yang enggan memandu mana² kapal (melainkan ia di-dalam keudzoran atau di-hadapi oleh sa-suatu yang sakit atau pun sebab² yang menesabah), atau pun meninggal memandu kapal yang di-pandu-nya dengan tidak persetujuan daripada Kaptan kapal sa-belum tamat perkhidmatan pilot yang di-tugaskan kepada-nya. Mana² pilot yang melakukan kesalahan di-bawah seksyen ini apabila di-hukum salah boleh di-gantong lesen-nya atau di-berhentikan daripada menjadi pilot.

Seksyen D menjadikan kesalahan sa-kira-nya sa-saorang pilot itu membahayakan nyawa, anggota atau melakukan kerosakan atau kerugian kepada sa-sabuah kapal dengan kerana tidak menjalankan tugas-nya dengan betul. Jika ia di-dapati salah di-bawah seksyen ini lesen pilot-nya boleh di-gantongkan atau di-berhentikan daripada menjadi pilot.

Seksyen E menjadikan kesalahan bagi Kaptan kapal atau tuan punya kapal itu enggan mengguna pilot Surohanjaya Pelabohan apabila ia membawa kapal di-dalam keadaan atau kawasan yang Surohanjaya Pelabohan memikirkan sewajar-nya ia mengguna perkhidmatan pilot.

Lain² seksyen pindaan dalam Rang Undang² ini ada-lah sa-mata² bagi menchapai maksud (purely consequential) pindaan ini. Keterangan lanjut ada di-beri di-dalam Nota Penerangan kepada Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 6 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² LEMBAGA PELABOHAN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon keizinan supaya Akta yang di-namakan Akta

Lembaga Pelabohan (Pindaan), 1972 dibachakan pada kali yang kedua.

Perkhidmatan memandu (pilot) kapal² masuk keluar pelabohan² di-Kelang sahingga pada hari ini di-jalankan sa-chara swasta (private) oleh Persatuan Pilot² di-pelabohan masing². Pada suatu masa Persatuan ini di-kawal dan di-uruskan oleh pilot² dagang sahaja, tetapi beberapa tahun yang lepas Kementerian telah mengambil langkah yang tegas menambah pilot² tempatan. Pada hari ini tinggal hanya 5 orang pilot sahaja yang berada di-Pelabohan Pulau Pinang dan 4 orang di-Pelabohan Kelang, dan saya tidak-lah akan berchakap panjang, tetapi apa tujuan-nya yang hendak di-pinda ia-lah bab ordinan berkenaan dengan Pelabohan Kelang ini mengikut juga bagaimana yang telah kita chadangkan di-pelabohan Pulau Pinang, tetapi fasal²-nya sahaja yang ada berlainan.

Fasal 3 di-dalam Akta Lembaga Pelabohan 1963 ada-lah di-pinda dengan mengadakan sekshen 3A. Sekshen baru ini memberi perlindungan kepada Lembaga Pelabohan itu daripada apa² tanggungan kerugian yang mungkin berbangkit daripada kontrek dengan Lembaga ini atau ejen²-nya atau sa-siapa² yang menjalankan arahan Lembaga ini sa-kira-nya kontrek itu atau pun apa² yang di-buatkan itu ia-lah bagi tujuan mutlak menjalankan tugas² di-bawah Akta ini.

Fasal 4 dalam Rang Undang² Pindaan Akta Lembaga Pelabohan 1963 memberi kuasa kepada Menteri menetapkan bayaran yang boleh di-kenakan oleh Lembaga Pelabohan di-atas perkhidmatan pilot yang di-berikan-nya. Kuasa juga di-berikan kepada Menteri menetapkan bagaimana bayaran itu boleh di-tuntut dan juga mengechualikan pembayaran tersebut di-atas sebab² yang tertentu.

Fasal 5 membekalkan Bahagian baharu kepada Undang² itu, ia-itu Bahagian VA. Bahagian ini memberi kuasa kepada Lembaga Pelabohan ini mengishtiharkan daerah atau kawasan perkhidmatan pilot di-dalam pelabohan ini. Di-antara lain, Bahagian VA ini juga memberi kuasa kepada Lembaga ini menubuhkan Jawatan-kuasa Pilot yang di-beri tanggung-jawab melesen, mengawal, mengator tugas² pilot yang bekerja dengan Lembaga dan menjaga tata-tertib kerja mereka.

Kuasa tersebut termasuk-lah mengadakan penyiasatan mengenai tuduhan ka-atas pilot² yang berperangai tidak baik dan mengemukakan keputusan dan laporan² mereka kepada Lembaga. Sa-lepas menimbang keputusan dan shor² Jawatan-kuasa Pilot itu, Lembaga Pelabohan boleh mengarahkan Jawatan-kuasa Pilot menggantung atau membatalkan lesen pilot itu jika di-dapati bahawa pilot itu tidak berkebolehan, atau tidak menjalankan tugas-nya dengan betul atau chuai di-dalam pekerjaan-nya.

Peruntukan juga di-sediakan di-dalam Bahagian ini untuk membolehkan pilot yang di-hukum itu membuat rayuan kepada Menteri Perhubungan dan keputusan Menteri Perhubungan ada-lah muktamad. Lembaga Pelabohan juga di-beri kuasa membuat Undang² kechil di-dalam kawasan pilot mereka mengenai perkara² yang berkaitan dengan tugas, akhlak dan tata-tertib pilot²-nya.

Di-bawah Bahagian ini juga ada di-peruntukkan bahawa tiap² sa-orang yang hendak menjadi pilot ada-lah di-kehendaki membayar wang jaminan sa-banyak \$1,000 dengan kerana hendak menghadkan tanggong rugi pilot itu sendiri kepada angka ini sa-kira-nya ia melakukan sa-suatu kerosakan di-dalam masa pekerjaan-nya dan di-dapati kerosakan itu ia-lah di-sebabkan kechuaian kerja mereka atau kekurangan mahir atau tidak kebolehan menjalankan tugas-nya sa-bagai pilot.

Fasal 6 memperuntukan 5 sekshen baharu sa-lepas 35, Akta Lembaga Pelabohan sa-bagai 35A—35E. Sekshen A menjadikan kesalahan bagi sa-saorang yang bukan pilot Lembaga Pelabohan menjalankan perkhidmatan pilot di-dalam kawasan pelabohan itu dan juga kesalahan kepada kapitan kapal atau tuan punya kapal itu mengguna perkhidmatan pilot dari sa-saorang yang bukan pilot pelabohan.

Sekshen B menjadikan kesalahan bagi pilot menerima atau Kapitan atau tuan punya kapal memberi bayaran pilot berlainan daripada yang di-tetapkan. Sekshen C menjadikan kesalahan bagi sa-saorang pilot melakukan rasuah, meminjamkan lesen-nya, menjalankan perkhidmatan pilot apabila ia telah di-gantung daripada menjadi pilot, atau menjalankan tugas itu apabila ia di-dalam keadaan yang mabok. Ada-lah juga menjadi kesalahan bagi sa-saorang pilot Lembaga

Pelabohan yang enggan memandu mana² kapal (melainkan ia di-dalam keudzoran atau di-halangi oleh sa-suatu sebab yang mustahak dan menasabah), atau pun meninggal memandu kapal yang di-pandu-nya dengan tidak persetujuan daripada Kapitan kapal sa-belum tamat perkhidmatan pilot yang di-tugaskan kepada-nya. Mana² pilot yang melakukan kesalahan di-bawah sekshen ini apabila di-hukum salah boleh di-gantong lesen-nya atau di-berhentikan daripada menjadi pilot.

Sekshen D menjadi kesalahan sa-kira-nya sa-saorang pilot itu membahayakan nyawa, anggota atau melakukan kerosakkan atau kerugian kepada sa-sabua kapal dengan kerana tidak menjalankan tugas-nya dengan chukop chermat dan betul. Jika ia di-dapati salah di-bawah sekshen ini ia boleh di-gantongkan lesen-nya atau di-berhentikan daripada menjadi pilot.

Sekshen E menjadikan kesalahan bagi Kapitan kapal atau tuan punya kapal itu enggan mengguna pilot Lembaga Pelabohan apabila ia membawa kapal di-dalam keadaan atau kawasan yang Lembaga Pelabohan memikirkan sa-wajar-nya ia mengguna perkhidmatan pilot.

Lain² sekshen pindaan dalam Rang Undang² ini ada-lah sa-mata-mata bagi menchapai maksud (purely consequential) pindaan ini. Keterangan lanjut ada di-beri di-dalam Nota Penerangan kepada Rang Undang² ini.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 7 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² LALULINTAS JALAN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Akta Lalulintas Jalan (Pindaan), 1971 di-bacha kali yang kedua.

Rang Undang² ini ada-lah mengandongi chadangan pindaan kepada Undang² Lalulintas Jalan, 1958. Tujuan pindaan ini ia-lah untuk melengkapkan pindaan² yang telah di-buat di-dalam Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2), 1971 yang telah di-luluskan oleh Dewan dalam persidangan yang lalu. Dan lagi saperti yang telah di-nyatakan di-dalam Huraian Rang Undang² ini, undang² ini hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula berkuat-kuasa pada 1 haribulan November, 1971, ia-itu sa-masa dengan Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2), 1971.

Tujuan utama pindaan ini ia-lah untuk memberi kemudahan kepada pemohon lesen pengangkutan lori, terutama sa-kali lesen lori jenis "A" supaya bersesuaian dengan dasar baru pengeluaran lesen tertentu. Untuk menchapai tujuan ini, maka undang² yang berkaitan perlu di-buat, terutama sa-kali undang² yang ada kena-mengena dengan chara² memproses dan menimbangkan permohonan lesen itu supaya kelambatan yang biasa berlaku pada masa yang lalu dapat di-elakkan.

Pindaan ini juga ada-lah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pelesenan mengenakan sharat² yang di-fikirkan patut terhadap lesen² yang di-keluarkan dengan maksud untuk memenohi quota orang² Melayu, supaya lesen ini terjamin akan dipegang oleh orang Melayu.

Menurut peruntokan yang ada sekarang, sa-bua lesen pengangkutan yang di-keluarkan akan hidup sa-lama tujuh tahun. Akibat daripada peruntokan ini banyak lesen² yang di-keluarkan bagi maksud kerja² kontrek dan lain² yang bersifat kontrek jangka pendek, telah di-salahgunakan apabila kontrek itu telah tamat. Oleh sebab itu pengeluaran lesen pengangkutan bagi maksud saperti ini boleh-

lah di-tetapkan tempoh-nya berdasarkan kepada lama-nya pekerjaan di-bawah kontrak itu dapat di-selesaikan.

Pada masa sekarang ini ada permohonan² lesen pengangkutan yang telah di-gazetkan atau pun rayuan² ulangbichara yang tidak sempat di-bereskan atau di-putuskan di-dalam tempoh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan yang lama. Oleh sebab itu ada-lah di-fikirkan perlu bagi Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan yang baru ditubuhkan itu dan Menteri Perhubungan yang di-beri kuasa untuk memproses perkara² tersebut dapat menurut peratoran² dengan chara baharu supaya lebeh lekas dan memuaskan.

Kesulitan yang di-hadapi oleh pihak Polis, Pegawai² Jabatan Pengangkutan Jalan, Pegawai Jabatan Perhutanan dan lain² Jabatan Kerajaan yang terlibat ia-lah untuk menentukan berat kayu balak dengan mengira kepaduan (volume) kayu balak itu. Formula yang ada sekarang ia-itu 40 kaki padu bersamaan satu tan tidak dapat digunakan sa-bagai bukti yang sah dari segi undang² bagi menentukan berat kayu balak terutama apabila ada lori² yang membawa kayu balak berlebeh²an di-tangkap dan di-bawa ka-Mahkamah untuk di-adili. Penggunaan formula ini ada-lah sangat perlu kerana banyak lori² yang membawa kayu balak itu menggunakan jalan² yang jauh daripada tempat di-mana alat timbang itu di-adakan.

Saya fikir tidak-lah perlu lagi saya hendak panjangkan kerana semua sa-kali telah pun di-terangkan di-dalam explanatory note dan sa-kali lagi saya kata saya menhadangkan pindaan ini di-bachakan kali yang kedua.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Luhah Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di-dalam perbincangan Rang Undang² Lalulintas Jalan (Pindaan) ini dengan menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Perhubungan supaya beliau mengambil perhatian yang lebeh berat mengenai hal jalan raya, atau pun Rang Undang² Lalulintas Jalan ini di-negeri Sarawak.

Yang pertama, saya hendak memberi kenyataan kepada Yang Berhormat Menteri, ia-itu

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri keterangan sedikit. Negeri Sarawak di-dalam tempoh sepuluh tahun ini maseh lagi di-usahakan oleh Kerajaan Sarawak, saya boleh beri nasehat sahaja. Kalau di-suroh ambil tindakan, tidak dapat saya lakukan kerana belum lagi di-dalam lingkungan Persekutuan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2—

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Pengerusi, saya minta izin berchakap dalam bahasa Malaysia

Tuan Pengerusi: Berchakap dalam bahasa apa?

Tuan Lim Cho Hock: Dua² bahasa.

Tuan Pengerusi: Ta' boleh dua bahasa! Satu bahasa, boleh. Kalau ta' boleh berchakap Bahasa Kebangsaan, sabar dahulu.

Tuan Lim Cho Hock: Bahasa Inggeris?

Tuan Pengerusi: Bahasa Inggeris ta' boleh, itu bukan Bahasa Kebangsaan. Chakap Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Pengerusi, malang-nya Bill ini tidak mempunyai provision restricting lorries from travelling too fast.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Ahli Yang Berhormat berchakap fasal hendak control speed lori. Ini bukan fasal control speed lori, ini

berkenaan Majlis Pelesenan. Ini tidak kena-mengena fasal had laju, nanti saya bawa undang² itu di-sini, boleh sokong.

Tuan Lim Cho Hock: Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh membawa Bill yang baharu untuk menghadkan kelajuan. Kita dapati had kelajuan yang di-tetapkan ia-lah 35 batu sa-jam, tetapi mereka jalan laju juga, over the limit of 30 m.p.h. or 60 m.p.h. Kita mahu di-adakan satu syarat, the conditions must be imposed and must be observed and checked. Terima kasih.

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (SEKATAN) KERJA (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mengemukakan supaya Rang Undang² Pindaan (Sekatan) Kerja, 1971 di-bacha bagi kali kedua.

Ahli² Yang Berhormat tentu ingat bahawa Akta (Sekatan) Kerja, 1968 telah di-luluskan oleh Parlimen dalam bulan Ogos, tahun 1968. Atas nasihat Majlis Gerakan Negara, Yang Berhormat Menteri Buroh pada menjalankan kuasa² yang di-beri oleh sekshen 1 Akta tersebut telah menetapkan 1hb Julai, 1969 sa-bagai tarikh berjalan kuat-kuasa-nya Akta itu. Akta itu di-gubal dengan tujuan mengadakan lebeh banyak peluang kerja untuk ra'ayat Malaysia.

Ahli² Yang Berhormat juga tentu ingat bahawa Pengarah Gerakan menurut Ordinan No. 2 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969, telah membuat peratoran² berikut ini:

- (i) Peratoran² Perlu (Mengubahsuai Akta (Sekatan) Kerja, 1968), 1969.
- (ii) Peratoran² Perlu (Mengubahsuai Akta (Sekatan) Kerja, 1968) (No. 2), 1969 dan
- (iii) Peratoran² Perlu (Mengubahsuai Akta (Sekshen) Kerja, 1968), 1970.

Peratoran² Perlu ini mengubahsuai beberapa peruntokan² tertentu dalam Akta (Sekatan) Kerja, 1968 dan chuma berjalan kuat-kuasa sa-lama ada-nya Dharurat.

Tujuan Rang Undang² Pindaan (Sekatan) Kerja, 1971 ini ada-lah untuk menyatukan peruntokan² dalam Peratoran² ini supaya peruntokan² itu menjadi bahagian yang kekal dalam Akta (Sekatan) Kerja, 1968. Peruntokan² ini telah berjalan dengan memuaskan sejak dua tahun sa-tengah yang lalu dan di-rasakan bahawa peruntokan² ini patut-lah berjalan terus.

Peruntokan² dalam Rang Undang² ini hanya memberi perhatian kepada hal² berikut:

- (a) Sekshen 3. Gantikan sekshen-kecil (1) dengan yang berikut:

“(1) Bagi mentadbirkan Akta ini dengan sempurna, maka hendak-lah di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong sa-orang Pesuruhjaya Kerja, sa-orang Timbalan Pesuruhjaya Kerja dan beberapa orang Penolong Pesuruhjaya yang di-fikirkan perlu.”

Memandangkan banyak-nya Permit Kerja yang di-keluarkan dalam tempoh 1-7-69 sampai 30-9-69 yang berjumlah kira² 140,000 permit maka di-dapati perlu melantek sa-orang Timbalan Pesuruhjaya Kerja dan 2 orang Penolong Pesuruhjaya Kerja untuk membantu Pesuruhjaya Kerja dalam mentadbirkan Akta itu.

- (b) Sekshen 5 (1) (a). Perkataan “mengambil bahagian atau” yang terdapat dalam sekshen-kecil (1) (a) hendak-lah di-potong.

Pindaan ini bertujuan mengeluarkan orang² bukan warganegara yang bekerja sendiri dari peruntokan² Akta itu. Jabatan Pendaftaran menguruskan pendaftaran semua bukan warganegara yang bekerja sendiri yang bermastautin sa-chara tetap di-Malaysia.

- (c) Sekshen 5. Maka hendak-lah di-masokkan sekshen-kecil (3) baharu yang berikut:

“Bagi maksud sekshen ini, sa-siapa yang di-dapati menjalankan apa² perbuatan yang pada biasa-nya di-jalankan oleh sa-saorang pekerja di-mana² tempat kerja hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-ambil

bekerja menurut sa-suatu kontrek perkhidmatan oleh majikan bagi tempat kerja itu."

Sa-telah sa-tahun Akta itu di-laksanakan maka di-ketahui bahawa ramai majikan telah mengekali peruntokan² Akta itu ia-itu dengan niemotong nama² pekerja mereka yang bukan warganegara daripada buku² gaji mereka tetapi membayar gaji mereka sa-chara "sembunyi²". Pekerja² ini kerap kelihatan di-sekitar kedai² atau pun dalam kedai² melayan pelanggan². Mereka di-bayar gaji yang kecil untuk waktu² kerja yang panjang. Tiap² kali pemereksaan mengejut di-lakukan majikan² selalu-nya menafikan bahawa mereka itu pekerja²-nya dan pekerja² itu pula bersubahat dengan majikan mereka dengan menafikan bahawa mereka bekerja dengan majikan itu. Demi menghapuskan kechurangan² saperti ini maka sekshen-kecil baharu ini di-masokkan.

(d) Sekshen 9 (1). Perkataan "atau ada mengambil bahagian" yang terdapat dalam baris ketiga hendak-lah di-potong.

Tujuan pindaan ini sama sahaja saperti di-(b) ia-itu Sekshen 5 (1) (a).

(e) Sekshen 11 (2). Gantikan sekshen-kecil (2) dengan yang berikut:

"(2) Sa-suatu permit kerja hendak-lah sah sa-lama tempoh tidak lebeh daripada dua tahun melainkan jika terdahulu di-batalkan atau di-gantong."

Mengikut arahan Majlis Gerakan Negara bahawa pekerja² yang chukup mahir akan hanya di-berikan permit kerja yang sah 2 tahun maka perlu-lah tempoh asal dalam Akta itu di-pinda dari 3 tahun menjadi 2 tahun.

(f) Sekshen 20 (1). Perenggan (g) hendak-lah di-potong.

Memandangkan bahawa Jadual kapada Akta itu telah di-pinda untuk memasokkan tiap² orang yang bukan warganegara yang di-ambil bekerja, maka perenggan ini perlu di-potong.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mengemukakan Rang Undang² ini.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan dua perkara sahaja. Saya hendak berchakap dalam bahasa Malaysia dan memohon izin beruchap dalam bahasa Ingeris.

Pertama, sungguh pun tidak ada orang menentang dasar beri priority peluang² kerja kapada warganegara Malaysia, tetapi saya merayu kapada Kerajaan dan Menteri yang berkenaan supaya memberi pertimbangan yang istimewa kapada sa-golongan puak orang yang besar yang sungguh pun daripada segi undang² bukan warganegara tetapi Kerajaan ada tanggong-jawab akhlak atau moral responsibility untuk menjaga nasib mereka.

(Dengan izin) I am referring to the large group of people, many of whom are born and bred here but who for various reasons are not citizens and they have no other country to go to. Many of these factors are not of their own making. For instance, they have applied for citizenship and for long years they have not received any communication as to their applications, and many of them have passed the national language test, and, after two or three years, still there is no news as to whether they have been given their citizenship. Sir, these are people who have roots here; they do not have roots anywhere else and no other place to go to; they have families here; and in the case of estate labourers, they have spent a large part of their lives to help build up the economy. This is something which does not confine itself only to estate labourers; in towns too there are a lot of people, youths and others, who are not citizens, who are born and bred here, who have no other place to go to, who as a result of this legislation are left destitute and do not know where to turn to; they cannot get jobs because employers only want to give jobs to people who are citizens. Therefore, there must be special measures to help these people, special consideration to allow them to get jobs because otherwise there will be such a large reservoir and army of people in this country who cannot find jobs and who have nowhere else to go to. They are bound to turn to crime or other anti-social activities because they are forced to, not because they want to be criminals or they want to be robbers, but because they do not have any other avenues of livelihood. Mr Speaker, Sir,

I think this is very important and urgent, and I hope the Minister will give such consideration as appropriate to help them out.

Secondly, while talking about the principle of giving priority of jobs to Malaysians when compared to non-Malaysians, only two days ago the Prime Minister received a delegation from the National Union of Journalists with a memorandum on the question of expatriates in Malaysian newspapers. I hope the Prime Minister will look into this matter because we have been independent for 15 years and in a sector as important and sensitive as newspapers it is vital and important they should be Malaysianised. I know that there has been no real attempt to Malaysianise all important key editorial posts in the Malaysian Press. This could be done if the Government requires all newspapers to have a programme, a timetable to Malaysianise all the top key editorial posts and see to it that the newspapers observe this. Thank you.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, point yang pertama berkenaan dengan pekerja² yang lahir dalam negeri ini. Boleh jadi Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka tidak ingat walau pun kita telah menerangkan dalam Dewan ini beberapa kali ia-itu pekerja² yang di-lahirkan dalam negeri ini, mengikut peratoran yang di-persetujukan oleh Kerajaan, ia-lah boleh mendapat permit kerja dengan chara otomatik—they are entitled to automatic renewal.

Point yang kedua berkenaan dengan expatriate yang bekerja dalam sharikat² akhbar, Kerajaan sedang mengkaji soal ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² MAJLIS AMANAH RA'AYAT (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menhadangkan bahawa suatu Rang Undang² untok meminda Akta Majlis Amanah Ra'ayat tahun 1966 di-bacha bagi kali yang kedua.

Ada pun tujuan pindaan yang saya kemukakan ia-lah untok membuat per-untokan mengenai perlantakan sa-orang Timbalan Pengerusi sa-bagai Ahli Majlis Amanah Ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua bagi melaksanakan dasar ekonomi baharu peranan MARA adalah sa-makin bertambah. Yang demikian, maka pindaan saperti yang saya kemukakan ini ada-lah perlu di-buat untok melichin dan menguatkan lagi jentera pentadbiran di-MARA ini.

Sa-lain daripada itu peranan MARA akan menjadi lebeh kuat dan lebeh bertambah lagi, dengan itu usaha² perdagangan, perusahaan yang bertambah dalam usaha memajukan ladang² perusahaan yang baharu, perhubohan pusat² kemajuan dan segala aktiviti² perdagangan yang baharu oleh bumiputra.

Ini semua ada-lah peranan yang lebeh daripada MARA dan lebeh positif lagi. Oleh itu, Pengerusi MARA perlu-lah di-bantu dengan sa-orang Timbalan yang boleh juga memegang peranan sa-bagai Ketua Pengarah Kerja yang akan bertanggung-jawab memandu Majlis di-atas dasar serta pelaksanaan segala keputusan² Majlis.

Dalam Fasal 2 Rang Undang² ini memasokkan dua ta'arif baharu kepada Sekshen 2 yaani ta'arif Ketua Pengarah Kerja dan Timbalan Pengerusi.

Fasal 3 (a) memasokkan perkataan "sa-orang Timbalan Pengerusi" sa-lepas sahaja Sekshen 3 (a). Fasal 3 (b) memberi kuasa kepada Menteri untok melantek ahli Majlis dan Fasal 3 (c) meminda Sekshen 3 sekshen-kecil (v) dengan memberi kuasa kepada

Menteri untuk melantek Pengerusi atau Timbalan Pengerusi Sementara untuk menjalankan tugas² di-bawah Akta Majlis Amanah Ra'ayat jika Pengerusi atau Timbalan Pengerusi tidak dapat menjalankan tugas di-sebabkan sakit, tidak ada dalam Persekutuan atau oleh kerana apa² sebab yang lain. Menteri boleh melantek mana² orang sama ada atau tidak ia sa-orang ahli Majlis. Kuasa yang di-beri kepada Menteri untuk melantek Pengerusi Sementara atau Timbalan Pengerusi Sementara ada-lah penting.

Fasal 4 meminda Sekshen 4 sekshen-kecil (i) Akta Ibu dengan memasokkan sa-lepas sahaja perkataan "Pengerusi" perkataan² "dan Timbalan Pengerusi".

Fasal 5 menggantikan Sekshen 7 dan fasal ini menentukan garis tanggung-jawab Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Sekshen 7 (i) Akta Ibu di-pinda sa-bagai berikut:

"Pengerusi hendak-lah menjalankan penyeliaan dan pengawalan atas perbuatan dan perjalanan Majlis dalam perkara² mengenai dasar am".

dan Sekshen 7 (ii) sekarang ini hendak-lah di-pinda sa-bagai berikut:

"Timbalan Pengerusi ada-lah Ketua Pengarah Kerja yang bertanggung-jawab bagi menyediakan programme scheme atau projek untuk pertimbangan Majlis bagi mengeluarkan panduan dasar atau penerangan mengenai keputusan Majlis kepada Pegawai dan penjawat Majlis dan bertanggung-jawab bagi menyelia dan mengawal pelaksanaan keputusan² tersebut".

Fasal 6 Rang Undang² meminda Sekshen 8 sekshen-kecil (ii) dengan memberi kuasa kepada Majlis untuk melantek Pengarah bagi tiap² satu bahagian dengan kelulusan Menteri dan mereka yang di-lantek hendak-lah bertanggung-jawab kepada Ketua Pengarah Kerja. Dan Fasal 6 (b) memasokkan perkataan "terta'alok kepada arahan Ketua Pengarah Kerja" sa-lepas sahaja perkataan "Bahagian yang berkenaan" yang di-dapati dalam barisan (1) dan (2) dalam sekshen-kecil (iii).

Fasal 7, 8, 9, 10 dan 11 Rang Undang² ini ada-lah membuat pindaan² kepada Sekshen² yang tertentu dalam Akta Majlis Amanah Ra'ayat tahun 1966 dengan memasokkan

beberapa perkataan untuk menyesuaikan sekshen² tersebut dengan kandungan Akta seluruh-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menchadangkan.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kerajaan yang telah mengemukakan Rang Undang² ini dan berdasarkan kepada apa yang telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam mengemukakan Rang Undang² ini baharu sa-kejap bagaimana kata-nya: "ia-itu bagi pelaksanaan dasar ekonomi baharu, peranan MARA amat-lah bertambah dan untuk menguatkan lagi tenaga serta keupayaan MARA dalam menyempurnakan tugas² sesuai dengan dasar ekonomi baharu, maka perlu-lah Pengerusi MARA di-bantu oleh sa-orang Timbalan Pengerusi".

Dato' Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan tahniah juga kepada sa-orang pegawai yang telah pun di-lantek menjadi Timbalan Pengerusi, kerana beliau ada-lah merupakan orang yang sangat² penting dan di-perchayai oleh puchok pimpinan dan kepada-nya pada hemat saya di-harap dapat mentadbirkan kedudukan MARA ini bagi menchapai tujuan yang sa-benar-nya.

Saya juga, Dato' Yang di-Pertua, mengucapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada semua pegawai² MARA yang telah bekerja dengan bersungguh² untuk kepentingan ra'ayat yang benar² ingin mengambil bahagian di-dalam perdagangan dan perusahan juga lain² tugas yang di-pertanggung-jawabkan kepada MARA. Namun demikian, Dato' Yang di-Pertua, saya juga terpaksa berchakap dengan agak panjang sedikit dalam Dewan ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh panjang, biar tepat. Saya sudah membuat rayuan kepada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini minta di-tujukan kepada butir² atas Rang Undang² itu sahaja dan dengan tegoran² yang tepat kepada Rang Undang² ini. Jikalau melarat kepada perkara² yang tidak ada berthabit dalam Rang Undang² ini, terpaksa-lah Tuan Yang di-Pertua menahan-nya.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Saya akan chuba teruskan ucapan saya atas Rang Undang² ini dengan sa-chara terus terang. Mengikut Rang Undang² ini Pengerusi adalah bertanggung-jawab mengenai dasar am Majlis dan Timbalan Pengerusi ada-lah di-beri kuasa melaksanakan dasar dan bertanggung-jawab dalam semua perkara mengenai pentadbiran Majlis, ia-itu Fasal 5. Saperti yang kita semua ketahui, Dato' Yang di-Pertua, bahawa MARA di-tubuhkan ia-lah hasil daripada Konggres Bumiputra dan MARA itu ada-lah singkatan dari Majlis Amanah Ra'ayat, maka sudah tentu kepada pegawai yang saya sebutkan tadi yang sangat² di-harapkan dan di-beri kepercayaan oleh puchok, pimpinan adalah merupakan orang yang terpenting di-dalam melaksanakan kehendak dasar ekonomi baharu yang di-pertanggung-jawab kepada MARA.

Di-dalam sa'at yang akhir ini, Dato' Yang di-Pertua, pernah kita mendengar Yang Berhormat Menteri yang bertanggung-jawab mengenai MARA ini membuat kenyataan² di-dalam akhbar bahawa dengan tujuan hendak memberi peluang yang sunggoh² kepada bumiputra di-dalam bidang perdagangan dan perusahaan maka peminjam² atau pun kepada orang² yang ingin meminjam daripada MARA akan di-beri kemudahan yang sa-habis² senang, akan di-beri berbagai² kemudahan dan akan di-beri sa-pendek² masa bagi kelulusan-nya. Ada sa-tengah ucapan mengatakan 30 hari akan di-beri kelulusan atas satu² permohonan, kadang² 90 hari dan lain² lagi. Saya perchaya apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu memang benar dapat di-laksanakan, tetapi tidak kurangnya pula ada yang tidak berlaku saperti itu. Ini-lah masaalah yang saya sedang menchari, Dato' Yang di-Pertua, di-mana-kah slack-nya, atau pun di-mana-kah kendor-nya benda ini berlaku. Saya tunjukkan satu chontoh, Dato' Yang di-Pertua, supaya dapat di-jadikan kajian kepada sa-orang Timbalan yang akan di-pertanggung-jawabkan dengan MARA ini. Sa-orang daripada kawasan saya telah membuat permohonan dalam bulan Ogos, 1971 untuk mendapat pinjaman sa-banyak \$11,700 maka kelulusan yang di-beri ia-lah mengikut surat yang baharu di-terima pada 2hb Februari, 1972, kalau di-kira daripada bulan

Ogos, 1971—Ogos, September, Oktober, November, Disember, Januari, Februari, 2hb Februari erti-nya masok 7 bulan. Jadi di-mana-kah salah-nya benda ini. Saya telah berjumpa pegawai di-peringkat daerah mengatakan dan mengikut apa yang di-tunjokkan kepada saya hanya-lah sa-minggu sahaja berada di-peringkat daerah. Apabila di-sahkan kepada peringkat Negeri, maka pada peringkat Negeri tidak dapat menjelaskan kedudukan benda itu. Bila di-tanya kepada peringkat Pusat (Ibu Pejabat) maka saya dapat tahu-lah kelulusan di-beri di-peringkat Ibu Pejabat ia-lah pada 23hb Disember. Erti-nya antara negeri dengan Ibu Pejabat, saya tidak tahu sama ada antara negeri dengan Ibu Pejabat tersebut di-Pejabat Pos-kah sa-lama 6 bulan atau 4 bulan atau di-mana benda ini dan untuk di-jadikan ingatan, biar-lah saya beri nombor fail-nya kepada pehak yang berkenaan supaya perkara² yang saperti ini tidak berlaku pada masa akan datang. Fail, MARA Trengganu, 248/18/13/4351.

Satu lagi chontoh, Dato' Yang di-Pertua, yang ini lagi malang. Sa-buah perusahaan bumiputra untuk perusahaan tambahan di-daerah saya, di-daerah saya sudah pun puas saya berunding dengan pehak² kalangan swasta untuk mendapatkan kilang² dan saya tidak menyalahkan kalangan swasta, memang sudah menjadi nasib Besut tempat yang begitu kusut dudok di-hujung ta' ada kalangan swasta yang hendak membuat kilang, kerana soal transport dan lain². Maka atas inisiatif penduduk di-sana kerana ingin memberi pekerjaan kepada orang² yang menganggor, maka di-galakkan-lah ahli² bumiputra yang di-fikirkan boleh menjalankan perniagaan menubuhkan sa-buah sharikat perusahaan tembakau. Di-dalam melaksanakan perkara ini, Dato' Yang di-Pertua, di-minta-nya-lah quota daripada sana sini, Alham dulillah pehak Rothmans pun beri quota dan lain² pun telah memberi quota kepada sharikat ini, tetapi, Dato' Yang di-Pertua, apabila kita hendak membesarkan perniagaan ini dengan menaruh kepercayaan kepada MARA dapat membantu saperti yang pernah di-beri pengakuan, maka di-buat-lah permohonan kepada MARA. Apabila di-majukan permohonan pada 7hb Disember, 1971 untuk mendapat pinjaman sa-banyak \$32,000 dan di-serahkan-lah chagaran ini sa-banyak 44 ekar dan sudah pun menchukupi dan di-serah

chagaran ini pada hari itu juga, di-jalankan penyiasatan dan sa-minggu kemudian di-hantar kepada peringkat Negeri. Kira² sa-tengah jam yang lalu, Dato' Yang di-Pertua, saya chuba menalipon kepada Ibu Pejabat yang ada di-Ibu Pejabat Kuala Lumpur, permohonan ini belum lagi sampai kepada Ibu Pejabat dan sa-belum itu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pejabat MARA buka sa-tengah jam dahulu lagi. Sekarang sudah hampir pukul 7.00 malam!

Tuan Hussain bin Sulaiman: Saya talipon lebeh kurang dalam pukul 3.45 petang tadi, Dato' Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jikalau bagitu, tidak-lah sa-tengah jam! Saya sudah berpesan kepada Ahli Yang Berhormat, saya benarkan Ahli Yang Berhormat menyentoh sebab² yang ada dalam Bill ini—Perlantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Jikalau sa-kira-nya ada di-dapati apa² kekurangan itu, sebutkan-lah chontoh-nya dengan ringkas, jangan-lah mencheritakan berkenaan dengan chari tanah 44 ekar dan lain²-nya, ini merugikan masa. Yang di-Pertua, ada kuasa yang luas. Jikalau ada masa, apabila Yang di-Pertua nampak ada menyentoh kapada mana² dasar polisi dalam Bill ini, boleh di-benarkan, bila masa sudah sengkak, Yang di-Pertua terpaksa kena menggunakan kuasa-nya di-bawah Peratoran Majlis Meshuarat, minta-lah tolong di-rengkaskan sedikit.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Terima kaseh, Dato' Yang di-Pertua, saya menyentoh benda ini hanya-lah sa-bagai chontoh untok

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang ringkas boleh-lah chontoh, jikalau minta di-segerakan permintaan di-luluskan, sa-takat itu chukup.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Jadi, untok di-jadikan penyiasatan kapada pehak yang berkenaan apa yang saya sebutkan ini sharikat tembakau ia-lah memakai fail: MARA Trengganu: 248/18/13/4495.

Dato' Yang di-Pertua, harapan ahli perniagaan kapada MARA memang besar sama-lah dengan hasrat Kerajaan mengadakan Rang Undang² ini. Saya hanya ingin

membuat satu pengehoran kapada Kerajaan. Masaalah yang benar² di-hadapi oleh ahli² perniagaan Melayu sekarang ini, kalau boleh di-jalankan oleh pehak MARA terutama sa-kali mengenai dengan perniagaan² kechil, apa salah-nya kalau pehak MARA membantu beberapa orang saudagar² bumiputra yang besar yang ada di-dalam Negeri², kemudian saudagar tadi-lah menyediakan barang² dengan penoh di-dalam kedai dan di-dalam gedong-nya, kemudian ahli² perniagaan kechil mengambil daripada kedai² tadi. Saya fikir dengan chara itu lebeh menyenangkan dan tidak mengkusutkan Pegawai MARA kerana chara yang lebeh ringkas, chara yang lebeh baik dan perhubungan antara ahli² perniagaan dengan ahli² perniagaan dia memang lebeh seronok, Dato' Yang di-Pertua, daripada berhubong dengan pegawai kerana banyak sangat masaalah² yang tidak dapat di-atasi.

Satu perkara lagi yang saya ingin mendapat penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, apakala yang mengkaji mengenai dengan Akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Ra'ayat yang ada di-hadapan kita sekarang ini memang-lah tidak berapa jauh beza-nya dengan Akta Lembaga Padi dan Beras, dengan Akta FAMA, tetapi ada beza-nya pula tentang kedudukan Pengerusi MARA ini dengan Pengerusi L.K.T.P. Jadi, saya ingin penjelasan kenapa mengenai L.K.T.P. lain chara-nya dan mengenai dengan MARA ini lain chara-nya, mengenai dengan FAMA dan mengenai dengan L.P.N. ta' sama dengan L.K.T.P. sedangkan benda ini sama² dirangka oleh Kerajaan. Sekian, Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untok berchakap sa-patah dua kata dalam Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini ada menyentoh tentang perlantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi MARA dan di-harap-lah kedua²-nya boleh melaksanakan tujuan² dan tugas²-nya dengan sa-baik²-nya dan jangan-lah di-dapati tegoran² saperti Ahli Yang Berhormat dari Besut.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebutkan ia-lah tentang penghantaran murid² oleh MARA ka-United Kingdom atau ka-England untok melanjutkan pelajaran-nya

dalam sekolah² menengah. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri, boleh-kah beliau barangkali sekarang, atau di-masa akan datang memberitahu kepada Rumah yang bertuah ini, berapa ramai murid² s-tiap tahun yang telah di-hantar oleh MARA ka-England untuk melanjutkan pelajaran-nya di-sana.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Pelajaran khas-nya sentiasa mengatakan dan menyuruh ra'ayat di-negara kita menghantar murid²-nya atau kanak²-nya ka-sekolah menengah masing² di-seluruh Malaysia. Mengapa-kah MARA menghantarkan murid² ka-England untuk melanjutkan pelajaran-nya? Ada-kah di-hantar oleh sebab MARA tidak perchaya kepada sistem pelajaran yang berlaku di-negara kita.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, there are thousands of children in this country who have of necessity to go to our schools here and it is a pity that MARA should send, and I gather not send just one or two but quite a number of students to continue their education in the United Kingdom. Mr Speaker, Sir, I think in the Ministry of Education, and I think generally speaking amongst educationalists, it is accepted that one should do one's primary education in this country, one should do one's secondary education in this country, one should do one's H.S.C. in this country, one should do one's under-graduate study in this country, one should do one's Masters in this country, and finally one should do one's doctorate in this country. It is an accepted principle in the University of Malaya at least; where facilities are available we do not encourage people to do their Masters outside this country. We encourage them to do it inside this country because if they want to learn about rural development or if they want to learn about the success or otherwise of the L.K.T.P., then they must learn in this country, not go to Harvard or to Hawaii. So we encourage them to do even their post-graduate education here. We also encourage them to do their doctorate here, Mr Speaker, Sir, where facilities are available and where there are supervisors available. After their doctorate, we then tell them, "Look here, you have already achieved a certain standard of education"; then at that time after their doctorate, we encourage them

and if they are members of the staff, we give them their Sabbatical, which amounts to one year after every five years of work.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Rasa saya ucapan Ahli Yang Berhormat dari Batu tidak ada kaitan dengan Akta ini, oleh itu, saya harap Ahli Yang Berhormat dapat menumpukan ucapan-nya kepada soal pokok terhadap Rang Undang² ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya benarkan Ahli Yang Berhormat itu elaborate sedikit, sebab bergantung dengan dasar polisi Rang Undang² (Pindaan) ini. Minta di-rengkaskan sedikit dan jangan pula di-binbangkan mengenai dasar pelajaran.

Dr Tan Chee Khoo: Saya hendak bANDINGKAN dengan dasar polisi pelajaran di-negara kita.

Mr Speaker, Sir, what I want to say is MARA, if it believes in the system of education in this country, should forthwith stop this very expensive business of sending students abroad for their secondary education. In this country secondary education—well, the Government has not released figures—presumably does not cost more than \$500 per student. But if MARA sends students abroad to the United Kingdom, I dare say it will cost about \$2,000, if not more, because fees have gone up, cost of living has gone up.

So, Mr Speaker, Sir, while we approve of the appointments in this Bill, of the Chairman and the Deputy Chairman and the Chief Executive of MARA, I do hope that these new officials will have a very serious look at the sending of students abroad for their secondary education because, to me, it is an absolute waste of public funds, and it is an evidence of the lack of confidence in our educational system. Thank you, Mr Speaker, Sir.

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I wish to speak very briefly on this Bill. In Sarawak, Sir, MARA does not benefit the great majority of our natives. Loans from MARA must be guaranteed by land titles. This means that only a small minority of town or urban natives in Sarawak can benefit. Recently, Mr Speaker, Sir, the Council

Negeri passed a Land (Amendment) Act allowing for native title land as a guarantee for loans from MARA, M.I.D.F. and so on. But this is not enough. What about those who have no title to their lands?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You are not confining your address to the subject-matter of this Bill. You cannot discuss policy in general terms here. You can direct your comments to the matters stated in the Bill.

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong: Thank you, Sir. Are these people therefore to be denied any benefit from MARA? I, therefore, hope that the Government will look into this matter so that a great number of natives will not be denied MARA loans.

Another matter, Sir, is the case of so many Sarawak students now studying at the MARA College in West Malaysia. I am informed that they are only given \$15 pocket money per month. How far can \$15 now go? With the high cost of living and the high cost of goods in the shops

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You are straying from the subject-matter. I am afraid I have to ask the Honourable Member to resume his seat, unless he can develop something relevant to the Bill.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais (Sabah Selatan): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² ini. Dengan ada-nya Rang Undang² ini diluluskan, saya perchaya ia-lah untuk menguatkan tenaga pentadbiran MARA.

Dalam pada itu, Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan pandangan saya atas MARA di-Sabah, ia-itu berkenaan dengan transport. Jadi, dengan ada-nya Rang Undang² ini diluluskan, maka pentadbiran MARA akan dapat menjadi baik di-negeri Sabah. Satu daripada-nya, Dato' Yang di-Pertua, ia-itu Transport MARA di-Negeri Sabah, banyak yang nampak-nya tidak begitu beres atau tidak begitu maju, oleh kerana mungkin dapat, atas pandangan saya, menyebabkan MARA itu kekurangan seperti jentera-nya kurang chukop, ia-itu banyak perkakas-nya sudah begitu lama, ia-itu tidak di-perbaiki, jadi menyebabkan transport di-sana selalu terbelang. Jadi, murid² yang mengharapkan kepada transport MARA ini selalu tidak dapat ka-sekolah oleh kerana

kerusakan bas MARA ini. Jadi, saya harap dengan ada-nya kelulusan Bill ini maka akan dapat memperbaiki lagi transport MARA di-Negeri Sabah, terutama sa-kali di-daerah saya, ia-itu di-Sipitang.

Dato' Yang di-Pertua, ada juga satu perkara yang hendak saya kemukakan di-Dewan ini, ia-itu atas peratoran meminjam wang daripada MARA, ia-itu apabila sa-saorang telah mendapat permit teksi umpama-nya dan dia berjumpa kepada pegawai MARA, kemudian mendapat kelulusan, tetapi dengan syarat ia-itu apabila sa-saorang itu meminjam, dapat permit itu, dia berkehendakkan chagaran, ia-itu chagaran tanah kepunyaan bumiputera umpama-nya, tetapi sudah pun di-chagarkan tanah itu, kita mendapat sa-buah kereta yang di-jualkan oleh MARA, kemudian kereta itu lagi menjadi chagaran. Jadi, saya harap atas perkara ini sa-harus-nya juga di-longgarkan supaya tanah itu sahaja di-chagarkan dan kereta itu akan di-keluarkan daripada chagaran kepada orang yang memohon itu. Sekian, terima kasih.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak berchakap panjang, chuma hendak berchakap ringkas² sahaja. Saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh²-nya Rang Undang² ini oleh kerana MARA, timbul-nya MARA, hidup-nya MARA oleh kerana ada-lah struggle bumiputra di-dalam jasad-nya. Dahulu ada RIDA, tetapi oleh kerana bumiputra tidak berpuas hati di-atas perjalanan RIDA dahulu kerana telah menjadi roda, maka dalam meshuarat bumiputra maka Majlis Amanah Ra'ayat telah munchul dan harapan ra'ayat, harapan orang Melayu, harapan bumiputra ada-lah di-atas MARA.

Jadi, Rang Undang² yang ada hari ini, yang akan di-pinda ada-lah saya beri sokongan sa-penoh-nya oleh kerana saya berpendapat dengan ada-nya MARA maka iktisad orang² Melayu dapat di-perbaiki dan jikalau ada Pengerusi MARA, atau pun Timbalan Pengerusi MARA ini hendak-lah terdiri daripada orang² yang insaf terhadap perjuangan iktisad orang² Melayu. Jangan di-ambil kepada orang² kerana dia ada-lah kesayangan sa-suatu orang. Itu saya mintalah kepada pehak yang bertanggung-jawab. Jadi, kemundoran dan juga kema'amoran orang² Melayu bukan bergantung kepada kesayangan sa-orang, tetapi ada-lah satu

bangsa. Kalau hendak memajukan terpaksa-lah dia mencari orang yang betul² untuk memajukan-nya. Di-sini banyak penuntut² Melayu belajar di-MARA Kolej, di-ajar itu dan ini, tetapi banyak lagi anak² Melayu yang terpaksa pergi ka-luar negeri boleh dan terus belajar, bukan membazir wang Kerajaan—tidak, tetapi ada-lah hak asasi di-dalam Perlembagaan ia-itu di-dalam Perlembagaan Malaysia mengatakan ada hak² istimewa. Jadi, orang Melayu itu sudah tinggal jauh sa-lama²-nya, maka Kerajaan mesti-lah menengok kebodohan itu supaya orang Melayu dan bumiputra cherdak belajar di-dalam negeri dan jika tidak cukup ka-luar negeri belajar, tidak membazir duit, kerana hendak mempelajari perkara² yang baharu. Jika di-tanah ayer kita ini ada sekolah mithal-nya sekolah membetul mesen, membetul motokar. Kalau mithal-nya menghendaki lebeh tinggi lagi belajar berkenaan dengan menshin motokar ini terpaksa-lah pergi ka-Jermani, terpaksa-lah budak² itu mesti di-hantar ka-Jermani untuk mendapat kebolehan yang lebeh baik lagi. Tetapi kalau mithal-nya chuma untuk mempelajari untuk starter motokar, tidak-lah guna pergi ka-Jermani atau pun ka-negeri² barat. Jadi, saya fikir tidak-lah membazir wang Kerajaan atau wang ra'ayat menghantar bumiputra ka-luar negeri belajar, tetapi yang saya kehendaki dan orang² Melayu kehendaki bumiputra ini, baik pun dari Sabah dan Sarawak berkehendakkan ia-itu MARA betul² menjalankan tugas-nya.

Di-dalam tempoh 20 tahun yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bumiputra dan orang² Melayu dalam masa 20 tahun yang akan datang ini akan memegang teraju iktisad di-negeri ini sakurang²-nya 30%. Dan tugas ini bukan-nya senang untuk di-jalankan di-dalam tempoh 20 tahun, tetapi jika di-jalankan dengan sabetul²-nya. Kalau kita menengok macham mana Jepun telah naik dalam tempoh 15 tahun, Jepun boleh mengalahkan Russia dalam tahun 1905. Saya fikir orang² Melayu juga di-dalam tempoh 15 tahun yang akan datang, dalam tempoh 20 tahun yang akan datang, 30% daripada iktisad dalam negeri ini boleh di-pegang oleh orang² kita, bumiputra² dan orang² Melayu, jika MARA betul² menjalankan tugas²-nya.

Dalam pandangan saya ia-itu saham². Saham² ini saya hendakkan supaya apabila Pengerusi dan Timbalan Pengerusi di-lantek

kelak, maka terpaksa-lah menengok ia-itu saham² yang di-jual, hendak-lah kita fikirkan ia-itu ada-kah saham² itu di-beli oleh orang² kampong, bumiputra Sabah atau Sarawak. Sa-betul-nya tidak. Orang² Melayu yang mempunyai duit, banyak duit, tetapi orang² Melayu di-hulu², orang² Melayu di-kampong² dapat-kah beli saham ini, tidak dapat, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka tidak mampu membeli saham. Pegawai² Kerajaan yang banyak gaji, orang businessmen yang dalam pekan boleh beli. Orang² kampong yang kebanyakan tanah² orang kampong ada-lah tanah dalam Malay Reservation, tanah Malay Reservation hendak gadaikan di-Bank Bumiputra, mithal-nya boleh-lah di-ambil untuk beli saham, tetapi susah sangat mendapat-nya. Jadi, saya mengshorkan kepada pehak MARA kumpulkan segala grant bumiputra yang merah ini, siapa sahaja hendak beli saham, kumpulkan grant² merah ini. Dengan sebab grant merah ini ada-lah tanggung-jawab MARA: Ini dia grant, \$1,000 grant hendak sa-banyak ini wang daripada Bank Bumiputra kerana hendak beli saham daripada kilang yang baik supaya orang² kampong itu mempunyai saham macham mana orang² lain mempunyai saham, maka mereka ini mempunyai saham. Kalau tidak di-jalankan bagini, kita chuma melaong²kan sahaja, melaong²kan orang beli-lah saham, beli-lah saham, beli-lah saham. Saham apa? Duit tidak ada. Jadi apa keuntungan daripada saham ini tidak di-ambil oleh orang² kampong ini. Itu akan menjadi membayar hutang² dia, kemudian di-dalam barangkali tempoh enam, tujuh atau lapan tahun telah di-bayar-nya dengan keuntungan di-dapati daripada saham-nya tadi, tanah yang di-gadai-nya kepada Bank Bumiputra di-tebus, saham pun ada. Jadi chara bagini mesti di-fikirkan oleh MARA untuk menolong bumiputra masuk dalam perindustrian negeri ini, tetapi jika macham ini juga berjalan macham semut, tidak di-fikirkan chara-nya, maka chuma hal perkara² untuk membeli saham daripada bumiputra ada-lah chuma angan² sahaja. Dengan sebab itu, saya tidak hendak memanjangkan ucapan saya ini, maka saya harap dengan ada, perlantekan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi yang betul² menjalankan tugas-nya untuk meninggikan taraf hidup orang² bumiputra baik juga di-Tanah Melayu atau di-Sabah dan Sarawak menjalankan tugas²-nya

dalam tempoh 20 tahun yang akan datang ini, moga² apa yang di-tujukan-nya berjaya. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: bangun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Minta pendekkan sedikit ucapan Yang Berhormat!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya akan berchakap berkenaan dengan Rang Undang² Majlis Amanah Ra'ayat ini dengan sa-berapa ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya (Pindaan) ini maka kuasa² yang di-beri kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, Amanah Ra'ayat atau pun MARA itu akan berjalan dengan lebih baik. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan ada-nya Timbalan Pengerusi yang boleh menjalankan kerja² Pengerusi dan menanda-tangani bagi pehak Pengerusi apakala Pengerusi keuzoran dan sa-bagai-nya, ini mendatangkan kesan yang berfaedah di-masa akan datang. Sebab sa-bagaimana kita tahu MARA ada-lah sa-buah agensi yang besar yang di-biayai oleh Kerajaan dengan beratus² melion ringgit. Ini adalah satu perkara yang perlu di-ambil perhatian oleh semua orang. Jika MARA tidak dapat berjalan dengan lebih lincin bererti wang yang kita churahkan bagitu banyak untuk kepentingan orang Melayu dan kaum bumiputra sudah tentu terbengkalai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian² di-masa yang lalu mungkin di-sebabkan oleh penyusunan MARA tidak bagitu kemas di-mana satu kejadian yang kurang menyenangkan orang² Melayu dan orang² bumiputra pada projek² yang di-jalankan oleh MARA. Saya beri satu contoh di-mana MARA kurang berjaya di-dalam menjalankan usia-nya ia-itu satu rancangan MARA untuk membesarkan perniagaan orang Melayu di-negeri Trengganu dengan mengadakan satu bangunan ia-itu Bangunan MARA. Pada asas-nya itu ada-lah baik, tetapi oleh kerana menempatkan satu bangunan yang bagitu indah dan bagitu banyak wang yang di-churahkan-nya di-tempat yang tidak sesuai, maka apa yang kita harapkan itu tidak berjaya dan pekedai² Melayu di-bangunan MARA itu sudah kechewa dengan sebab sewa-nya mahal dan sambutan orang

tidak ada. Saya rasa, ini mungkin di-sebabkan oleh penyelenggaraan kerja di-antara pehak yang berkenaan dalam MARA, Pengerusi MARA dan sa-bagai-nya tidak dapat di-buat dengan lebih sempurna dengan mengkaji perkara² itu dengan lebih mendalam, kalau tidak masakan kejadian saperti itu berlaku. Tambahan pula apakala MARA mengadakan satu bangunan di-untukkan kepada orang² Melayu, ada orang lain, peniaga² yang bukan bumiputra membuat satu kompleks ia-itu sa-hingga hari ini masih belum siap, chuma apa yang saya dengar ia-lah nama kompleks itu Trengganu Emporium dan kompleks itu sekarang ini sedang dalam pembinaan. Jadi berarti kalau bangunan yang baharu ini akan di-tempatkan dengan peniaga² yang lain akan sudah tentu peniaga² yang ada di-bangunan MARA itu akan kechewa dan tidak berjaya dalam pemikiran mereka. Jadi, saya harap di-masa akan datang tidak akan berlaku saperti itu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sebutkan ia-lah tentang ada sa-tengah² yang saya dapat tahu bahawa kilang MARA kurang berjaya ia-itu kilang ubi kayu. Saya dapat tahu kerana, kata-nya, kilang ubi kayu ini masa banjir tenggelam. Sa-patut-nya perkara ini tidak boleh berlaku sebab kita ada mempunyai engineer dan kita mempunyai architect, kita ada mempunyai pakar itu, pakar ini mengkajikan satu benda yang dapat mengatasi kejadian² yang akan datang di-satu masa itu sa-patut-nya tidak boleh berlaku perkara ini, sama ada saya rasa tentu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh memberi penjelasan dalam hal ini, sama ada perkara itu betul atau tidak tentang apa yang saya katakan, chuma ini apa yang saya tahu. Sa-kira-nya penyelenggaraan dapat di-beri oleh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi MARA perkara ini mungkin tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sebutkan ia-lah pinjaman yang di-beri kepada orang² kita ini hendak-lah pinjaman yang lebih berkesan sa-boleh²-nya, jangan-lah pinjaman hanya \$1,000; \$2,000 tidak bagitu berkesan, sa-baik²-nya pinjaman yang banyak ia-itu \$5,000; \$10,000 dan sa-bagai-nya. Dan chara di-masa yang telah lalu membuat chagaran tanah itu kurang memuaskan. Tambahan pula ada chara MARA ia-itu menerima tanah orang lain. Mithal-nya kalau si-A mahu meminjam

wang daripada MARA kemudian ia-nya tidak ada mempunyai geran tanah, kemudian si-B ada mempunyai geran tanah—A meminjam daripada B. Tanah daripada B, kemudian geran tanah B itu di-jadikan chagaran kepada pinjaman itu.

Apakala pinjaman itu tidak di-bayar, maka geran tanah si-B di-lelong oleh MARA itu menimbulkan satu masalah sedangkan sa-tengah² bahagian B ini terdiri daripada orang yang tidak begitu mengetahui selok-belok tentang chara pinjam-meminjam wang ini. Jadi saya harap mendapat perhatian dalam hal ini dan saya shorkan sa-baik²-nya wang simpanan pekerja² yang sekarang sa-bahagian besar orang² yang mempunyai pekerjaan yang maseh muda ada mempunyai wang simpanan-nya, itu boleh di-jadikan chagaran untuk pinjaman wang daripada pehak MARA.

Izinkan, Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Banyak lagi-kah Ahli Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Satu lagi. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sebutkan ia-lah pengajaran kepada jurutera² atau pun orang Melayu yang mahu membuka workshop. Jadi sa-tahu saya di-masa yang lalu ada pehak MARA menghantarkan orang² bumiputra ini berlateh, belajar membaiki jentera di-luar negeri. Saya tidak tahu-lah ka-mana yang di-hantar tetapi ada sa-tengah² yang sudah di-hantar itu balek tidak begitu pandai, lebeh pandai orang yang berlateh dengan bengkel yang ada dalam negeri sendiri yang bukan di-punyai oleh MARA tetapi di-punyai oleh persendirian. Saya harap perkara ini jangan-lah berlaku di-masa akan datang dan sa-baik²-nya pehak MARA membesarkan bengkel² kepunyaan orang Melayu yang ada di-seluruh negara kita ini dengan memberi pinjaman kepada mereka dengan sa-mudah²-nya untuk membesarkan bengkel² mereka dan melengkapkan alatan² mereka. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini walau macham mana pun orang Melayu dalam bidang pembaikan kereta ini atau kenderaan ini, saya anggap sudah boleh buat. Saya hendak kata pandai sangat pun tidak berani juga, tetapi memang sudah ada kemahiran. Jadi ada-nya untuk melengkapkan perniagaan mereka

sesuai dengan orang lain—itu tidak ada. Saya harap pehak Yang Berhormat yang berkenaan mengambil perhatian untuk kebaikan bersama. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan berbanyak² terima kasih di-atas pandangan, tegoran dan bidasan yang di-lemparkan terhadap MARA dalam masa kita membahathkan pindaan Rang Undang² ini.

Sa-benar-nya peranan yang di-mainkan oleh MARA semenjak bertukar nama-nya dari RIDA ia-itu di-lahirkan oleh Konggres Ekonomi Bumiputra pada tahun 1965 yang lalu, MARA telah dan tidak boleh di-nafikan betapa besar kemajuan yang telah di-chapai oleh kaum bumiputra dalam tempoh lima enam tahun ini. Saya fikir tidak ada orang yang terfikir ketika Konggres Ekonomi Bumiputra dahulu membinchangkan soal MARA ini yang boleh menduga kemajuan yang telah di-chapai oleh MARA begitu pesat terutama sa-kali dalam latehan dan juga dalam lapangan perdagangan dan perusahaan apa yang kita lihat hari ini. Namun begitu pepatah Melayu ada mengatakan: tidak ada gading yang tidak retak, tidak ada bumi yang tidak di-timpa hujan dan tidak ada orang yang terasah batu sepuluh. Oleh itu, sa-tiap langkah dan sa-tiap gerak yang di-jalankan oleh pegawai² MARA ada kala-nya memang-lah tergendala atau kelewatan dengan sebab² yang tertentu dan kadang² permohonan yang di-terima oleh pegawai² yang berkenaan terlalu banyak dan ada masa-nya tidak menchukupi syarat², yang demikian ada-lah lambat. Ini satu yang tidak dapat di-elakkan dalam soal pentadbiran di-mana² Jabatan Kerajaan.

Saya tidak berhajat hendak mengulas satu² uchapan daripada Ahli² Yang Berhormat dari Besut, Batu, Lubok Antu, Sabah Selatan, Kuala Selangor dan juga Dungun tadi. Akan tetapi tegoran yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut menyatakan Pengerusi MARA ini ada-lah sama dengan Pengerusi yang lain seperti FAMA, Lembaga Urusan dan Tabong Haji, Lembaga Padi dan Beras Kebangsaan dan lain², tetapi beliau menyebut soal Pengerusi L.K.T.P. yang tidak sama bentok-nya. Dalam hubungan ini saya tidak-lah hendak menghuraikan dengan panjang, tetapi tugas² MARA dengan tugas² L.K.T.P. ada-lah berbedza. MARA seperti

Ahli² Yang Berhormat tahu ada-lah mempunyai peranan yang amat besar dalam perdagangan dan perusahaan di-mana orang² Melayu dan bumiputra ketinggalan jauh di-belakang; bukan sahaja jatuh malah terhimpit dalam lapangan ini. Jadi untuk memberi galakan, untuk memberi panduan, pimpinan dan sa-bagai-nya dalam hubungan ini, maka perlu-lah Pengerusi-nya di-apit oleh Timbalan-nya yang bertanggung-jawab penoh dalam soal pelaksanaan dasar² yang diluluskan oleh Majlis.

Pihak L.K.T.P. hanya pembukaan tanah dalam ranchangan menanam getah dan kelapa sawit sahaja. Erti-nya tugas L.K.T.P. walau pun berat tetapi tidak rumit sa-bagaimana kerumitan yang di-hadapi oleh MARA sendiri. Yang demikian tidak-lah boleh kita samakan tugas² Pengerusi MARA dengan tugas Pengerusi L.K.T.P. ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, soal yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu tadi, saya suka menyatakan erti-nya satu diskriminasi berlaku kepada pelajar² bumiputra di-Sarawak yang di-berikan duit poket \$15 walau pun terkeluar daripada perbathahan ini, tetapi saya suka menjelaskan bahawa tidak ada berlaku pilih kasih dalam soal ini. Erti-nya wang poket yang \$15 itu di-beri sama kepada penuntut² Melayu yang belajar di-sini, wang itu sa-lain daripada makan, tempat tidor yang di-tanggung penoh oleh pihak MARA.

Mengenai kilang ubi kayu yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun, sa-belum kilang ini di-dirikan, pihak MARA telah minta nasehat daripada pihak D.I.D. dan telah di-berikan fahaman dan kenyataan bahawa tempat itu tidak pernah banjir tetapi oleh sebab banjir yang berlaku pada akhir² ini ada-lah luar biasa, yang demikian bukan sahaja kilang UBIYU MARA yang kena banjir, tetapi juga seluroh negara kita terpaksa menghadapi benchana alam yang luar biasa ini. Ini ada-lah satu hal yang tidak dapat kita elakkan dan di-luar dugaan manusia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mengulas sedikit apa yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu yang telah menudoh pihak MARA membazir wang menghantar pelajar² ka-sekolah menengah menuntut ilmu di-London. Beliau

juga menyatakan sa-olah² pihak MARA tidak perchaya kapada dasar pelajaran dalam negeri ini. Dan beliau juga menyatakan banyak wang telah di-belanjakan kalau di-bandingkan dengan pelajar² yang belajar di-sini. Ini barangkali satu hal yang menurut pandangan Ahli Yang Berhormat itu, tetapi pandangan dari pihak MARA sendiri adalah berdasarkan pengalaman dan berdasarkan kenyataan yang wujud dalam tanah ayer kita ini. Saya katakan begitu ada pengaduan² yang telah sampai kepada pihak Kerajaan, kapada pihak Wakil Ra'ayat dan pihak MARA sendiri yang menudoh ada sa-tengah² tempat dan sa-tengah² sekolah menengah, pelajar² Melayu di-momok²kan dan discourage supaya jangan menuntut ilmu dalam lapangan atau jurusan sains. Yang demikian, anak² Melayu yang maseh lemah dalam bentuk dan chara fikiran-nya itu terpaksa lari dan tidak hendak menuntut dalam lapangan ka-jurusan sains ini pada hal ini-lah yang di-galakkan oleh Kerajaan kita sekarang. Bukti ini juga dapat kita lihat dalam peperiksaan akhir H.S.C. tahun sudah, pelajar² Melayu yang belajar ia-itu anak² Melayu yang di-pilih, yang kelas di-hantar ka-Malay College Kuala Kangsar yang di-hantar belajar di-sekolah R.M.C. di-Sungai Besi di-dapati sa-bahagian besar tidak lulus di-dalam jurusan sains ini. Saya tidak ingat sangat angka²-nya yang tepat tetapi boleh-lah saya sebutkan lebeh daripada 30 orang; kalau tidak silap saya 33 orang anak Melayu yang belajar di-Malay College Kuala Kangsar pada tahun sudah hanya tiga orang sahaja yang tamat dalam jurusan sains ini dengan kelulusan penoh 30 orang lagi gagal. Dan ada di-antara pelajar² itu sekarang ini masuk ka-Taylor College di-sini, mereka itu menudoh walau pun tuduhan ini tidak dapat di-buktikan dengan kenyataan dan kebenaran-nya, tetapi tidak dapat pula kita menafikan bahawa tuduhan itu ada-lah berasas yang menyatakan mereka telah di-anggap atau pun mungkin kertas peperiksaan-nya atau lain² di-katakan markah-nya di-kurangkan dan sa-bagai-nya. Itu-lah saya katakan tadi saya tidak berani menyatakan ini satu perkara yang benar dan tepat, tetapi biasa-nya bagi mereka yang tidak tamat, memang-lah ada tuduhan² sa-umpama ini. Akan tetapi sa-balek-nya 33 orang anak Melayu yang belajar di-Malay College Kuala Kangsar itu ada-lah di-pilih yang boleh saya anggap bergeliga otak-nya, hanya tiga orang sahaja yang tamat, memang

luar biasa. Bagitu juga yang di-Sekolah R.M.C. itu ada-lah anak² pilehan belaka. Ini ada-lah keganjilan sadikit. Yang demikian, pehak MARA berfikir mungkin oleh kerana anak² Melayu yang belajar di-situ dalam umur 20-21 atau 19 tahun ketika dia menduduki sekolah tinggi ini dan mungkin kerana iklim dan hawa negeri ini kurang baik dan mungkin juga sebab² masharakat sa-keliling, mereka tidak tamat, yang demikian MARA terpaksa membuat satu rintisan jalan supaya menghantar pelajar² di-sekolah menengah ka-England dalam jurusan sains ini. Anak² Melayu yang di-pilih ini ada-lah anak² yang boleh kita anggap bergeliga otak-nya, anak² yang di-pilih yang di-kelas betul dan di-ketahui di-harapan 100% tamat dan berjaya dan kerana itu-lah pehak MARA terpaksa dan mesti menghantarkan anak² Melayu lagi sa-banyak²-nya ka-luar negeri dalam mendapat-kan pelajaran tinggi dalam jurusan sains ini.

Dewan ini tentu ketahuⁱ dan seluroh masharakat negara kita ini menyedari hakikat yang sa-benar bahawa ketinggalan anak² Melayu dalam lapangan sains. Kita tahu dalam jawatan kedoktoran hari ini dan jawatan kejuruteraan, tidak lebeh 10% sahaja yang di-sandang oleh orang² Melayu. Saya sendiri tidak berfikir bahawa otak Melayu sa-bagai otak bodoh, kalau di-bandingkan dengan rakan² saudara orang² China dan India. Dan lebeh² lagi kita tidak boleh meyakinkan tuduhan bahawa otak orang Melayu bodoh dalam lapangan sains ini. Tetapi kenapa anak² Melayu ketinggalan dalam lapangan ini. Dan sebab² ini-lah yang mendorong pehak MARA yang bertanggung-jawab dalam hal ini sa-bagai satu amanah ra'ayat, mesti memikul tanggung-jawab dalam tempoh beberapa tahun yang tidak jauh ka-hadapan ini supaya anak² Melayu dan bumiputra dapat bersaing bersama² dengan saudara²-nya orang² China dan India menikmati lapangan pelajaran tinggi dan dapat berkhidmat kepada negara dan bangsa-nya, sesuai dan selaras dengan tujuan Kerajaan sekarang.

MARA dan Kerajaan Perikatan tidak boleh membiarkan lagi keadaan ini berlarutan, kerana tangisan orang² Melayu semenjak berbelas² tahun dan berpuluh² tahun tidak akan reda dan tidak akan berhenti malahan sa-makin kuat, kalau keadaan ini tidak di-betulkan dalam tempoh yang sa-singkat²-nya. Yang demikian tuduhan

Ahli Yang Berhormat dari Batu mengatakan membazirkan wang ra'ayat dan negara ini dengan menghantar anak² Melayu belajar ka-sekolah² menengah ka-England ini, saya fikir bukan-lah membazir. Tetapi sa-balek-nya saya boleh mengistilahkan kepada tuduhan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu sa-olah² iri hati di-atas kemajuan dan kepesatan yang di-lancharkan oleh pehak MARA. Dan anak² Melayu yang di-hantar ini belum sa-berapa ramai, hanya 56 orang penuntut² sahaja.

Sa-bagai saya katakan tadi dan suka saya mengulangi lagi bahawa MARA akan menghantar lagi sa-banyak²-nya anak² Melayu yang lulus di-sekolah² menengah ini melanjutkan pelajaran-nya bukan sahaja di-England, tetapi juga ka-Jerman, Amerika, Jepun dan sa-bagai-nya (*Tepok*).

Dr Tan Chee Khoon: Untok penjelasan, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi peluang kepada saya. Bukan-kah MARA telah membena dan baharu² ini membuka Kolej Rendah Sains di-Seremban untok bumiputra, khas-nya untok pelajaran sains kepada bumiputra dan bukan-kah Kementerian Pelajaran akan membena sa-buah Junior College di-dalam tiap² Negeri untok bumiputra dan untok pelajaran sains kepada bumiputra. Oleh hal yang demikian, kalau ada tempat di-sini, mengapa-kah MARA akan menghantar bumiputra ka-sekolah² menengah di-United Kingdom?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, pandangan dari Ahli Yang Berhormat itu betul. Pehak MARA membena Junior College di-Seremban dan di-tempat² lain lagi, tetapi saya suka menyatakan di-sini tempat itu maseh jauh daripada menchukopi. Pehak MARA dan Kerajaan seperti yang saya katakan tadi akan menghantar sa-banyak²-nya dalam tempoh yang sengkat ini bagi pelajar² yang baik dan chergas otak-nya dan pehak MARA ta' dapat membena, dan pehak Kementerian Pelajaran ta' dapat membena kolej² ini dengan sa-chepat²-nya dalam tempoh sa-tahun dua ini bagi memenohi kehendak² pelajar² itu. Jadi, kalau menunggu 3 tahun lagi atau 4 tahun, atau 5 tahun, perkara ini sa-makin lama sa-makin mendalam dan soal-nya sekarang tidak dapat di-selesaikan dengan hanya membena bangunan² yang bagitu indah sahaja, tetapi hendak-lah kita ingat sa-lain daripada

bangunan ia-lah guru² atau pelateh² yang mahir untuk mengajar mereka ini. Jadi, untuk mendapat guru² ini kita tahu Kerajaan sekarang terpaksa mengambil guru² daripada luar negeri bagi memenuhi kehendak² ini, tetapi maseh juga ta' chukop. Oleh hal yang demikian, ada-kah kita hendak menunggu empat lima tahun atau 10 tahun lagi bagi memenuhi kehendak² anak² Melayu dan bumiputra ini? Jawab-nya tentu-lah tidak. Yang demikian, ini-lah masa dan peluang-nya dan ada pula pelajar² yang baik dan kerana itu-lah Kerajaan dan MARA mesti melakukan usaha² ini dan akan terus melakukan sa-hingga kejayaan terchapai dalam waktu yang singkat. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan meshuarat* Jawatan-kuasa)

Fasal² 1 hingga 11 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² ANGKATAN TENTERA

Bachau Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj bin Tengku Ismail): Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang² bernama "Suatu Akta untuk meminda dan menyatukan Undang² berhubong dengan penubohan, pentadbiran dan tata-tertib Angkatan Tentera" di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk menyatukan Undang² yang ada sekarang yang terkandung di-dalam lapan jenis Undang² yang berasingan untuk di-jadikan satu Kanun yang tunggal bagi seluruh

Angkatan Tentera kita. Rang Undang² ini ada-lah untuk menggantikan Ordinan² dan Enakmen² yang berikut:

- (1) The Malay Regiment Enactment (F.M.S. Cap. 42 enacted in 1933);
- (2) The Federation Regiment Ordinance, 1952 (No. 27 of 1952);
- (3) The Military Forces Ordinance, 1952 (No. 47 of 1952);
- (4) The Navy Ordinance, 1958 (No. 27 of 1958);
- (5) The Air Force Ordinance, 1958 (No. 20 of 1958);
- (6) The Territorial Army Ordinance, 1958 (No. 52 of 1958);
- (7) The Naval Volunteer Reserve Ordinance, 1958 (No. 55 of 1958);
- (8) The Air Force Volunteer Reserve Ordinance, 1958 (No. 58 of 1958).

Undang² tersebut telah di-buat dari masa ka-samasa apabila beberapa komponen² tetap dan sukarela di-dalam Angkatan Tentera Malaysia di-tuboh dan di-perbesar-kan. Dengan mengkaji sa-mula dan kepada satu Akta Parlimen, pentadbiran Angkatan Tentera boleh di-laksanakan dengan lebeh lichen.

Rang Undang² ini memperuntokkan suatu Kanun tata-tertib perkhidmatan dan per-atoran perbicharaan yang tunggal. Penye-larasan juga di-buat kepada peruntokkan² berthabit dengan Syarat² Perkhidmatan saperti pentauliahian dan pengambilan bagi pegawai² dan askar², lanjutan perkhidmatan, pemberhentian perkhidmatan dan penukaran kepada perkhidmatan simpanan.

Mengikut undang² yang ada sekarang, kuasa ada kepada pehak berkuasa tata-tertib, terutama kuasa² Pegawai Pemerintah dalam mengenakan hukum bagi sa-suatu kesalahan ada-lah sangat terhad, dan ber-dasarkan kepada pengalaman² yang lalu, kuasa² itu di-dapati tidak menchukupi. Hukuman paling berat yang boleh di-jatoh-kan oleh sa-saorang Pegawai Pemerintah ia-lah tahanan sa-lama 28 hari sahaja. Untuk memperluaskan kuasa menghukum, ada-lah di-chadangkan supaya Pegawai Pemerintah di-beri kuasa boleh menjatohkan hukuman tahanan sa-hingga 90 hari dengan perlin-dongan bahawa jangka masa tahanan yang

melebehi 28 hari itu tidak akan di-laksanakan kechuali dengan kelulusan pehak berkuasa yang lebeh tinggi. Di-bawah Rang Undang² ini Pegawai Pemerintah akan juga di-beri kuasa untuk menjatuhkan hukuman tahanan ka-atas pegawai tidak bertauliah dan menurunkan pangkat pegawai tidak bertauliah ka-pangkat yang lebeh rendah atau meluchutkan pangkat-nya sama sa-kali; terta'alok kepada perlindungan yang sama, ia-itu kelulusan pehak berkuasa yang lebeh tinggi ada-lah perlu di-perolehi sa-belum hukuman saperti itu di-kuat-kuasakan. Buat kali pertama-nya, Pegawai² yang menghadapi sa-suatu perbicharaan ringkas di-hadapan sa-saorang Pemerintah Beriged atau Gerisen boleh di-denda sa-hingga berjumlah 14 hari gaji-nya. Di-bawah Undang² yang ada sekarang, apa yang boleh di-kenakan ka-atas sa-saorang pegawai sa-bagai hukuman bagi sa-suatu kesalahan di-dalam perbicharaan ringkas, hanya chelaan keras (severe reprimand) atau mengenai pegawai dalam senarai tugas khas (saperti Kuater-master), hanya menarek balek kekananan pangkat-nya.

Peruntokan² ada di-buat di-dalam Rang Undang² ini di-mana sa-saorang pegawai tetap (ya'ani bukan-nya sa-orang pegawai di-dalam pasokan² sukarela) bila bersara atau berhenti sa-belum tamat masa tauliah-nya, di-kehendaki memasoki pasokan² simpanan tetap. Dalam masa menjadi anggota simpanan, pegawai tersebut akan menjalani latehan dari sa-masa ka-samasa dan boleh di-kerah untuk berkhidmat sapenoh-masa, jika berlaku sa-suatu keadaan dharurat. Tempoh perkhidmatan yang maksima dalam simpanan ia-lah 5 tahun jika tidak di-lepaskan sa-belum itu. Peruntokan² ini akan di-kuatkuasakan pada tarikh yang akan di-tetapkan oleh Menteri apabila sharat² perkhidmatan, termasuk pembayaran elauan kepada pegawai² itu, telah selesai dan di-putuskan.

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Mohd. Chik Johari Ondu Majakil (Labuan-Beaufort): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² Angkatan Tentera yang ada di-hadapan kita ini. Dato' Yang di-Pertua, saya

tidak-lah hendak berchakap panjang lebar berkenaan dengan Bill ini, akan tetapi untuk mempereratkan lagi hubungan perajurit² kita dengan orang² ramai dan supaya perselesihan faham di-antara perajurit² dan orang² ramai tidak akan berlaku, saya shorkan kepada Kerajaan supaya Pegawai² Tentera yang berkhidmat di-Malaysia Timor hendak menyertai sa-barang kursus sivik yang kadang² di-jalankan di-tempat² yang di-kehendaki.

Dato' Yang di-Pertua, yang kedua saya juga shorkan kepada Kerajaan supaya pengetahuan berkenaan adat-istiadat tempatan akan di-berikan kepada Pegawai² Tentera dan perajurit² sa-belum mereka itu di-hantar berkhidmat di-Malaysia Timor.

Dato' Yang di-Pertua, baharu² ini satu kejadian telah berlaku di-Kota Kinabalu yang sangat² tidak di-kehendaki. Dan jikalau kita tidak mengehendaki kejadian saperti itu berlaku lagi, saya ingat shor saya ini haruslah di-jalankan oleh Kerajaan dan dengan ada-nya shor yang saya telah buat di-sini, saya perchaya kejadian² saperti itu tidak akan berlaku.

Dato' Yang di-Pertua, akhir-nya kami berasa bahawa kami ra'ayat di-Malaysia Timor sangat-lah terhutang budi kepada Angkatan Tentera² kita kerana perkhidmatan² mereka yang chemerlang di-waktu keamanan, atau pun kekachauan di-dalam negeri Sabah. Sekian, terima kaseh.

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel (Pulau Pinang Selatan): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Angkatan Tentera. (*Dengan izin*) Sir, the defence of a country should be the joint responsibility of all races, irrespective of colour, creed or race. As it is now, in Malaysia—Dato' Yang di-Pertua, I stand here as a very loyal citizen, very sincerely—I would like to say that the burden and the responsibility is in the hands of our Malay brothers. We find in this august House, Dato' Yang di-Pertua, that there are so many of our Chinese and Indians, especially on that side of the House, who call themselves as champions of democracy. The Government must encourage the Indians and the Chinese to contribute more to the defence of Malaysia. Every soldier who dies or gets killed in ambushes, I see, unfortunately, is a Malay. I wonder why

that should be the case when there are millions of Chinese and Indians who can also contribute equally with our Malay brothers in the defence of Malaysia. This is quite important, Dato' Yang di-Pertua; I have no ulterior motive in bringing up this matter; as I have already told this House. I bring up this matter very sincerely. Malaysia must encourage the joint participation of all races for the defence of the country.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, we are still in battalion or brigade level; we have still not reached the division level. I know it takes 10,000 or 15,000 and in some cases 17,000 men to make a division. Dato' Yang di-Pertua, the strength of our Malaysian Field Force is very much stronger and larger than all our Tentera Darat put together. I urge the Government to mobilise and absorb the Malaysian Police Field Force—this is a para-military force; they call our Malaysian Police Field Force a para-military force—and to convert it into our regular military force, so that we can augment the present strength and we can raise our troops to division level.

Yang ketiga, Dato' Yang di-Pertua, this is a tension-ridden world and our very nearest neighbouring countries are concentrating on building up their Air Forces and powerful Tank Forces, and I am yet to see tanks in our Armed Forces, Dato' Yang di-Pertua—I have not seen one. We also have very few armoured personnel-carriers in our Armed Forces, as a result of which the ambushes at the Malaysian/Thai border normally prove fatal to our troops because they travel in open land-rovers. The Government must buy more armoured personnel-carriers to ferry our troops.

Yang ke-empat, Dato' Yang di-Pertua, baharu² ini saya ada membaca dalam surat khabar ia-itu Kerajaan akan mengadakan satu Naval Base di-Lumut. Dato' Yang di-Pertua, I do not know whether the Government has any intention to shift our Naval Headquarters from Woodlands (Singapore) to Malaysia. This is a very large country, Dato' Yang di-Pertua, but I do not see the logic why Malaysia must maintain our Naval Base in Singapore. Saya harap Kerajaan akan berpisah tidak lama lagi Ibu Pejabat Navy kepada Malaysia Barat.

Yang ke-lima, Dato' Yang di-Pertua, some of our troops still do not have the latest weapons, such as the M. 16 rifles and other automatic weapons, weapons like what the Singapore Armed Forces use. I urge the Government to introduce the M.16 and other new automatic weapons into our Armed Forces.

Yang ke-enam, Dato' Yang di-Pertua, the Government must increase the status, salary, privileges, conditions of service and facilities for our Armed Forces. Dengan itu, saya sokong Bil ini. Terima kasih.

Tuan Goh Hock Guan: Dato' Yang di-Pertua, saya berucap sedikit dalam perkara ini. (*Dengan izin*) Sir, we have heard so much complaints about the pay of our Armed Forces and also the pay relating to the ex-servicemen in this country that I hope that the Government will set up a Commission of Enquiry to look into the whole pay structure of our Armed Forces.

Sir, coming to Clause 16 of this Bill, I was a little bit surprised to see that "Persons may be enlisted in the regular forces: Provided that only persons being Malays shall be enlisted into the Royal Malay Regiment". Sir, I would have thought that it is essential in this multi-racial country that the non-Malays also should be permitted to make their contribution to the defence of this country because, progressively, the danger that we face in Malaysia would need the total mobilisation of every human digit that we have got in Malaysia and I think that is something which I hope the Government would seriously consider.

Then, Sir, under Clause 47, I see that the Bill has provided for punishment in the case of a mutiny in the Army, acts of cowardice, desertion and so on. Sir, the American Armed Forces have found that these offences ought to be publicised fairly widely, so that the American nation would be able to be informed of what happened and after that the Government would be able to take the necessary corrective action. I do not see any provision in this Bill that would require Government to publicise the omissions of duty or offences committed—we hope that there will be very few of these in our Army. So, some publicity ought to be given to these shortcomings, if there should be any, because it will be for the good of the country.

On Clause 17, Sir, covering recruiting officers, I see that even Magistrates may enlist men into the Army. I am a little bit curious to know what is the procedure really. Does the Magistrate just go around and say, "Look, how many chaps want to join the Army? Come to the Court and you can sign up". Then, whilst the Magistrates are permitted to enlist the people, Judges are not mentioned. Will the Judges be accorded the same privilege?

164	(1) Gantikan perkataan "Majlis Angkatan Tentera atau pegawai yang di-berkuasa oleh Majlis Angkatan Tentera" yang terdapat di-baris 7 dan 8 dengan perkataan "pehak-berkuasa yang layak itu". (2) Gantikan perkataan "kapada" yang terdapat dalam sekshen-kechil (4) dengan perkataan "mengenai" di-kechualikan perkataan "kapada" yang terdapat sa-belum perkataan "isteri-nya".

	Fasal	Pindaan
166	(1) Gantikan perkataan ² "di-bawah sekshen ² " yang terdapat di-baris 1 sekshen-kecil (1) dengan perkataan ² "di-bawah kedua ² sekshen". (2) Gantikan perkataan "198 dan 199" yang terdapat dalam hashiah dengan perkataan "164 dan 165".
168 (2)	Gantikan perkataan "kapada" yang terdapat di-baris 3 dan 4 dengan perkataan "mengenai".
171 (2)	Gantikan perkataan "aduan" yang terdapat di-baris 8 dengan perkataan "pengadu".
172 (1) (b)	Masokkan perkataan "lain" sa-lepas sahaja perkataan "dalam apa ² hal".
181 (4)	(1) Masokkan perkataan "tertentu" sa-lepas sahaja perkataan "mana ² tempoh" yang terdapat di-baris 2 perenggan (a). (2) Gantikan perkataan "yang di-tetapkan" yang terdapat dalam perenggan (a), (b) dan (c) dengan perkataan "tertentu".
183 (3)	Gantikan perkataan ² "sama ada bagi maksud pembicharaan ² sivil atau jenayah" dengan perkataan "berhubung dengan pembicharaan ² jenayah".
189 (1) (c)	Masokkan perkataan ² "menurut syarat ² pendaftaran mereka" sa-lepas sahaja perkataan "angkatan tetap yang" yang terdapat di-baris 1.
194 (d)	Masokkan perkataan ² "yang di-tetapkan oleh peratoran ² itu" sa-lepas sahaja perkataan ² "pehak-berkuasa yang layak" yang terdapat di-baris 3.
189 (2), 195 (2) dan 199 (2)	(1) Gantikan perkataan "di-gunakan" yang terdapat dalam sekshen-kecil itu dengan perkataan "di-lakukan". (2) Gantikan perkataan ² "di-kenakan ka." yang terdapat di-baris 4 sekshen 195 (2) dengan perkataan "akan di-lakukan".
193	Gantikan perkataan ² "boleh di-berhentikan kerja oleh pehak-berkuasa yang layak" dengan perkataan "yang di-berhentikan".
196	(1) Gantikan perkataan "mengandongi" yang terdapat di-baris 1 sekshen-kecil (1) dengan perkataan "terdiri daripada". (2) Gantikan perkataan "atau" yang terdapat di-atas 2 sekshen-kecil (1) dengan perkataan "dan". (3) Gantikan perkataan "atau" yang terdapat di-baris 1 sekshen-kecil (2) (a) dengan perkataan "dan". (4) Gantikan perkataan "bahagian" yang terdapat dalam sekshen itu dengan perkataan "komponen". (5) Gantikan perkataan "kapada" yang terdapat di-baris 1, 6 dan 8 sekshen-kecil (3) dengan perkataan "mengenai". (6) Gantikan perkataan "di-ertikan" yang terdapat di-baris 6 sekshen-kecil (3) dengan perkataan "di-tafsirkan".
197 (2) (a)	Gantikan angka "204" yang terdapat dalam-nya dengan angka "202".
198 (5)	Gantikan perkataan "memberikan" yang terdapat dalam-nya dengan perkataan "mengurniakan".

Fasal			Pindaan
203 (b)	Masokkan perkataan "dengan" sa-lepas sahaja perkataan "ber-setuju" di-baris 1.
204	(1) Potong perkataan "Bahagian V" yang terdapat di-baris 3 sekshen-kecil (2). (2) Gantikan perkataan "hendak-lah" yang terdapat di-baris 2 sekshen-kecil (3) dengan perkataan "boleh". (3) Potong perkataan "boleh" yang terdapat di-baris 3 sekshen-kecil (3) itu. (4) Gantikan perkataan "yang" yang terdapat di-baris 5 sa-belum perkataan "oleh" itu dalam sekshen-kecil (4) dengan perkataan "dan". (5) Potong perkataan ² "boleh mengesahkan hukuman atau perintah dan" yang terdapat di-baris 8 dan 9 sekshen-kecil (4).
205	(1) Masokkan perkataan ² "atau sa-orang yang di-berikuasa olehnya" sa-lepas sahaja perkataan ² "Ketua Turus yang berkenaan" di-baris 1 sekshen-kecil (1). (2) Gantikan perkataan "di-adakan" yang terdapat dalam sekshen-kecil ² (2), (3) dan (4) dengan perkataan "di-sidangkan".
207 (2)	(1) Gantikan perkataan ² "yang mana", yang terdapat di-baris 1 perenggan (b) dengan perkataan ² bagaimana, dan". (2) Masokkan perkataan "mereka" sa-lepas sahaja perkataan "bertauliah" yang terdapat di-baris 3 perenggan (h).
211	Masokkan perkataan "Peruntokan ² " sa-belum sahaja perkataan "Bahagian V" yang terdapat di-baris 1.
213 (1)	(1) Gantikan perkataan "kapada" yang terdapat di-baris 2, 3, 13 dan 14 dengan perkataan "mengenai". (2) Gantikan perkataan "di-ertikan" yang terdapat di-baris akhir dengan perkataan "di-tafsirkan".
214 (1)	Masokkan perkataan ² "peratoran, kaedah, perintah atau" sa-lepas sahaja perkataan ² "bagi maksud mana ² " yang terdapat di-baris 6.
216	(1) Potong perkataan "Akta ini" yang terdapat di-baris 12 sekshen-kecil (2), di-baris 6 sekshen-kecil (8), di-baris 4 sekshen-kecil (11) dan perkataan "Akta ini" yang terdapat sa-lepas perkataan "sekshen 166" di-baris 6 sekshen-kecil (11). (2) Gantikan perkataan "kapada" yang terdapat dalam sekshen-kecil (4) dengan perkataan "mengenai". (3) Gantikan perkataan "di-sifatkan" yang terdapat di-baris 2 sekshen-kecil (4) dengan perkataan "di-tafsirkan".
217 (1) (b)	Masokkan perkataan "sa-mula" sa-lepas sahaja perkataan "diambil berkhidmat" di-baris dua dari akhir perenggan itu.
Clause			Amendment
38 (1) (e)	Insert the word "not" between the words "manner whatsoever" and "authorized" appearing in line 4 thereof.
96 (4) (b)	Insert the word "against" after the words "flight cadet or" appearing in line 3 thereof.
97 (3) (b)	Delete the words "of this section" appearing in line 3 thereof.

Clause	Amendment
119 (3)	Substitute the word "or" for the word "of" appearing after the words "in the name" in line 10 thereof.
122 (2)	Substitute the word "court-martial" for the word "court" appearing in line 2 thereof.
128 (1)	Delete the word "against" appearing in line 4 thereof.
142 (1)	Substitute the words "service prison" for the words "military prison" appearing in line 4 thereof.
166	Substitute the figure "164" and "165" for the figures "198" and "199" appearing in the marginal note.
168 (1)	Substitute the word "or" for the word "of" appearing after the words "any part" in line 5 thereof.
172 (1) (b)	Insert the word "other", between the words "in any" "case".
212 (2) (g)	Delete the words "of this Act" appearing therein.
216 (2)	Substitute the figure "119" for the figure "199" appearing in line 9 thereof.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 217 sa-bagaimana yang di-pinda, di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan²; di-bachakan kali yng ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG² LEMBAGA KEMAJUAN PAHANG TENGGARA

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya Rang Undang² bernama Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, 1971 di-bachakan bagi kali kedua.

Lembaga yang di-tubuhkan oleh Akta ini akan bertanggung-jawab bagi memajukan, dengan chara terator dan lanchar, kawasan Pahang Tenggara yang mengandongi kawasan kemungkinan pertanian yang terbesar di-Malaysia Barat ini. Kawasan ini yang meliputi sa-luas 2.4 juta ekar, mengandongi lebih kurang 1.3 juta ekar tanah yang benar² sesuai untuk pertanian. Dalam bidang perhutanan, Tuan Yang di-Pertua, jumlah tanah

yang mungkin dapat di-majukan ada-lah lebih besar. Ini termasuk kawasan² hutan yang luas dan amat produktif yang akan di-bersehhkan dan di-tanam dengan tanaman² Pertanian pada masa yang akan datang. Di-samping itu, terdapat pula beberapa ratus ribu ekar hutan tetap yang produktif dan bertujuan untuk di-lindung.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan supaya kawasan ini di-majukan dengan sempurna dan terator, sa-buah perkongsian perunding² dari Kanda telah di-tugaskan oleh Kerajaan untuk menjalankan satu kajian kemungkinan dan menyediakan satu ranchangan induk yang lengkap atau pun 'Master Plan' sa-bagai panduan kepada kerja² memajukan kawasan ini pada masa hadapan dalam jangka waktu 20 tahun. Ranchangan² mendalam untuk kawasan² dan kegiatan² sektor yang tertentu akan juga di-sediakan untuk di-laksanakan pada penghujung Ranchangan Malaysia Kedua dan Ranchangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah perbelanjaan oleh Kerajaan dalam kawasan ini bagi 20 tahun yang akan datang ia-lah lebih kurang \$2,500 million. Dari jumlah ini \$750 juta ada-lah di-kehendaki bagi menjayakan ranchangan² yang telah di-masokkan dalam jangka waktu Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini. Perbelanjaan yang sunggoh banyak itu, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah di-fikirkan sangat mustahak di-belanjakan

bagi menanggungkan perbelanjaan mengadakan kemudahan infrastruktur dan pembangunan² dalam kawasan ini. Ahli² Dewan ini akan bersetuju bahawa Rancangan ini ada-lah satu²-nya rancangan raksaksa yang akan di-majukan oleh Kerajaan bagi memenohi harapan dan kemajuan ra'ayat, terutama sa-kali ra'ayat yang diam di-luar bandar. Saya juga ingin menyatakan harapan saya yang sungguh², supaya mereka itu menyambut rancangan raksaksa ini dengan sa-chara positif, Kerajaan hanya dapat dengan chara ini memberi peluang² untuk meninggalkan taraf hidup ra'ayat, ra'ayat-lah yang patut menukarkan peluang² ini menjadi mata pencharian mereka dan chara menyenangkan hidup mereka, mereka mesti-lah bangun dengan penoh tenaga mereka dan menyambutkan chabaran² yang akan timbul apakala rancangan ini di-laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan ini dapat memberi banyak peluang² kepada sa-jumlah besar keluarga² untuk mendapatkan pekerjaan dan mata pencharian lain. Kegiatan² utama dalam kawasan ini akan termasuk pembangunan perusahaan² yang berasaskan pertanian, pelanchongan, usaha² perkayuan dan melombong hasil² galian dan bangunan² perusahaan, perkhidmatan dan perusahaan peringkat ketiga. Dalam kawasan ini Kerajaan akan menjalankan Integrated Planning sa-hingga dapat menjayakan bangunan pusat² perbandaran yang akan menjadi The hut of agricultural and industrial and commercial activities, atau pun dalam bahasa Melayunya Tumpuan kegiatan pertanian, perhutannya, ternakan haiwan, perindustrian dan perniagaan.

Mengikut Rancangan induk, kawasan Pahang Tenggara ini boleh memberi peluang untuk mendirikan penghidupan baharu kepada 555,000 sa-hingga 650,000 penduduk² pada 1990 dan akan menubuhkan 38 pusat² bandaran yang lengkap dengan jalan² raya dan kemudahan² moden. Pusat Bandaran² baharu ini sa-lain daripada mengadakan pekerjaan akan membuka peluang² bagi orang² Melayu khas-nya mengambil bahagian yang aktif dalam kegiatan² perdagangan dan perusahaan. Dengan chara ini, satu lagi strategi akan di-jalankan oleh Kerajaan untuk melaksanakan "Urbanization" atau menggunakan tutor kata Perdana Menteri kita "Bandarisation", di-samping rancangan UDA yang berjalan dalam kawasan Kuala Lumpur pada masa sekarang

dan dalam kawasan bandar² lain pada masa akan datang. Dengan kata lain ini-lah chara kita menukarkan berjuta² ekar hutan belantara menjadi tempat moden yang boleh memberi ra'ayat di-luar bandar keadaan yang sama baik dengan apa yang terdapat di-dalam bandar. Saya berasa yakin, bahawa kawasan ini akan memainkan peranan yang penting dalam usaha² kita hendak menchapaikan tujuan jangka-panjang kemajuan terutama sekali tujuan² yang terchatet di-bawah dasar ekonomi baharu kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan kita mengambil peluang² yang terdapat dalam kawasan ini, kita harus mengambil langkah² yang chepat dan berkesan bagi melaksanakan chadangan² yang terdapat dalam "Master Plan" sa-baik² sahaja ia-nya sedia dan di-terima oleh kita. Sa-bagai langkah pertama ka-arrah ini sa-buah Lembaga Kemajuan yang berkuasa luas dan aktif harus di-tubuhkan untuk memberi daya-usaha dan menyelaraskan usaha² memajukan kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perlu-nya di-adakan sa-buah Lembaga telah di-kaji dengan teliti oleh kedua² Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang dan kita berpuas hati bahawa ia-nya harus di-tubuhkan dengan serta-merta.

Lembaga ini, Tuan Yang di-Pertua akan di-tubuhkan sa-bagai sa-buah "Pertubohan Perbadanan" sa-bagaimana di-peruntokan dalam Sekshen 5 (1) Rang Undang² dan akan mengandongi sa-orang Pengerusi, 2 orang Wakil Kanan Kerajaan Persekutuan dan 3 orang Wakil Kerajaan khas-nya Negeri Pahang. Pengerusi dan Ahli² Lembaga akan di-lantek oleh Perdana Menteri dan saya ingin menambahkan bahawa kesemua Ahli² Lembaga dalam menjalankan tugas² mereka sa-bagai Ahli² akan di-sifatkan sa-bagai penjawat² awam mengikut pengertian yang terkandung dalam Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana di-peruntokkan di-bawah Sekshen 9, Lembaga ini akan hanya menjalankan kegiatan²-nya dalam kawasan atau pun kawasan² di-negeri Pahang. Ini akan di-tetapkan oleh Perdana Menteri dengan persetujuan Kerajaan Negeri Pahang dan kawasan atau pun kawasan² ini akan di-gelar Kawasan Pahang Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, tugas² dan kuasa² Lembaga ada-lah di-peruntukkan di-bawah Bahagian II Rang Undang². Sa-chara ringkas, Lembaga ini akan di-tugaskan dengan tanggung-jawab melaksanakan Rancangan Kemajuan Kawasan termasuk rancangan² penggunaan tanah sejajar dengan dasar keseluruhan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Pahang. Bagi mencapai maksud ini, Lembaga tersebut akan di-beri kuasa bagi memaju, menggalak, mengusahakan dan mengawal kemajuan² tempat kediaman, pertanian, infrastruktur dan perdagangan dalam kawasan ini. Disamping itu, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini akan mempunyai kuasa bagi menilai dan meluluskan segala permohonan² tanah dan bagi menilai dan meluluskan segala perbelanjaan modal yang di-lakukan oleh badan² Kerajaan dalam kawasan tersebut. Ada-lah di-aku², Tuan Yang di-Pertua, bahawa kuasa² yang di-beri kepada Lembaga ini ada-lah luas, tetapi sa-bagaimana yang Ahli² Yang Berhormat sedia faham, ini ada-lah di-anggap perlu memandang kepada tanggung-jawab yang berat yang di-pikul oleh Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan² kewangan termasuk peruntukan berkaitan dengan kuasa memberi pinjaman, meminjam dan menanan modal ada di-peruntukan di-bawah Bahagian IV dan V Rang Undang² ini. Kumpulan wang yang akan di-tadbirkan oleh Lembaga tersebut akan mengandongi peruntukan² yang di-buat oleh Parlimen atau pun oleh Majlis Undangan Negeri. Ia-nya juga akan termasuk wang² yang di-perolehi oleh Lembaga dari masa ka-samasa daripada kumpulan wang pinjaman, wang² hasil daripada kegiatan sebarang, projek, sekim atau pun enterpris yang di-biaya² daripada kumpulan wang ini dan wang² yang di-pinjam oleh Lembaga bagi tujuan menjelaskan sebarang tanggungan²-nya atau pun menjalankan sabarang tugas²-nya.

Buat penutup, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah bahawa tindakan sejajar sedang di-ambil oleh Majlis Undangan Negeri Pahang bagi mengadakan pindaan² undang² Negeri yang berkaitan untuk membolehkan Lembaga ini menjalankan tugas-nya dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, saya meng-ambil peluang pada malam ini ia-lah bagi mengalu²kan Rang Undang² ini atau Akta ini di-bentangkan di-dalam Dewan yang mulia ini. Sa-bagaimana kita ma'alum bahawa Akta ini di-bentangkan ia-lah dengan tujuan-nya sa-bagaimana yang di-sebut oleh Yang Berhormat Menteri, bagi memajukan sa-buah kawasan yang tertentu yang di-sebut atau di-panggil Pahang Tenggara. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, sa-orang ra'ayat negeri Pahang tentu-lah lebeh mengenali keadaan tempat itu dan besar-nya kawasan ini, pada hemat saya, ia-lah 12 kali ganda daripada Pulau Singapura. Jadi di-kawasan ini ia-lah sa-buah kawasan yang sangat kaya di-dalam negara ini yang mengandongi bijeh, batu besi, kayu-kayan dan juga amang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kekayaan yang maseh terpendam dengan wujud-nya Akta ini bagi di-luluskan oleh Dewan, maka Kerajaan Persekutuan dan juga kerjasama Kerajaan Negeri akan dapat membongkar kekayaan isi negara kita ini bagi faedah dan kebaikan ra'ayat di-Malaysia ini.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam kawasan itu sudah pun di-buka pembukaan tanah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Kalau saya tidak silap sudah hampir 7 atau 8 buah kawasan yang di-buka bagi di-tempatkan ra'ayat yang tidak ada tanah di-dalam kawasan itu. Jadi dengan hasil yang saya sebutkan tadi, jikalau sa-kiranya Kerajaan dapat membuka, membongkar dengan banyak-nya, maka kekayaan atau bukan sahaja terpulang kepada ra'ayat negeri ini, tetapi kekayaan itu akan di-miliki oleh Kerajaan Malaysia kita. Jadi di-dalam masaalah ini, saya suka hendak menyebutkan sedikit, bagi Kemajuan Pembangunan di-Pahang Tenggara ini kelak akan merupakan pinjaman kewangan dalam mana sumber² sama ada sumber di-dalam negeri atau pun di-luar negeri. Kapada yang di-dalam negeri, pada Kerajaan Negeri, atau Kerajaan Persekutuan, saya harap pinjaman ini, kalau boleh jangan-lah di-kenakan satu pinjaman berbunga atau faedah yang agak tinggi yang ini kelak akan menerbitkan infrastruktur. Umpama-nya, Tuan Yang di-Pertua, jikalau

Lembaga ini di-kenakan pinjaman atau mengambil pinjaman di-kenakan faedah yang agak tinggi, maka harga kemajuan di-tempat itu akan sama tinggi-nya. Saya suka mengingatkan Kerajaan Negeri sebab ada perbadanan dan lembaga yang lain² yang di-beri pinjaman dengan tidak ada faedah. Dan ada sa-tengah Lembaga atau Perbadanan Negeri Pahang yang di-beri pinjaman mengenakan faedah. Jadi, saya harap daripada sumber² dalam negeri umpama-nya Kerajaan Persekutuan baik, Kerajaan Negeri baik, memikirkan atas faedah yang tinggi ini yang akan melibatkan kesempurnaan infrastruktur apabila mana pembukaan di-jalankan di-dalam kawasan ini.

Saya tidak hendak memanjangkan ucapan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sa-bagaimana saya katakan tadi Pahang Tenggara ini, walau pun ia-nya dudok di-dalam Jajahan Pekan, kawasan yang di-wakili oleh Perdana Menteri bukanlah berma'ana bahawa sa-nya kawasan Perdana Menteri itu di-tubuhkan, di-buka tanah ini oleh kerana ia-nya kawasan Perdana Menteri. Bagaimana kita tahu dan kita ma'alom, Tuan Yang di-Pertua, pembukaan tanah L.K.T.P. di-Negeri Pahang itu 50% daripada peserta²-nya itu ada-lah di-peruntukan sa-lain daripada ra'ayat negeri Pahang. Dalam peruntukan 50% bagi ra'ayat negeri Pahang itu pun, Tuan Yang di-Pertua, dengan ramai-nya ra'ayat dari negeri Kelantan oleh sebab keadaan kedudukan pemerintahan negeri Kelantan tidak begitu stable bagi mengator dan menjayakan keadaan tanah di-Kelantan, di-negeri Trengganu, mereka datang ka-Pahang menjadi ra'ayat Pahang; mereka ini juga, Tuan Yang di-Pertua, kami anggap ra'ayat negeri Pahang. Jikalau di-kira perhetongan peratus-nya tentu-lah ini mengambil peluang 50% pada ra'ayat negeri Pahang. Jadi, saya suka menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini memikirkan masalah ini jikalau tertuboh-nya kawasan Perdana Menteri bukan-lah berma'ana kerana hendak memberi kepada kawasan Perdana Menteri, tetapi ini hanya kebetulan kerana kawasan ini ada-lah kawasan hutan yang maju, tanahnya subur, kaya dengan hasil galian yang belum di-bongkar kerana ini sa-mata² kebetulan. Dan dengan pembukaan Pahang Tenggara ini, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh merengkaskan perjalanan daripada

utara ka-selatan. Mengikut rancangan yang telah di-atorkan bahawa sa-buah jalan raya

Dr Tan Chee Khoo: On a point of Order. Saya fikir quorum tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat ini ditanggohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 9.00 malam.

Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 9.15 malam.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Meshuarat*)

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya yang telah terganggu dan di-beri rehat, maka saya mendapat ilham yang baharu. Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya katakan tadi dengan pembukaan kawasan ini bukan sahaja mendapatkan tanah² bagi ra'ayat khas-nya bagi Negeri Pahang, tetapi mendapat pembukaan tanah kepada ra'ayat di-seluruh negara ini.

Sa-bagaimana Tuan Yang di-Pertua tahu, di-Negeri Kelantan dasar tanah di-Kelantan yang di-perintah oleh PAS sekarang ini, kalau orang luar yang bukan anak negeri Kelantan atau di-lahirkan di-Kelantan walau pun mereka berkahwin di-Kelantan berpuluh² tahun tinggal di-Kelantan, beradat resam dengan orang² Kelantan, Kerajaan Kelantan yang pada hari ini tidak menerima orang itu sa-bagai anak Kelantan, berbeza dengan apa yang dia dapat dalam masa pemerintahan Kerajaan Perikatan. Jadi, saya harap kepada Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini tidak akan memikirkan dengan pembukaan tanah di-Pahang Tenggara ini nanti khusus faedah-nya akan terpulang kepada ra'ayat Negeri Pahang sahaja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bila pembukaan tanah di-kawasan Pahang Tenggara ini nanti dapat-lah kita ketahui, ia-itu dengan terbuka-nya jalan baharu mengikut dasar ekonomi baharu dan peruntukan kewangan bagi membaiki jalan, pembukaan jalan baharu akan mempercepatkan dan memperdekatkan jalan daripada utara, ia-itu daripada Kuantan ka-Johor, ka-Negeri Sembilan,

Melaka dan dengan jalan ini ahli² perniagaan dalam negara kita akan mendapat faedah daripada pembukaan jalan ini dalam masa pembukaan kawasan tanah Pahang Tenggara ini. Tetapi apa yang saya mohon perhatian Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, dengan dasar ekonomi baharu, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, dengan pembukaan tanah Pahang Tenggara ini kelak, yang berjumlah lebeh daripada \$2,500,000 maka saya harap bumiputra akan dapat bersama merasai nekmah daripada pembukaan ini, umpama-nya pembukaan² bangunan, kita harap bumiputra mengikut sama dan kalau tidak ada bumiputra yang berkesanggupan sa-kurang²-nya Kerajaan mesti memikirkan sharikat perkongsian bumiputra dengan orang yang bukan bumiputra. Jikalau tidak, faedah daripada pembukaan ini nanti kapada sharikat bumiputra, bukan sahaja dalam tiap² pembangunan, pembinaan jalan dan lain² akan di-ambil oleh umpama-nya sharikat daripada luar negeri maka hasil kewangan negara kita ini akan berpindah ka-tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu projek, ranchangan yang besar bagini, keta'atan dan kesetiaan pegawai dan kakitangan perlu di-jaga. Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, ada Pengurus Besar dalam satu perkumpulan yang kecil, sharikat perkayuan umpama-nya, lebeh \$3,000 sa-bulan gaji-nya, rumah free dan kereta free, tetapi ada perbadanan yang lebeh besar, yang menstrakterkan kawasan itu dapat \$2,000. Ini kenyataan, Tuan Yang di-Pertua. Kita harap yang sudah menjadi pengajaran, kehadiran menjadi tauladan. Kita harap Pahang Tenggara tidak akan jadi bagini, sa-kurang²-nya gaji Pengurus Besar ini hendak-lah stable dengan kuasa dan tanggong-jawab-nya. Saya tidak hendak menyebutkan yang lain², tetapi saya fikir Kerajaan tidak akan hilang dalam masa hendak mentadbirkan masaalah ini. Jadi, kalau sa-kira-nya Pengurus Besar umpama-nya atau kakitangan yang bertanggung-jawab bagi menjayakan projek Pembangunan Pahang Tenggara ini, khas-nya lebeh kecil pendapatan-nya daripada orang yang tidak begitu besar tugas dan tanggong-jawab-nya, lebeh banyak mendapat faedah gaji, di-mana hati hendak bersunggo² akan timbul. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, orang² luar negeri, daripada ra'ayat luar negeri, bukan ra'ayat negara kita kerana menjaga mesin papan mengeluarkan papan, \$7,000 sa-bulan

gaji-nya, tetapi Manager atau Penolong Manager, Penolong Pengurus Besar hanya dapat \$3,000; mengapa perbezaan ini berlaku. Ada-kah kerana warna kulit, ada-kah kerana dasar pengalaman atau di-atas dasar apa yang di-tafsirkan?

Tuan Yang di-Pertua, Pembangunan Pahang Tenggara ia-lah satu pembangunan raksaksa, dengan membongkar kekayaan, hendak menjadikan sa-buah bandar, beberapa bandar pusat perniagaan, untok menempatkan segala ra'ayat negeri ini, kerana dasar L.K.T.P. tidak hanya memilih Melayu, malah semua bangsa masuk ka-dalam Ranchangan L.K.T.P. umpama-nya, tetapi oleh sebab² yang tertentu, perasaan traditional dia umpama-nya orang China atau orang Tionghua, dia tidak begitu suka masuk Ranchangan L.K.T.P., ia-lah kerana L.K.T.P. ini terhad, di-jagai, di-tentukan masa masuk kerja dengan keluar kerja dan tidak ada kebebasan kalau dia memiliki saperti dia memiliki sa-buah kawasan tanah yang lain. Ini-lah sebab-nya orang yang bukan Melayu tidak suka masuk dalam Ranchangan L.K.T.P., bukan dasar L.K.T.P. umpama-nya di-dalam ranchangan ini tidak membenarkan atau tidak mahu menerima orang bukan Melayu, yang kita sama² faham, lebeh² lagi daripada sahabat saya yang sa-belah kanan sana. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sa-umpama ini, saya harap kerjasama menggalakkan orang² yang bukan Melayu masuk ranchangan tanah umpama-nya di-kawasan Pahang Tenggara ini, dengan tujuan supaya mereka dapat sama² dan jangan di-putar-balekkan oleh satu pehak yang tertentu akan dasar yang kita anuti, yang kita buat ini.

Yang lain, Tuan Yang di-Pertua, yang saya suka hendak mengingatkan; negara kita sekarang ini sudah dua kali bah, terutama di-negeri Pahang, maka ranchangan memikirkan supaya kawasan ini tidak di-tenggelami ayer atau sa-kurang²-nya tidak begitu sakit penderitaan ra'ayat hendak-lah di-kaji dengan sa-wajar-nya. Umpama-nya kita mengadakan kawasan ternakan yang besar di-Pahang Tenggara ini, umpama-nya kalau berlaku bah, habis segala lembu² yang kita pelihara dan ini akan merugikan kewangan negara. Jadi, di-samping kita memajukan masaalah Pahang Tenggara ini keadaan mala petaka yang mungkin akan datang, harus kita kaji, kita harus menebusi Sungai Pahang yang bengkok² itu dan kita harus menggali

parit yang dalam, membuang segala pulau² yang ada di-Kuala Sungai, hendak-lah kita kerjakan dengan sungguh², bukan dengan fikiran, perundingan dan lain² lagi. Saya chadangkan, Tuan Yang di-Pertua, baharu² ini Kerajaan melantek satu Surohanjaya bagi masalah banjir dan mala-petaka ini, tetapi Surohanjaya ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah hanya badan yang tidak mempunyai kaki-tangan yang khusus. Apa yang saya mahu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus-lah menetapkan satu perbadanan yang penoh kaki-tangan, yang penoh segala ahli² fikir, pekerja dari sekarang ini, bukan-lah ma'ananya di-perlantekkan kepada Jabatan Tanah dan Galian, tetapi harus menjadi satu Jabatan yang sungguh² bagi mengelakkan kechelakaan alam ini.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita pergi ka-Taiwan, ampangan Taiwan itu berharga lebeh dari \$200 juta. Kerajaan Taiwan mengadakan satu Jabatan, Kementerian bagi menjaga ampangan dan taliayer ini sahaja, macham satu Kementerian. Apabila tiba musim hujan, Jabatan ini di-buka 24 jam dan tiap² 100 kaki, 100 ela, satu jagaan mesti ada. Ada kayu di-buang atau ada lain² yang boleh melekatkan atau merosakkan ampangan ini dan ini perbandingan-nya, yang saya fikir dan saya perchaya Yang Berhormat Menteri boleh menchari bandingan yang lebeh baik daripada ini.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, ini-lah harapan ra'ayat, khusus-nya negeri Pahang, kerana negeri Pahang ini negeri hutan yang penoh dengan belantara. Dengan pembukaan kawasan Pahang Tenggara ini akan saimbang-lah kedudukan Pantai Barat dan Pantai Timor di-Malaysia Barat. Dengan hasrat ini, maka negara kita ini lebeh maju, lebeh di-hargai dan lebeh di-minati oleh pelanchong² daripada luar negeri dan kekayaan yang akan dapat di-rasai bersama oleh ra'ayat. Maka saya dengan penoh harapan mendo'akan ranchangan ini berjaya dan pada akhir-nya dengan penoh hati saya menyokong. Terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap dalam perkara Rang Undang² Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ini dengan sa-berapa pendek-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-telah kita mendengar penjelasan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama baharu sekejap tadi, maka ternampak-lah kapada kita bahawa sa-sungguh-nya Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara akan menyelenggarakan kerja yang maha berat dimana pusingan kewangan-nya di-masa akan datang menengkat kapada \$2,000 juta. Mahu tidak mahu walau pun saya bukan daripada mewakili Pahang, tetapi oleh kerana perbadanan ini merupakan satu perbadanan nasional yang hanya di-tempatkan di-Pahang, kerana negeri Pahang mempunyai tanah yang luas, sa-bagaimana kata sa-orang wakil tadi ia-lah lebeh dua belas kali ganda daripada Pulau Singapura dan di-sana juga terdapat banyak barang² penting saperti bijeh, balak dan sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²kan ada-nya Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ini dengan tujuan dan dengan hasrat daripada ra'ayat negara kita agar ranchangan Kerajaan ini benar² berjaya untok meninggikan taraf hidup ra'ayat dan menambahkan pendapatan kapada hasil Kerajaan. Dan insha' Allah dengan berjaya-nya Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ini mungkin Kerajaan tidak-lah menchari² wang melalui chara² menaikkan chukai dan sa-bagai-nya jika pendapatan-nya ada-lah hasil daripada Lembaga² saperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ini merupakan satu lembaga yang maha besar yang boleh kita gelarkan lembaga raksaksa yang di-jalankan di-negara kita ini, maka saya mengharapkan supaya orang² yang menjadi pengurus, pentadbir, pengarah dan orang² yang menjalankan di-ranchangan ini ada-lah orang² berkelayakan. Saya tidak mahu bahawa dengan ada-nya Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ini ada orang² yang kurang berkelayakan di-lantek juga menjadi pemegang² peranan penting dalam lembaga tersebut, sedangkan wang yang bagitu banyak yang di-ambil daripada negeri kita yang akan boleh di-ambil daripada kutipan dari segala sudut untok hal yang tersebut nanti boleh atau tidak di-selenggarakan oleh mereka yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, hasrat saya ia-lah supaya Kerajaan benar² mengawasi Lembaga Kemajuan ini dengan melantek orang² yang benar berkelayakan, yang benar² boleh di-harap menyelenggarakan projek yang bagitu besar.

Perkara yang kedua-nya, saya ingin sebutkan ia-lah usaha² dan kegiatan yang berjalan di-ranchangan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ini hendak-lah benar² menguntongkan kaum bumiputra, menguntongkan orang² Melayu sesuai dengan hasrat Kerajaan menjadikan orang² Melayu sa-imbang dari sudut ekonomi-nya pada orang² yang bukan Melayu. Tuan Yang di-Pertua, chara yang perlu di-buat ia-lah dengan memberi segala apa yang dapat kepada orang² Melayu dan bumiputra untuk mengendalikan kegiatan² di-ranchangan itu saperti konterektar untuk memproses satu² hal hendak-lah di-beri kepada orang Melayu dan orang bumiputra. Maksud saya bukan sahaja orang² Melayu yang di-beri lesen atau pun di-beri kemudahan untuk memegang peranan² penting dalam konterektar dan sa-bagai-nya, tetapi orang Melayu yang saya maksudkan ia-lah orang² Melayu yang benar² boleh menjalankan perusahaan-nya sa-chara persendirian atau pun sa-chara berkongsi dengan beberapa badan tertentu atau pun orang² yang tertentu yang lebeh banyak faedah-nya kepada orang Melayu. Memang ada, Tuan Yang di-Pertua, sa-lama ini di-beri lesen konterektar dan sa-bagai-nya kepada orang Melayu, tetapi banyak di-antara mereka yang salah-gunakan atau pun yang hanya mengambil lesen, tetapi perusahaan ini di-beri kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini saya rasa boleh di-awasi oleh pehak Kerajaan atau pun pehak Lembaga ini dengan mengechap betul² atau pun mengamati betul² orang² yang mahu menjalankan perusahaan itu. Kadang², Tuan Yang di-Pertua, orang² yang telah bersara dari satu jawatan yang tidak pernah pun mencheborkan diri dalam lagangan perniagaan di-beri lesen untuk hal yang tersebut yang kalau mereka menjalankan perusahaan itu akan menjadi rugi dan bangkerap. Jadi pada mereka saperti ini tidak ada jalan lain, melainkan hanya memberi lesen itu kepada orang yang tertentu untuk menjalankan usaha²-nya dan mereka hanya mendapat commission \$5.00 satu tan kalau balak atau pun kepada konterektar beberapa potongan tertentu bagi pendapatan² yang tertentu yang di-perolehi pada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya ingin menyebut pula tentang chara pemberian orang² Melayu itu ia-lah yang dimaksudkan bukan-lah orang Melayu yang tertentu. Mithal-nya orang² Melayu yang bergelar Dato', orang² Melayu yang bergelar

Tengku, orang² Melayu yang bergelar Che' Wan, atau pun orang² Melayu yang ada "bintang"; jangan di-buat bagitu, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya maksudkan ia-lah orang Melayu yang benar² ada experience dalam satu² pekerjaan itu dan pula jangan pileh ra'ayat dari Pahang-kah, dari Trengganu-kah atau pun dari Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini, saya sebutkan kerana ada kejadian² yang telah berlaku di-masa lalu. Kalau untuk mendapat konterektar di-satu² ranchangan hendak-lah anak tempatan yang tertentu, anak Pahang; kalau keadaan sekarang anak Pahang dan sa-bagai-nya. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya fikir tentu-lah orang di-Pahang menghendaki keadaan bagitu, tetapi saya rasa orang Pahang pun boleh bertolak ansor dalam hal ini, dengan sebab ranchangan saperti ada-lah ranchangan raksaksa yang melibatkan seluroh negara kita dan semua orang ra'ayat dalam negeri ini menumpukan mata pencharian untuk ranchangan yang raksaksa di-tempat yang tersebut untuk menchari sara hidup mereka. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi-kah Yang Berhormat, masa ada-lah sengkat!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sadikit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sa-tengah minit lagi!

Tuan Yang di-Pertua, jangan-lah kita bandingkan sa-bagaimana yang ada di-nyatakan oleh sahabat² kita mengatakan bandingan dengan Kerajaan PAS Kelantan tidak memberi tahu kepada orang² yang lain daripada Kelantan—ini tidak boleh bandingkan. Sebab apa yang di-buat di-Kelantan itu bukan di-buat oleh Kerajaan PAS tetapi di-buat oleh turun-temurun di-negeri Kelantan dan saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sendiri tahu hal ini dan keadaan turun-temurun, tradisi, kepada negeri Kelantan itu tidak boleh menjadi contoh kepada orang lain sebab sekarang ada-lah masalah nasional atau pun masalah di-keadaan negara kita yang sudah bagini besar dalam ranchangan²-nya.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Penjelasan di-atas ucapan tadi?

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Boleh-kah, tidak-kah sa-buah Kerajaan boleh menukar

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini tanya baharu tidak boleh. Dalam perbantuan chuma dua perkara sahaja, sama ada hendak menarek pandangan pada Standing Order atau hendak menerangkan ucapan yang Ahli Yang Berhormat itu buat tadi.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Hendak menerangkan, Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benar-nya negeri Pahang sangat sukacita menerima segala orang, bukan sahaja orang Melayu bahkan orang bukan Melayu pun di-terima dan pada masa yang lepas pun sa-bahagian besar ra'ayat negeri Trengganu bekerja di-Bukit Iban kerana tidak ada tempat di-Trengganu, Pahang sedia menerima dan pada masa yang akan datang dasar di-negeri Pahang pun sedia menerima.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Itulah, Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan yang di-beri itu saya berasa gembira dengan sebab ra'ayat di-kawasan saya pun banyak di-negeri Trengganu banyak berhijrah ka-negeri Pahang untuk mencari pekerjaan. Jadi pada harapan saya ia-lah bukan sahaja sa-bagai pekerjaan buroh yang di-beri, kapada kontrekter pun perlu di-beri kalau dia ada kelayakan. Demikian juga tanah pun boleh di-beri kalau dia itu ada kelayakan, kalau tidak ada kelayakan tidak payah hendak kata-lah, Tuan Yang di-Pertua. Itu-lah harapan saya dan harapan ra'ayat lain-nya kapada ranchangan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun saya ada-lah mengalu'kan penubuhan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ini dan saya sendiri ada 5 tahun pengalaman di-dalam beberapa tempat di-negeri Pahang. Saya ada beberapa chadangan yang ringkas yang hendak saya kemukakan di-sini.

Yang pertama, mengikut chadangan Ahli Yang Berhormat dari Dungun, di-dalam satu ranchangan pembangunan seperti di-Pahang Tenggara, kita mesti ada pegawai² yang ada berkelayakan teknikal dan juga managerial

know-how dan ranchangan ini bukan untuk di-gunakan oleh pehak Kerajaan atau pehak berkuasa menjadi satu peluang untuk melenakan ahli² atau rakan² parti politik sama ada parti UMNO, M.C.A. atau M.I.C. Kerana ini ia-lah satu ranchangan pembangunan yang memakan belanja dengan begitu banyak hingga berjuta² ringgit, bukan negeri Pahang sahaja tetapi daripada negara kita dan dengan sebab itu kita berharap bahawa di-dalam ranchangan pembangunan ini jawatan² yang mustahak ia-itu pengurus² tidak akan menjadi political appointments sahaja.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Pahang ia-lah negeri yang terbesar di-Malaysia Barat yang tanah-nya ada-lah banyak di-sana dan sesuai-lah di-beri tanah kapada penduduk² bukan sahaja di-Pahang tetapi juga daripada Negeri² lain, kerana ini ia-lah satu ranchangan bukan perengkat Negeri, tetapi ranchangan perengkat kebangsaan. Di-dalam proses pembangunan kawasan ini, atau projek ini, kita berharap bahawa bantuan pembangunan atau pinjaman loan untuk penduduk², orang yang mengambil bahagian (peserta²) faedah itu atau bunga akan menjadi rendah. F.L.D.A. sekarang, kita tahu mengenakan faedah bagi membayar balek pinjaman dengan kadar bunga sampai 6½%—ini ada-lah sangat tinggi.

Yang ketiga, kita berharap juga bahawa di-dalam proses pembangunan di-kawasan ini, orang² yang akan mendapat faedah bukan sahaja kontrekter² dan kita tahu ia-itu kontrekter² ini ada-lah perlu juga. Tetapi kalau usaha² kita di-dalam satu² projek macham pembangunan ini ada-lah bergantung ka-atas kontrekter² private sahaja dan kita tahu kontrekter² sekarang dari mana, dari pehak apa, dari penyokong² siapa. Saya menhadangkan bahawa di-dalam projek pembangunan Pahang Tenggara ini supaya di-adakan untuk membena atau melancharkan satu works brigade atau pasokan² kerja daripada peserta² di-sana yang mengambil bahagian di-sana. Itu-lah mengikut semangat self-reliance.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam proses pembangunan di-kawasan ini, juga social and economic amenities, kita harap perbedzaan di-antara peserta² (settlers) dengan pengurus² tidak akan jauh sangat bedza-nya. Pada bulan Oktober tahun yang lalu, saya ada melawat Jengka Triangle dan ada menengok rumah² dan amenities lain untuk pengurus

tersebut dan saya dapati ada-lah sangat baik, sangat moden, tetapi untuk peserta² (settlers) taraf-nya ada-lah sangat rendah lagi.

Akhir-nya chadangan saya ia-lah Tuan Yang di-Pertua, di-dalam proses urbanisation atau modernization yang akan dilancarkan di-dalam satu rancangan pembayaran sa-macam ini, kita berharap bahawa pehak berkuasa tidak akan ada banyak bangunan² yang besar dan menjadi prestige project sahaja. Apa yang perlu ia-lah projek² yang boleh memberi faedah social economic yang konkrit kepada peserta² dan bukan ada white elephant, atau prestige project, sa-bagai bangunan² besar sahaja. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas ucapan² alau mengenai rancangan ini dan saya juga akan mengambil perhatian atas segala chadangan² di-kemuka. Saya hendak menjawab dua tiga perkara yang saya fikir perlu di-jawab pada masa ini. Oleh sebab rancangan ini akan di-buatkan jadi tidak payah kita membinchangkan pada takat ini apa yang hendak di-buat kerana rancangan ini pun sedang di-kaji lebeh dalam lagi oleh sa-kumpulan perunding² yang akan mengkaji beberapa aspek daripada regional plan ini.

Saya daripada mula² ingin memberi satu jaminan bahawa kerana kita sedar betapa besar-nya tanggung-jawab kita untuk melancarkan rancangan besar kita seperti ini, maka pegawai² yang akan di-serahkan dengan tanggung-jawab untuk menguruskan projek ini tentu-lah orang² yang akan mempunyai kebolehan yang cukup tinggi. Untuk mendapat orang yang mempunyai kebolehan tinggi ini, terpaksa soal gaji mesti-lah difikirkan dengan baik dan Undang² ini telah memberi kuasa kepada Menteri dan Lembaga untuk memikirkan tangga-gaji² yang patut di-beri, memandangkan kepada supply atau pun banyak-nya orang yang berkebolehan yang boleh kita dapati dan juga memandangkan kepada bidang tugas dan tanggung-jawab pegawai² ini akan menjalankan dalam memegang jawatan itu kerana emphasis kita ia-lah kepada efficiency dan kepada kesempurnaan-nya perjalanan projek ini, maka kita akan memandang satu² projek-nya dengan cukup dalam. Dalam banyak kes²-nya, kita akan beruntung mendapat nasehat² daripada perunding². Pada

masa yang lepas mengenai kawasan ini kita telah juga membiarkan orang² membuka kawasan perhutanan-nya. Emphasis kita pada masa itu ia-lah:

- (1) membawa orang² yang boleh menjalankan kerja ini dengan cukup lalin dalam penyertaan projek² seperti membalak dan membuat sawmill; dan
- (2) memberi peluang kepada sharikat bumiputra yang betul² layak dapat menjalankan tugas-nya dalam penyertaan joint venture.

Tauladan dalam kawasan Bukit Ibam dan kawasan Mentega ini telah nampak sangat terang. Dalam kawasan Mentega kita terpaksa membawakan sa-buah sharikat dari luar negeri untuk sama² menyertai usaha kita memasarkan kayu² yang telah di-proses dan mendirikan kilang² yang berasas kepada pengeluaran perhutanan itu. Ini bukan berti kita akan memberi dengan senang sahaja peluang² dalam negeri ini kepada orang² luar, sa-benar-nya kita hanya akan membawa pehak² daripada luar negeri kerana kebolehan dalam segi management dan teknologi mereka itu dan juga daripada segi kebolehan mereka menolong kita dalam soal pemasaran di-luar negeri.

Walau bagaimana pun penyertaan sharikat² daripada luar negeri tidak-lah akan begitu besar. Selalu-nya pehak di-dalam negeri akan di-beri majority participation atau pun majority equity investment.

Mengenai soal pinjaman wang, ini agaknya tidak dapat saya hendak jawabkan sa-takat ini, kerana soal itu ada-lah sangat kompleks, dan satu² perkara hendak-lah di-timbang atas beberapa sebab. Tetapi ingin saya menyatakan di-sini: menurut kelaziman kita sekarang ini, kalau-lah kita membuat satu² projek yang berkaitan dengan infrastruktur, memang-lah Kerajaan yang akan membiayai projek² ini. Jikalau-lah, mital-nya, projek ini ada-lah projek yang memberi keuntungan seperti commercial and industrial projek tentu-lah Kerajaan, kalau menolong mendapat pinjaman, mengenakan faedah² mengikut rupa kadar di-pasaran duit dunia.

Mengenai wang² pinjaman kepada Land Settlement pun, kita terikat kepada kadar² wang daripada mana sumber kita dapat meminjam, dan perkara ini tentu-lah akan di-timbang oleh Kerajaan sa-dalam²-nya sa-belum Kerajaan akan meletakkan apa²

kadar faedah untuk satu² projek. Tidak-lah satu fixed rule dalam soal ini. Faktor²-nya mesti-lah kita timbang satu persatu.

Mengenai tujuan Kerajaan hendak memberi peluang sa-banyak²-nya kepada orang² Melayu khas-nya, saya telah pun sebutkan dalam ucapan saya sa-masa saya mengemukakan Rang Undang² ini tadi. Pada masa yang lepas telah terbukti bahawa sa-buah sharikat balak yang sangat berjaya di-Pantai Timor telah pun di-bawa dalam pembukaan sa-buah kawasan hutan di-Mentega. Kita memang berharap bahawa orang² Melayu akan dapat merebut peluang² lain yang akan timbul dan saya seperti saya katakan didalam ucapan saya tadi. Ini terserah-lah kepada sa-saorang itu untuk berusaha sedaya-upaya-nya. Peluang ada-lah selalu terbuka.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 33—

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan bahawa pindaan seperti yang telah di-edarkan di-Dewan ini di-persetujukan. Pindaannya ada-lah seperti berikut:—

Fasal 28: Masokkan antara perkataan “melaksanakan” dan “apa² projek” yang terdapat di-baris 4 dalam sekshen-kechil (1) perkataan² “dan untuk menjaga, menjalan dan menguruskan”.

Clause 28: Insert between the words “melaksanakan” and “apa² projek” appearing in line 4 of subsection (1) the words “dan untuk menjaga, menjalan dan menguruskan”.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 1 hingga 33 sa-bagaimana yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat sakalian, kita maseh ada lagi 5 Rang Undang², jikalau kita berharap hendak selesaikan atas 5 Rang Undang² ini dalam masa sa-tengah jam ini, berma'ana-lah kita kena sekat masa berchakap dengan sa-berapa rengkas yang boleh supaya apabila ada masa lapang esok boleh-lah di-binchangkan beberapa perkara yang mustahak sa-kira-nya ada.

RANG UNDANG² LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Dato' Yang di-Pertua, saya memohon izin supaya Rang Undang² yang bertajok “Suatu Akta bagi memperbadankan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara dan bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan perkara² yang bersangkutan dengan-nya” di-bacha bagi kali yang kedua.

Dato' Yang di-Pertua, Lembaga yang dituboh oleh Akta ini, akan bertanggung-jawab ka-atas pembangunan yang sistematik dan segera bagi kawasan Johor Tenggara, satu kawasan yang mempunyai kemungkinan² bagi membangunkan pertanian sa-luas kira 750,000 ekar atau pun 16% daripada Negeri Johor.

Untuk menentukan supaya faedah² ekonomi dan sosial yang meksima akan diperolehi daripada pembangunan kawasan sa-chara terator dan menasabah dari segi ekonomi, sa-kumpulan Perunding² British telah di-tugaskan oleh Kerajaan untuk menjalankan satu kajian kemungkinan dan untuk menyediakan satu Rancangan Indok sa-bagai panduan pembangunan yang akan datang bagi kawasan itu dalam jangka masa pendek, jangkamasa sederhana dan jangkamasa panjang. Kajian ini telah tamat dalam bulan Ogos, 1971 dan di-dalam Rancangan Indok yang telah di-kemukakan kepada

Kerajaan. Perunding² telah menentukan projek² tertentu sa-bagai chadangan² pelaburan yang sesuai di-jalankan oleh Kerajaan dan juga sektor swasta samaada ber-sendirian atau pun atas dasar perkongsian. Ini termasuk penubohan satu kompleks perhutanan untuk mendapatkan hasil daripada kawasan hutan yang amat bernilai sa-luas 92,000 ekar, satu ranchangan perternakan lembu yang memerlukan 2,700 ekar dalam peringkat pertama dan jumlah perbelanjaan pembangunan sa-banyak \$5.7 juta dalam tempoh 1972 hingga 1976 dan ranchangan untuk memajukan kemudahan² pelanchongan dengan harga berjumlah \$15 juta.

Dato' Yang di-Pertua, Laporan Ranchangan Indok ini menunjukkan bahawa tanah yang sesuai untuk pertanian di-Johor Tenggara berjumlah 250,000 ekar yang mana, apabila di-usahakan sa-penoh²-nya untuk kelapa sawit, getah dan pelbagai kegiatan² pertanian yang baharu, boleh menanggung sa-banyak 14,000 keluarga yang mempunyai pendapatan keluarga sa-chara purata berjumlah di-antara \$2,400 sa-hingga \$3,000 sa-tahun. Keluarga² ini akan mempunyai peluang² pekerjaan yang luas terbuka untuk mereka, akibat daripada pembangunan perusahaan yang berasaskan pertanian, pembangunan perlanchongan, pengusahaan kayu-kayan dan bahan² galian, serta pembangunan perusahaan perkhidmatan. Kawasan ini juga akan mempunyai pusat² bandaran-nya sendiri, yang lengkap dengan kemudahan² moden. Saya yakin, Dato' Yang di-Pertua, bahawa kawasan ini akan memainkan peranan yang besar dan penting dalam perlaksanaan matlamat² pembangunan jangka panjang.

Dato' Yang di-Pertua, ta' payah-lah saya mengulaskan dengan panjang lebar-nya mengenai Rang Undang² ini. Sa-benar-nya Rang Undang² ini ada-lah sa-rupa dengan Rang Undang² yang baharu kita luluskan tadi.

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya berchakap dengan ringkas sambil menyokong Rang Undang² Lembaga Kemajuan Johor Tenggara ini

Tuan Ng Hoe Hun: Dato' Yang di-Pertua, saya minta berchakap sedikit dalam bahasa Inggeris mengenai Peratoran Majlis Me-shuarat No. 13.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara itu sedang berchakap.

Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli yang itu telah berchakap.

Tuan Ng Hoe Hun: (*Dengan izin*) On a point of order, Sir,—S.O. 13. I do not want to embarrass the Government at this juncture, Sir, but I wish to point out that what we are debating now after the Member for Batu has drawn the attention of the Chair to the fact that a quorum is not present, will be null and void as we have contravened Standing Order 13. I quote Standing Order 13 (3) "When the summons to members has been made in the House Tuan Yang di-Pertua, shall, after the expiration of two minutes, count the House. If a quorum is not then present, he shall adjourn the House without question put until the next sitting day". Sir, if we do pass this Bill, Sir

Tuan Yang di-Pertua: Quorum ada sekarang.

Tuan Ng Hoe Hun: Earlier, Sir, I just wish to point out to the House that we have contravened Standing Order 13 and that whatever is passed in this House will be null and void.

Tuan Yang di-Pertua: With regard to the earlier point, it is not null and void because I said "Suspended".

Tuan Ng Hoe Hun: But the Standing Order says

Tuan Yang di-Pertua: Never mind the Standing Order. It has been the practice of this House for the last 5 or 6 years—before the Honourable Member came here.

Tuan Ng Hoe Hun: As you wish, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: Please sit down!

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, dengan di-bawakan Rang Undang² Johor Tenggara ini ka-dalam Dewan ini ada-lah satu kenyataan bahawa projek ini menjadi satu impian kepada ra'ayat, khas-nya dalam Negeri Johor dengan ada-nya Rang Undang² ini menjadi satu kenyataan. Kenyataan ini, Dato' Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat Menteri Dengan Tugas² Khas ini, ini menjadikan satu harapan, khas-nya ra'ayat Negeri Johor bagi mendapat nekmata dalam ranchangan ini.

Dato' Yang di-Pertua, dalam Negeri Johor ini negeri yang termashor ramai penganggor dan saya harap ranchangan ini di-laksanakan kelak akan dapat di-nekmatai oleh penganggor² ini termasuk juga belia². Dalam usaha menjadikan bandar di-kawasan ini pada masa jangka panjang dan jangka pendek pada masa akan datang penduduk di-tempat ini akan berada sa-ramai 800,000 orang dan kompleks bangunan, saya harap hendak-lah berupa keperibadian Malaysia, jangan sekarang kita selalu menuduh bahawa bandar² yang ada sekarang tidak berwatak Malaysia, tetapi ini satu chabaran di-Pahang Tenggara, di-Johor Tenggara bangunan² yang hendak di-dirikan dalam kawasan ini di-ujudkan dalam Kerajaan Malaysia kita mahu berwatak Malaysia bangunan ini dan juga, Dato' Yang di-Pertua, segala projek² yang hendak di-adakan di-kawasan ini projek perindasterian, projek pertanian dan projek ternakan, saya mengharapkan projek ini di-jalankan dengan dasar ekonomi baharu yang di-ishtiharkan oleh Kerajaan, ia-itu mengsaimbang orang yang berada dengan orang yang tidak berada.

Satu perkara lagi, Dato' Yang di-Pertua, dalam masaalah mengambil pegawai² dalam projek ini, saya berlainan, ta'sama dengan rakan² sa-jawat, saya mengharapkan kepada Kerajaan supaya pegawai² daripada ahli parti yang menyokong Kerajaan yang mempunyai kelayakan. Dato' Yang di-Pertua, saya chontohkan Lembaga Kemajuan persekutuan dahulu sa-waktu kita mengambil orang yang tidak bersimpati dengan parti, bermacam² kechah, macham² huru-hara, tetapi dengan kita mengambil Pengerusi-nya daripada ahli parti, orang yang bijak akal-nya. Ini saya harap, dalam dua Lembaga ini sama ada Lembaga Negeri Pahang dan juga di-Negeri Johor.

Satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan, Dato' Yang di-Pertua, ia-itu berhubung dengan kita akan mengadakan kilang² dalam tempat ini dan kawasan ini kawasan pertanian. Tanah ini sesuai ditanam dengan lada hitam dan usaha ini patut di-galakkan. Kita mahu mashhor, negeri Johor dahulu, Dato' Yang di-Pertua, mashhor-nya ia-lah kerana lada hitam dan gambir, sampai sekarang bekas² ini ada lagi dalam simpanan Kerajaan Negeri. Jadi, saya berharap usaha menanam lada hitam itu digalakkan dalam kawasan itu, termasuk juga ubi kayu, tetapi jangan sampai mana ubi kayu ini kita mengambil kilang daripada luar negeri, Dato' Yang di-Pertua. Kilang itu disalahgunakan oleh Manager daripada luar negeri. Kita minta kilang ubi kayu. Jangan jadi macham kilang ubi kayu di-Pahang. Kita minta kilang ubi kayu, di-Pahang kilang itu bukan kilang ubi kayu, Dato' Yang di-Pertua, kilang ubi kentang. Bila hendak di-proseskan ubi kayu kilang itu tidak boleh berjalan dengan pantas. Bila chakap ubi kita beli kilang ubi kentang, bila hendak proses ubi kayu, kalau boleh ubi kayu ini di-proses 10 tan umpama-nya satu hari, tetapi dengan sebab kilang ini kilang ubi kentang hanya lima tan sahaja, Dato' Yang di-Pertua.

Jadi kejadian² ini saya harap di-ambil perhatian. Jangan sampai kita ini, saya ta' tahu hendak katakan, Dato' Yang di-Pertua, dalam masaalah pembangunan ini banyak kita di-kechewakan, bukan di-kechewakan oleh orang dari luar negeri, orang² negeri pun mengechewakan kita. Jadi, masaalah² yang besar macham ini takut jangan mendatangkan kerugian kepada kita.

Jadi, akhir-nya walau pun kawasan ini kawasan Johor Tenggara, tetapi banyak kawasan ini melibati kawasan Timbalan Perdana Menteri kita. Jadi, kebetulan tadi kawasan Perdana Menteri kita sekarang Johor Tenggara kawasan Timbalan Perdana Menteri. Jadi, ini chara kebetulan, Dato' Yang di-Pertua. Jadi, kita mahu, ra'ayat mahu menengok, ini satu chabaran, kalau tidak boleh di-ujudkan tempat ini, pembangunan ini, ini satu chabaran kepada Kerajaan kita dan ra'ayat sekarang hendak tengok ini-lah asas Ranchangan Malaysia Yang Kedua, yang di-katakan dasar ekonomi baharu, dan saya berharap segala perkara² yang di-buat ini berdasarkan atas apa yang di-umumkan oleh saya. Sekian, terima kasih.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap sedikit sahaja tentang Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it really amazes me, and I am indeed very distressed, to hear a responsible person like the Honourable Member for Muar Utara say that for these two projects, i.e. Johor Tenggara projects, and the Pahang Tenggara projects, the Government should pick party members. If the Minister who is responsible for these two projects were to pay attention to and take the advice of the Honourable Member for Muar Utara, then it would mean jobs for the "boys"; it would mean, Mr Speaker, Sir, that you will then have condemned these two projects to failure even before they have started. If the Government in its wisdom has picked on the Honourable Member for Segamat Utara as the Chairman of the L.K.T.P. or the Honourable Member for Muar Dalam as the Chairman of the Rice and Padi Marketing Board, I would hope that these people have been chosen on their personal merits, that they are, in the opinion of the Government, best suited for these jobs, and not because they are "big wigs" in the UMNO. Once you begin to think in those terms, then I say that you are paving the way and making it certain that the Johor Tenggara and the Pahang Tenggara projects will not get off the launching pad.

Tuan Yang di-Pertua: Every Honourable Member is entitled to his own opinion, including you.

Dr Tan Chee Khoon: Ya, Mr Speaker, Sir, I am giving my opinion so that the Honourable Minister who is responsible can pay serious attention to what I say and not listen to the advice of back-benchers who may be in the queue for jobs in connection with the Johor Tenggara or the Pahang Tenggara projects. Mr Speaker, Sir, the other thing that I wish to bring to the attention of the Honourable Minister is this. In the Johore Tenggara project millions of dollars have been spent on consultations and feasibility studies and most of the people who have been involved in these studies have been foreigners. Perhaps there is a reason for this, because most of the aids for these feasibility studies

come from, I believe, Canada. But I would hope that the Government in making future feasibility studies will not depend so much on pakar² from abroad, but should make use of local talents, particularly those in the Universities. I wish to make it known that we have in this country, not a very large number I think, but adequate numbers of specialists in the various fields of human endeavour who can contribute usefully to making these two projects a wonderful success, if the Government wants it to be, and who if asked and called upon to serve will deem it an honour to serve the Government in such capacities. Thank you, Sir.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kaseh atas

Tuan Yang di-Pertua: The debate is not yet closed, but I think a motion has to be moved.

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

(Usul)

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun Peratoran Meshuarat 12 dan Usul yang telah di-chadangkan, dan di-luluskan pada permulaan Persidangan hari ini, saya men-chadangkan:

Bahawa Dewan ini tidak akan ditanggohkan hari ini hingga semua Rang Undang² dalam Peratoran Urusan Meshuarat hari ini telah selesai di-pertimbangkan.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini tidak akan ditanggohkan hari ini hingga semua Rang Undang² dalam Peratoran Urusan Meshuarat hari ini telah selesai di-pertimbangkan.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil bahagian ringkas di-atas bahathan mengenai Rang Undang² Lembaga Kemajuan Johor Tenggara ini.

Tadi, dalam bahathan mengenai Rang Undang² Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, saya lupa ada satu chadangan lagi bahawa saya ingat di-dalam ranchangan pembangunan yang besar seperti ini, seperti Johor Tenggara dan juga Pahang Tenggara dan juga seperti Jengka Triangle, Lembaga ini boleh jadi sa-bagai sa-orang middleman juga. Lembaga ini boleh jadi sa-bagai middleman juga, yang boleh di-gunakan untuk mengexploitasi peserta² di-dalam ranchangan ini. Walau bagaimana pun, saya bersetuju bahawa di-masa permulaan, perlu ada satu lembaga dari pihak yang berkuasa, yang boleh memberi bantuan kepada peserta² mereka. Sebab itu saya menchadangkan bahawa sa-lepas lima tahun atau sa-puluh tahun ada peserta² di-dalam ranchangan seperti ini boleh mengetahui satu sistem—Co-operative system of marketing and of farming and whatever they are involved in, forestry and other areas of activity of development macham system Moshar di-bidang farming seperti yang di-jalankan di-negeri Israel. Walau bagaimana pun Kerajaan kita tidak ada perhubungan diplomatik dengan negara itu, saya ingat di-dalam system Moshar co-operative farming peserta² atau penduduk² di-dalam ranchangan itu boleh dapat semangat frontiers spirit and the spirit of self-reliance which I talked about a moment ago. Perhaps, we should experiment with this co-operative system, what is called the Moshar system.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak mengalu²kan Rang Undang² ini dan juga hendak mengalu²kan kenyataan daripada Ahli Yang Berhormat dari Lipis bahawa pihak berkuasa patut-nya ada ranchangan, ada kempen menggalakkan orang² yang bukan bumiputra mengambil bahagian yang lebeh chergas dalam ranchangan² sa-macham ini. Terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menguchapkan ribuan terima kaseh atas ucapan alu²an

yang telah di-berikan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi. Saya hanya ada dua jawapan kepada sa-takat ini:

- (i) mengenai soal penggunaan perunding² yang boleh kita dapati dalam negeri ini. Saya setuju sangat dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Batu itu. Saya harap kita pada masa akan datang akan dapat menggunakan lebeh banyak lagi perunding² daripada dalam negeri kita sendiri, walau pun chara kita mengembangkan kegunaan mereka itu ada-lah chara beransor² mengikut rupa, pengalaman dan kebolehan yang terdapat daripada masa ka-masa. Dari projek ini sa-benar-nya wang British aid telah di-gunakan sa-banyak \$2 juta dan itu-lah satu daripada sebab²-nya kita menggunakan British consultant, sebab yang lain ia-lah kerana consultant ini telah mendapat dan telah mempunyai kebolehan yang sangat chukup.
- (ii) mengenai chadangan Yang Berhormat dari Kampar atas perlu kita menchuba sistem co-operative yang telah di-jalankan oleh negeri lain. Saya rasa mengenai soal perkembangan pertanian kita pun ada konsep sendiri yang lebeh integrated daripada konsep yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya tidak dapat menjelaskan konsep "area development" yang telah di-setujukan oleh Kerajaan ini di-sini. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kampar mendapat ma'alumat yang lebeh panjang daripada Pejabat Pertanian.

Saya di-sini ingin menerangkan tentang kebimbangan yang Kerajaan akan mengambil orang parti sahaja di-dalam ranchangan tersebut. Ini tidak usah-lah di-timbulkan, kerana Kerajaan tidak akan bersifat demikian. Itu-lah sebab saya tidak mahu menjawab tegoran Ahli Yang Berhormat dari Kampar daripada mula² tadi, kerana saya fikir tegoran² demikian hanya permainan politik sahaja. Kalau kita menjalankan ranchangan, kita menjalankan bukan sa-bagai UMNO, sa-bagai M.C.A. atau M.I.C., tetapi kita menjalankan sa-bagai Kerajaan dalam negeri ini dan bertanggung-jawab untuk mengatasi soal² yang di-hadapi oleh ra'ayat kita sendiri. Jadi di-bawah ranchangan ini 63,000 peluang bekerja akan dapat kita timbulkan dalam masa 20 tahun ini, saya rasa tidak-lah adil bagi kita resevkan semua peluang bekerja ini

kapada orang² parti sahaja. Sunggoh pun saya sendiri mengakuⁱ bahawa kita memang menolong orang parti, tetapi pertolongan kita tidak-lah boleh exclusive, kerana peranan kita memerintah negeri ini ia-lah sa-bagai perentah sahaja.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 33 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PENCHEN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang² Akta Penchen (Pindaan), 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini ada-lah bertujuan membuat pindaan kapada Ordinan Penchen, 1951 supaya mengadakan peruntokan yang membolehkan Kerajaan menyarakan sa-orang Pegawai Awam di-atas kepentingan Negara. Persaraan sa-orang Pegawai Awam di-atas kepentingan Negara di-perlukan untuk menchapai dasar Kerajaan jika pegawai ini di-kehendaki berkhidmat dalam bidang politik atau pun swasta dimana perkhidmatan-nya di-anggap penting kapada kemajuan negara keselurohan-nya.

Di-dalam keadaan demikian pegawai berkenaan hendak-lah di-sarakan di-atas kepentingan Negara dengan di-kurniakan faedah² persaraan mengikut kelayakan berasaskan perkhidmatan-nya. Oleh itu Sekshen 8 (2) dan Sekshen 10 di-dalam Ordinan Penchen, 1951 hendak-lah di-pindakan dengan memasokkan persaraan di-atas kepentingan Negara.

Sekshen 8 telah menetapkan keadaan² di-mana faedah persaraan dapat di-kurniakan dan Sekshen 10 memberi kuasa kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untok menyarakan dari perkhidmatan Kerajaan sa-orang Pegawai Persekutuan. Pada masa ini peruntokan² bagi membolehkan Kerajaan menyarakan sa-orang Pegawai Awam di-atas kepentingan Negara dengan di-kurniakan faedah² persaraan telah di-lakukan menurut Ordinan No. 40 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 yang di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut perkara 150 (2) Perlembagaan Persekutuan. Sekarang ini ada-lah di-chadangkan supaya pindaan kapada Ordinan Penchen, 1951 yang di-buat melalui Ordinan No. 40 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 di-kekalkan dengan Undang² Tetap.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, saya suka beruchap sadikit di-atas Rang Undang² ini. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Rang Undang² ini tidak patut dan saya minta berchakap dalam bahasa Inggeris oleh sebab² teknik.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, although the Minister said that the amendment is necessary to request persons to retire in the national interest in order that they may serve in politics and in the private sector, I think this is not good because in the first place this will lead to a loss of experienced staff in the Government service which is already short staffed, and there are many young people with little experience who have had to be taken in and these young people occupy important posts. It was once reported in the Press that a certain District Officer somewhere in Negri Sembilan himself admitted that he did not

know anything when he was appointed to that post. Apart from that, Mr Speaker, Sir, it leads to abuse because this is compulsory retirement where a man is forced to retire. It can not only be used for with good intentions for retirement in the case of joining politics or the private sector, but persons may be forced to compulsorily retire. This is an abuse and there are instances where such things have happened. National interests—kepentingan Negara, is so wide, but what would be kepentingan Negara if one cannot define what is national interest. I would strongly urge the Government not to abuse this power which is being obtained by this Act. Thank you, Sir.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya menolak apa² chadangan bahawa Kerajaan akan menyalahgunakan kuasa ini. Daripada list yang saya dapat di-sini orang² yang telah di-beri peluang untuk bersara di-bawah skim yang di-jalankan mengikut undang² ini, tidak ada sa-orang pun yang di-paksa bersara. Sabenar-nya kebanyakan daripada mereka itu bersara kerana perlu di-gunakan di-dalam jawatan yang lain, mithal-nya menjadi Pengarah PERNAS, Pengarah MAS (System Penerbangan Malaysia), menjadi Pengerusi UDA dan ada pula menjadi Pensharah Universiti Malaya dalam bahagian orthopaedic. Ada yang masok dalam politik seperti Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan dan ada yang menjadi Pengarah Kerja dalam Kilang Nenas Kerajaan. Jadi nampak-nya bahawa mereka yang telah bersara itu tidak-lah di-paksa oleh Kerajaan, tetapi di-fikirkan oleh Kerajaan dapat berkhidmat dengan chara lain dan dengan lebeh baik lagi untuk negeri kita ini. Terima kasih.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3—

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan supaya Fasal 1 di-pindakan supaya angka “1971” dalam baris dua di-gantikan dengan angka “1972”. Pindaan-nya seperti berikut:

Gantikan angka “1971” yang terdapat di-baris dua dalam Fasal 2 Rang Undang² itu dengan angka “1972”.

Substitute for the figures “1971” appearing in the second line in Clause 2 of the Bill the figures “1972”.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 1 hingga 3 sa-bagaimana yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan; di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PENCHEN (PINDAAN) (No. 2)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan supaya Rang Undang² Akta Penchen (Pindaan) (No. 2) 1972 di-bachakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ada-lah untuk membuat beberapa pindaan kepada sa-tengah peruntukan di-dalam Ordinan Penchen, 1951, yang mana memperuntukkan bayaran penchen, ganjaran atau lain² elaun kepada kaki-tangan² perkhidmatan² awam, Malaysia Barat. Pindaan² itu ada-lah perlu untuk melaksanakan beberapa shor yang telah di-buat oleh Surohanjaya di-Raja Penyemak Gaji dan Syarat² Perkhidmatan Dalam Perkhidmatan Awam, mengenai faedah² persaraan di-dalam perkhidmatan² awam. Pada masa sekarang, pindaan² itu telah di-lakukan sa-buah Ordinan yang dikenali sebagai Ordinan No. 67 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971, yang telah di-ishtihar-kan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Fasal 150 (2) dalam Perlembagaan Persekutuan. Sekarang ini ada-lah di-chadangkan supaya pindaan² itu di-peruntukkan oleh undang² tetap.

Ordinan Penchen, 1951, sa-bagaimana yang akan di-pindakan mengikut chara yang di-tunjokkan di-dalam Jadual kepada Rang Undang² ini, akan di-gunakan kepada kaki-tangan² yang di-sebutkan di-dalam Fasal 2 (2) (a) dan (b), ia-itu kepada kaki-tangan² yang di-lantek ka-dalam perkhidmatan masing² berasaskan kepada sistem gaji berseh yang di-shorkan oleh Surohanjaya di-Raja yang mana telah pun di-laksanakan, dan juga bagi kaki-tangan² yang telah membuat opshen untuk menukarkan kepada sistem gaji berseh itu.

Kesan² ka-atas pindaan² itu boleh di-terangkan saperti berikut:

- (a) Pada masa sekarang perkhidmatan yang di-ambil kira untuk maksud penchen ia-lah perkhidmatan yang bermula daripada umur 18 tahun ka-atas sahaja. Segala perkhidmatan sa-saorang kaki-tangan di-bawah umur 18 tahun tidak di-ambil kira. Oleh itu dengan menghapuskan perenggan (c) kepada sekshen 6, Ordinan Pencher, 1951 itu maka perkhidmatan dalam tempoh di-bawah umur 18 tahun akan dapat di-ambil kira bagi maksud penchen.
- (b) Memandangkan kepada "prinsip gaji berseh" Surohanjaya di-Raja itu berpendapat bahawa kadar² baharu bagi maksud mengira penchen, ganjaran dan lain² elaun hendak-lah di-adakan.

Dengan demikian Surohanjaya di-Raja itu telah, antara lain, menyusutkan faktor penchen daripada 1/600 yang di-gunakan sekarang kepada 1/800, dan penchen maksima 2/3 sekarang kepada 1/2 daripada gaji yang tertinggi di-terima. Kadar² baharu itu ada-lah saperti yang di-bayangkan di-dalam pindaan² kepada sekshen 11 dan 18 Ordinan Penchen, 1951 sa-bagaimana yang di-nyatakan di-dalam Jadual kepada Rang Undang² ini.

- (c) Pada masa sekarang hanya-lah ganjaran sahaja yang boleh di-bayar di-atas kematian sa-saorang kaki-tangan awam sekira-nya kematian itu berlaku dalam

perkhidmatan atau, jika sa-orang sudah bersama, kematian-nya berlaku dalam tempoh satu tahun daripada tarikh persaraan-nya. Oleh itu dengan menggantikan sekshen 17 Ordinan Penchen yang tersebut dengan sekshen 17 baharu, peruntukan telah di-buat supaya dalam kes² yang berkelayakan, penchen dan ganjaran (yang di-namakan "penchen terbitan" dan "ganjaran terbitan" atau pun "derivative pension" dan "derivative gratuity"), boleh di-bayar.

Di-dalam kes di-mana sa-saorang kaki-tangan meninggal dunia dalam perkhidmatan, penchen terbitan boleh di-bayar sa-lama satu tempoh yang tidak melebihi 12½ tahun mulai daripada tarikh berikutan sa-lepas tarikh kematian sa-saorang pegawai awam itu. Di-dalam kes di-mana sa-saorang pesara yang menerima penchen atau elaun tahunan meninggal dunia dalam tempoh 12½ tahun mulai daripada tarikh persaraan-nya, maka penchen terbitan boleh di-bayar dalam tempoh tidak lebeh daripada perbedzaan antara tempoh 12½ tahun bermula daripada tarikh persaraan-nya dengan tempoh penchen atau pun elaun tahunan berkenaan telah di-bayar.

Tindakan sa-rentak akan jua di-ambil untuk membuat pindaan² sesuai kepada Peratoran² Penchen, 1957 ia-itu sa-buah perundangan kecil kepada Ordinan Penchen, 1951.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berchakap dalam Bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²kan Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Rang Undang² ini sa-patut-nya di-bawa ka-dalam Dewan ini bukan sekarang ini sahaja tetapi lama dahulu.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, this amendment to the Pension Ordinance is certainly an advance on the previous 1951 Ordinance. Amongst other things, it provides that if a person passes away while in the services of

the Government, if he had put in 15 years of service, his widow or dependants will get the pension that is due to him for 12½ years; if after he has retired and he passes away soon after his retirement, then his widow or his dependants will also get what is due to him in the ordinary course of event. This certainly is a bit of an advance on the previous Ordinance because under the previous Ordinance, if a person dies in saddle, his widow or his dependants only get one year's salary. I remember the years when I was in service. One doctor, while on active duty was asked to go to a post in the jungle in a helicopter and while he got down from the helicopter, the helicopter blade just chopped his head off. All that his widow got for his dying in active service was one year's salary.

Mr Speaker, Sir, I wish to bring to the notice of the Government, not that the Government does not know, the plight of the old-time pensioners, those who have retired long ago and who cannot benefit from the amendment. It is well-known that these pensioners are most dissatisfied with what they are getting. They have served the Government loyally and yet they feel they have been neglected by the Government to the extent that these pensioners, who are normally very mild, and one would have thought that after 55 years they are mature, have sought recourse through a court of law to get restoration of their pension rights but unfortunately for them they have lost the case. I would make a very strong plea to the Government that the Government should restore the pension rights of the pensioners who have served the Government faithfully and because of an accident of time, they now do not derive any benefit from whatever amendments the Government has brought now. In most other countries the Governments have restored the full pension rights of the pensioners after 12½ years. Singapore is one example. A country like Ceylon which is very poor has also restored the full pension rights. I believe there are many pensioners in this House, not that I am speaking for them; I am speaking for the hundreds, if not thousands, of old pensioners who have no voice in this House and yet who would want the Government to remember them for the past services that they have rendered. Thank you.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini, ini ia-lah untuk melaksanakan shor² Laporan Surohanjaya Suffian dan supaya kakitangan Kerajaan yang maseh berkhidmat tentu berterima kaseh atas perkara ini. Tetapi apa yang mendukachitakan saya ia-lah tiada apa² pun di-buat terhadap orang² penchen yang telah bersara 10 tahun atau lebeh dan yang mengalami kesusahan dalam beberapa tahun lagi sa-belum mati dengan penchen yang bagitu kechil. Saya mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Sir, there are unions and other organised bodies to fight for the cause of the employees now in service for higher wages and salaries and for better terms of service. These old poor pensioners appeared to have been totally neglected simply because during their time in service there were no unions to champion their cause. This is not their fault because the Government then did not encourage the formation of unions as it was obvious that the policy of the Government then was "divide and rule" and any union of employees would not be encouraged. Therefore, Sir, without any proper organisation the welfare of the Government employees then were naturally neglected and their salaries had remained stagnant for years resulting in the poor pensions that they now receive. Sir, with such high cost of living today, the rise of nearly 200 to 300% since the last 10 years, some of the old pensioners draw such poor pensions that they now become a liability to their families and to the society.

Sir, since we have done so much and is doing much more for the present Government servants, it is not asking too much from the Government to consider restoring the quarter-pension to the old pensioners who have retired over 10 years ago, as the Singapore Government has also recently restored the quarter-pension to these old pensioners. Surely, Sir, our Government is not lacking in sympathy and consideration for these old pensioners who had during their days served the Government so loyally and so well. Thank you.

Tuan Walter Loh Poh Khan (Setapak): Dato Yang di-Pertua, saya ingin memberi sadikit pandangan mengenai Rang Undang²

Akta Penchen (Pindaan) (No. 2) di-bawah jadual pindaan² bagi Ordinan Penchen 1951, sekshen 17(1) 3(a) dan 4(b).

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it is good to see that this Pensions (Amendment) Bill to amend the pensions is certainly slightly better than the old one. But I would say it is still not attractive enough for the faithful Government servants who have put in so many years of service in the Government service, and after 35 years of service on retirement they get a pension that is still not good enough.

Mr Speaker, Sir, for example, if a man works for 35 years he gets a pension for the number of months of service over $800 \times$ the last earned annual salary provided that the last earned salary has been earned continuously for 3 years—that means he must have 3 years of service at the last earned salary. Now, assuming that he has those 3 years, his pension will work out to \$420 a month and with the high cost of living on the constant increase which we have in this country I think the \$420 is still not sufficient to maintain himself, his wife and his young children if he had married at an older age. I therefore ask the Honourable Minister to kindly look into this and try to improve on the pensions.

Some of the people will lose out under this new pension formula as the pensions they are getting will be less than the old one—some of them, not all of them.

Mr Speaker, Sir, I would also refer to Schedule 17 (1)—where an officer dies in public service the pension or gratuity to the widow will be for a period of $12\frac{1}{2}$ years. Now, I would like to say that it is too short a period. Let us take a hypothetical case. For example, a man starts work at the age of 20. He puts in 11 years of service and he dies at the age of 31. Say his wife is only 30 years old. Suppose the Government gives to the widow her husband's pension for a period of $12\frac{1}{2}$ years, she will only be 42 years when the pension stops. To look from another angle, the man has 3 children. He gets married at the age of 24, and he gets his first child at the age of 25, second child at the age of 28 and the third child at the age of 31. So by the time the pension is finished the 3 children will be $18\frac{1}{2}$ years, $15\frac{1}{2}$ years and $12\frac{1}{2}$ years respectively. Now, this poor widow,

where will she get money to support the children who are still schooling and who do not even have a proper education? Now, this man did not die because he wanted to die, maybe he may have met with an accident while on duty, especially if his duty was near the jungle areas he may have been killed by Communists during service. Therefore, it was not his fault but the scheme is such that the widow gets a pension for a period of $12\frac{1}{2}$ years and if the children are young where are these 3 children going to go? They will obviously have to leave school and become robbers or thieves or join the bad hats and they will be a liability to the society. So I appeal to the Honourable Minister to look into this. Again, the pension the widow receives is very low because of the number of years of service and his pay the last earned pay; for example, if his last earned pay was \$500 and it worked out to 132 months of service over $800 \times 6,000$ i.e. \$990 per annum. The widow gets only \$82.50 per month to support the 3 children. That is rather too low.

Section 17 (3) (a) provides that where on a Government servant's death the widow is entitled to receive workmen's compensation but will not receive any pension. This, I would say, is rather unfair, because, as I have said, he died not because of anything but because of service and duty to the country, as a loyal citizen doing his duty and he got killed not because he wanted to be killed. Therefore, to pay only workmen's compensation, which I think is very much lower than the gratuity or pension which the Government pays, is not fair. Therefore, I would appeal again to the Honourable Minister to look into this and see that the widow does not lose out in the pension she gets.

Section 17 (4) (b) provides that if there is a minor child in the family, he or she will get the gratuity or pension of his or her father until the age of 18. The age is too low as you will realise that the child is still schooling at the age of 18. I would again appeal to the Honourable Minister to increase the age limit of 18 because the child is still schooling. The dependant has no mother, and the father is dead. So the child gets the pension of his father, but when he reaches the age of 18 he gets no more pension. By this time he is still schooling. Therefore, where can he get money for schooling? Therefore, again I would appeal to the Honourable Minister to look into this and extend the age limit. Thank you.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, pension schemes have been improved upon by this particular Amendment Bill and I was very glad to hear that it has been appreciated by Honourable Members. But like any other scheme, Sir, there must be criteria and when you apply those criteria, there is always a case where someone will suffer or is not properly looked after. Basically any pension has got to be based on the wage which a man is paid for and the number of years of service he puts in. Departing from this principle will land us into a lot of chaotic situations. But, no doubt, the situation may arise where probably the widow no matter how young, may not be able to find herself a job or probably getting another partner. That is possible in life, Sir, but I do not think that it is a case that will occur quite often. What is expected by the present coverage is that a man would not die very early as the Honourable Member said. I know if it is too early, the pension is so negligible that it is not worth counting on. If he dies a bit later, his children will at least be round about in their teens and this pension will help a bit. But if the person dies too early, I think based on calculation on the years of service and the salary which he is paid at a young age, no matter how much more is paid it will not always be enough. So the best thing is for the wife to catch another man, or get another job somewhere. If there is a boy who has benefited from the pension until he is 18 and then suddenly the pension is cut off, it was asked, what is he going to do? I think in this case I am sure the Government can consider giving him a scholarship if he is really a promising student, but if he is not, then I think 18 is as good an age as 21 to go out and look for a job.

There is another element that we should not overlook, and that is, when the wage-earner dies, his dependants get the gratuity. If a man is facing a future where there is no steady income, I would have thought that the gratuity should be used very judiciously and put to productive investments. But if people do not want to do that, I think it is wrong to alter the whole pension structure in order to cater for persons like these.

I have great sympathy with the case put forward by the Honourable Member for Bagan and the Honourable Member for Batu. There is no doubt a lot of sympathy for these people who should be receiving much more

or who should have their pension rights fully restored. I think the Government is studying this case now and I cannot give any definite reply at this moment. But I concede that it is a point worth considering.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 3—

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon supaya pindaan yang telah di-edarkan berjalan kuat-kuasa.

Pindaan-nya ada-lah seperti berikut:

*Fasal 2—*Gantikan angka "1971" yang terdapat di-baris dua dengan angka "1972".

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 1 hingga 3 sa-bagaimana yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PENCHEN DAN GANJARAN) (PINDAAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN, 1971

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya Rang Undang² (Penchen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli² Parlimen, 1971 di-bachakan kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ada-lah dinyatakan dengan ringkas-nya di-dalam "Huraian" kepada Rang Undang² ini.

Dengan pindaan ini satu seksyen baharu ia-itu Seksyen 9A akan di-masokkan sa-lepas

Sekshen 9 Akta (Penchen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971.

Sekshen baharu 9A ini akan menetapkan bahawa tiada apa² Penchen atau Ganjaran boleh di-berikan di-bawah Akta ini kepada mana² anggota yang telah hilang kelayakan-nya menjadi Ahli mana² satu Majlis Parlimen dalam hal keadaan yang di-sebutkan dalam perenggan (e) atau (f) Fasal (1) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan.

Sungguh pun demikian penchen sa-orang ahli itu akan di-pulehkan, di-kira dari hari ia-nya hilang kelayakan di-bawah perenggan (e) Fasal (1) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan apabila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan mengampuni kesalahan ahli itu.

Tarikh kuat-kuasa Rang Undang² ini ialah pada 1hb Januari, 1970.

Akta (Penchen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 yang meluluskan bayaran² penchen dan ganjaran kepada Ahli² Parlimen dan Anggota Pentadbiran ada-lah berdasarkan kepada kelayakan sa-orang ahli itu dan bukan-lah atas dasar hak ahli itu. Ini terdapat dalam Perkara 3, 4 dan 5 Akta tersebut.

Sekshen 3, Akta (Penchen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 menetapkan bahawa sa-saorang ahli boleh di-bayar penchen jika ia berhenti menjadi ahli dan telah genap sembilan tahun perkhidmatan-nya dan tatkala berhenti s-demikian ia telah mencapai umur empat puluh lima tahun.

Keadaan sa-saorang ahli itu boleh berhenti daripada menjadi Anggota Parlimen atau Pentadbiran ada-lah umur mengikut Sekshen 3 tersebut dan boleh di-artikan meliputi keadaan berhenti kerana di-pechat, berhenti kerana di-hukum salah oleh mana² Mahkamah atas kesalahan criminal, berhenti kerana benkerap, atau pun berhenti kerana hilang kelayakan sa-bagai sa-orang Ahli Parlimen di-bawah Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan.

Sa-bagai mengemaskan Perlaksanaan Sekshen 3 itu di-fikirkan patut-lah di-adakan dasar² yang tegas yang menetapkan keadaan² tertentu sa-saorang ahli itu berhenti daripada menjadi ahli yang akan melayakan-nya menerima penchen.

Pindaan yang terdapat di-sekshen baharu (Sekshen 9A) Akta tersebut menentukan satu dasar yang tegas bahawa sa-saorang ahli yang hilang kelayakan-nya di-bawah perenggan (e) atau (f) Fasal (1), Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan akan hilang kelayakan-nya menerima penchen, melainkan apabila ia-nya mendapat ampun daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai kesalahan-nya di-bawah Perenggan (e) Fasal (1) Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, pertama sa-kali saya mengucapkan terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya lebeh dahulu beruchap dalam masaalah Akta ini di-bahathkan. Tuan Yang di-Pertua, sa-sungguh-nya kita budi Ahli Dewan ini berterima kasih kepada Kerajaan kerana mengingati khidmat kita, khidmat kepada negara sa-bagai Ahli Dewan Ra'ayat. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengingati semula bahawa ada daripada beberapa orang yang lebeh berkhidmat dan yang telah membuat polisi kita berkhidmat lebeh 10 tahun, tetapi khidmat-nya tidak di-perkirakan oleh sebab Akta ini menghadkan khidmat-nya pada 1-1-1970. Saya harap Kerajaan akan menimbangkan supaya meminda pada masa akan datang tarikh itu pada 1-1-1969.

Kebaikan negara dan keuntohan negara kita bukan-lah terletak-nya kepada tangga Ahli yang ada ini sahaja, tetapi ada terletak kepada mereka yang sudah tidak ada dalam Dewan ini bersama² mencapai kemerdekaan, bersama² mencapai kebahagiaan negara kita. Oleh itu, patut dan harus Kerajaan mengkaji sa-mula. Sa-saorang yang telah berbudi bukan pada diri-nya sahaja, kadang² mengorbankan kerana tanah ayer-nya, tetapi dengan sa-keping kertas yang terchalit berlainan nombor, maka hapus kehormatan perkhidmatan dan jasa mereka itu kepada negeri ini. Saya tidak hendak menyebut nama mereka itu. Saya fikir Kerajaan ada dalam gambaran ingatan-nya, tetapi dengan kita tidak memasokkan tarikh 1-1-1969 ini, maka luchut-lah khidmat yang di-perakukan dengan memberi ganjaran penchen kepada mereka.

Keadaan yang macham ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan terdapat kapada pehak Pembangkang atau pehak Kerajaan, tetapi meliputi kapada semua Ahli Dewan, dan mereka yang telah tidak ada dengan sebab Undang² Penchen ini, bukan sahaja terpulung kapada pehak Kerajaan, tetapi terpulung juga kapada pehak Pembangkang.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kita harus semua mengingati pepatah kita: kalau kita sudah sampai seberang; jangan jambatan di-luchutkan. Ada-nya kesetabilan dan kejayaan negara kita sekarang ini ia-lah sabahagian daripada-nya ia-lah daripada Ahli Parlimen ini semenjak negara kita merdeka pada tahun 1957, tetapi di-sebabkan keadaan² kadangkala dengan sebab kemalangan berlaku pada diri mereka hampir pilihanraya dan tidak mengizinkan mereka berkhidmat atau bertanding semula. Jadi ada-lah baik dan wajar bagi kita sa-bagai sa-buah Kerajaan yang demokrasi yang di-anggotai oleh ahli², ahli fikir, ahli undang² dan ahli peri kemanusiaan. Umpama-nya, Tuan Yang di-Pertua, sa-orang Menteri yang berkhidmat lebih 10 tahun memegang sa-buah Kementerian dalam Kerajaan kita, tetapi oleh sebab dia tidak berkhidmat menyambong khidmat semula dalam pilihanraya yang baharu, maka gugor kehormatan daripada pandangan Kerajaan, sa-kali pun Ahli Parlimen ini sendiri menyuarakan-nya di-luar² Dewan. Jadi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sudah terlansong jalan, kita harus patah balek ka-pangkal jalan supaya kita kekal dalam perpaduan, kekal dalam kaseh-mesra dan hormat-menghormati. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, pehak Pembangkang akan bersama² dengan saya, sebab perkara ini sama² di-rasai dan kalau sa-kira-nya kewangan itu tidak di-kehendaki oleh mereka, mereka boleh menaborkan wang itu kapada badan² kebajikan yang ra'ayat ini akan memandang jasa-nya bagi pilihanraya akan datang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan dasar undang² yang ada hari ini Akta yang kita kemukakan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, membolehkan sa-saorang Ahli Dewan ini di-luchutkan hak-nya mengikut hukuman mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa angka \$2,000 ini ada-lah kechil. Saya mohon Kerajaan menimbangkan supaya angka ini di-naikkan sa-kurang²-nya \$3,000 yang membolehkan, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Dewan

yang bergaji \$3,000 itu sendiri itu sa-bagai angka yang lebih tinggi, ini boleh melindungi Ahli Dewan itu sendiri daripada kena had Akta ini. Sa-benar-nya had Akta ini bukan-lah satu Akta yang hendak mengikati Ahli Dewan, tetapi ini satu Akta yang chuma mengingati Ahli Dewan yang kehormatan telah di-terima oleh mereka yang di-hargai oleh Kerajaan dan negara, maka waspada-lah kamu daripada melakukan perkara yang boleh menchemarkan nama. Ini-lah maksud Akta ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya sungoh menjunjong baik Akta ini di-adakan, tetapi apa yang saya mohon di-timbangkan oleh Kerajaan angka itu sahaja-lah, jumlah bilangan \$2,000 itu di-naikkan dengan jumlah yang sa-taraf sesuai kapada sa-orang yang telah mendapat kehormatan daripada Kerajaan dan negara-nya. Saya, Tuan Yang di-Pertua, amat berat hendak berchakap masaalah ini, tetapi saya mohon Menteri berkenaan Kerajaan kita yang memikirkan dan menimbangkan dengan halus dan teliti. Saya dengan penoh hati menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya berdo'a dan bershukor kapada Allah kerana Rang Undang² ini telah di-kemukakan ini oleh kerana Wakil Ra'ayat, baik pehak Pembangkang atau pun pehak Kerajaan telah berkhidmat untuk negara ini. Tengok-lah malam ini sampai pukul 11.20 malam belum habis lagi membinchangkan hal² orang. Jadi kami sa-bagai Wakil Ra'ayat baik pun pehak Pembangkang atau pun pehak Kerajaan kerja-nya bukan-lah berbinchang itu hendak bergaduh dan berkalahi, tetapi ia-lah untuk kebaikan ra'ayat semua-nya. Jadi oleh kerana kebaikan ra'ayat beberapa tahun berkhidmat dengan orang ramai, terutama sa-kali dalam pilihanraya siang malam pun tidak tidur. Jadi dengan sebab itu memang-lah tepat Wakil² Ra'ayat di-beri penchen supaya mereka hidup di-belakang hari dengan baik.

Jadi dengan sebab itu, saya menyokong-lah, Dato' Yang di-Pertua, dari Lipis itu ia-itu Wakil² Ra'ayat yang lalu

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, saya sahabat sahaja.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Saya menyokong dengan sa-penoh²-nya oleh kerana ingat dia kalau wakil² Ra'ayat yang

lalu yang telah juga bersama² kita berbincang, boleh jadi dia berbincang lebeh daripada 11.20 pada masa ini. Jadi dengan sebab itu mereka ini mesti juga di-pertimbangkan, bukan daripada 1-1-70 tetapi 1-1-69. Jadi saya satu daripada-nya ada-lah menyokong di-atas Rang Undang² ini, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kaseh kepada dua² orang Ahli Yang Berhormat yang berucap tadi. Pertama sa-kali, mengenai soal menaikkan angka hukuman daripada \$2,000 ka-atas sa-hingga \$3,000. Saya fikir ini agak-nya susah sangat hendak di-laksanakan kerana angka ini telah terchatet dalam Perlembagaan kita dan bukan dalam undang² biasa. Walau bagaimana pun, saya boleh bawakan perkara ini untuk timbangan.

Mengenai tarikh berkuatkuasa Undang² Penchen dan Ganjaran ini ia-itu 1-1-71, ini telah di-letakkan kerana ramai kaki-tangan Kerajaan telah mendapat tambahan gaji dan pehak I.M.G. Group telah dapat penchen pada tarikh yang sama sa-lepas Surohanjaya Suffian telah di-terimakan oleh Kerajaan.

Saya tidak mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalau sa-saorang itu tidak mendapat penchen atau pun ganjaran, Kerajaan, tidak menghargai perkhidmatan mereka. Sa-benar-nya Kerajaan memang-lah menghargai titek peloh perkhidmatan yang mereka telah beri kepada negeri ini dan saya fikir constituency mereka pun berpendapat demikian juga, Tuan Yang di-Pertua. Jadi tarikh ini telah di-tetapkan kerana ada sebab yang tertentu. Jadi kalau kita ubahkan tarikh ini maka apa-kah sebab² hendak di-ambil untuk menetapkan tarikh-nya. Ada yang mengatakan 1-1-69, ada pula yang mahu 1-1-68, boleh jadi ada pula yang mahu 1-1-1958. Jadi apa sebab kita hendak buat, ini tidak ada di-terangkan. Jadi tiap² perkara yang kita ambil mesti ada sebab-nya, dan sebab yang telah di-ambil oleh Kerajaan menetapkan pada 1-1-70 ia-lah mengenai persamaan dengan tarikh ramai-nya kaki-tangan Kerajaan yang lain telah mendapat kenaikan gaji atau ganjaran dan penchen.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2—

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam Fasal 1 dan 2 ini mengenai angka 1-1-1970. Kita boleh buat alasan 1-1-69 bermaksud ma'ana-nya sa-hingga di-bubarkan Parlimen yang dahulu. Alasan kita hendak mengatakan kita ini macham Division IV saya fikir kita tidak layak. Kalau di-fikirkan Ahli² Parlimen ini ia-lah orang yang membuat undang². Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id: Tuan Pengerusi, saya berchakap berkenaan dengan Fasal 1 ini mengenai 1-1-1970. Saya ingin menegaskan di-sini ia-itu Undang² Pentadbiran Penchen bagi Members of Parliament dan juga Ahli² Perjawatan Parlimen tidak bersangkut dengan Surohanjaya Suffian. Ini ada-lah berasingan. Ganjaran bagi Ahli² Parlimen dan kaki-tangan. Yang tahun 1970 itu ia-lah mengenai perkhidmatan awam, tidak berkaitan. Kalau yang ini di-pinda kepada 1-1-1969 tidak berkaitan dengan penchen perkhidmatan awam.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan pindaan yang telah di-edarkan kepada Majlis ini. Pindaan-nya saperti berikut:

Gantikan angka "1971" yang terdapat di-baris tiga dalam fasal 1 Rang Undang² itu dengan angka "1972".

Substitute for the figures "1971" appearing in the third line in Clause 1 of the Bill the figures "1972".

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 1 dan 2 sa-bagaimana yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PERKHIDMATAN PARLIMEN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan ia-itu Rang Undang² bagi Meminda Akta Perkhidmatan Parlimen, 1963 di-bachakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang² ini bertujuan hendak meminda beberapa seksyen Akta Perkhidmatan Parlimen, 1963 supaya selaras dengan maksud Peruntukan Perkara² 56, 57, 58 dan 65 Perlembagaan Malaysia yang mana didapati bahawa Dewan Negara di-beri keutamaan (Precedence) mengatasi Dewan Ra'ayat, serta pula mengemaskan lagi jentera pentadbiran Jabatan Parlimen, khusus-nya dari segi urusan pengambilan pegawai² dan kakitangan² Parlimen.

Sekshen 4, Akta tersebut di-chadang di-pinda supaya perlantekan Pegawai² dan kakitangan² Parlimen, selain daripada perlantekan Setiausaha² Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara, di-buat bersama (Jointly) oleh Yang di-Pertua² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat. Kuasa Perlantekan ini patut di-beri juga kepada Yang di-Pertua Dewan Negara memandang bahawa pegawai² dan kakitangan² Parlimen itu ada-lah dikehendaki berkhidmat di-dalam kedua² Dewan itu. Pindaan ini di-peruntukkan sebagai Sekshen 4 (1), di-dalam Rang Undang² berkenaan, dan ia-nya akan menyelaraskan kedudukan Dewan Negara seperti perkara² 56, 57, 58 dan 65, Perlembagaan Malaysia, dalam mana Dewan Negara di-beri keutamaan mengatasi Dewan Ra'ayat.

Dengan tujuan hendak melichinkan lagi jentera pengambilan pegawai² dan kakitangan² Parlimen, satu peruntukan baharu telah di-masokkan ia-itu Sekshen 4 (2) yang mana berkehendakkan penubuhan sa-buah Jawatankuasa Pemilih (Committee of Selection) yang di-anggotai oleh Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Ra'ayat dan sa-orang wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi maksud memilih dan membuat perakuan bagi chalun² yang sesuai untuk perlantekan di-bawah Sekshen 4 (1). Mengikut peruntukan Sekshen 4 yang ada sekarang dalam Akta Perkhidmatan Parlimen tahun 1963 itu kuasa untuk melantek

pegawai² dan kakitangan² Parlimen ada-lah di-beri kepada Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat sahaja dengan tidak ada apa² Jawatankuasa Pemilih.

Sa-laras dengan kedudukan Dewan Negara yang mengatasi Dewan Ra'ayat maka Sekshen 5 (a) dan (b) Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 di-chadangkan di-pinda. Mengikut peruntukan yang ada sekarang Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat ada-lah Pengerusi kepada Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen dan Yang di-Pertua Dewan Negara sa-bagai ahli sahaja. Pindaan yang di-chadangkan ia-lah supaya Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat di-jadikan Pengerusi bersama.

Memandang kepada perubahan terhadap gelaran² jawatan Perkhidmatan Awam, Sekshen 5 (g) Akta Perkhidmatan Parlimen tersebut hendak-lah juga di-pinda dengan menggantikan gelaran "Principal Establishment Officer" kepada "Director-General of the Public Services".

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Lee Seck Fun (Tanjong Malim): Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana masa sudah pun pukul 11.30 malam, saya suka juga beruchap sa-patah dua atas Rang Undang², ia-itu Akta bagi meminda Akta Perkhidmatan Parlimen, 1963. Di-bawah ini ada di-sebutkan, Akta ini boleh-lah dinamakan Akta Perkhidmatan Parlimen (Pindaan), 1972. Tadi kita telah dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang mengemukakan Rang Undang² ini kepada Rumah yang berbahagia ini, sebab² kita mengemukakan Akta ini. Jadi, walau bagaimana pun, dahulu ada Akta ini, dan saya ingat pekerja² yang ada sekarang ini—semua pegawai² dan kerani² sekarang ini yang berkhidmat untuk Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat semua-nya ada-lah bekerja dengan chukup baik dan bertanggungjawab. Dan apa yang di-katakan oleh Menteri yang mengemukakan Bill di-Dewan ini ia-lah hendak memberi pangkat sedikit kepada Yang di-Pertua Dewan Negara dan memberi kuasa sedikit untuk bekerjasama dengan Tuan Speaker Dewan

Ra'ayat kita dan kedua²-nya ada-lah sama² baik, dan bersama² memilih pekerja² kerani dan lain² pekerja yang lebeh baik lagi untuk berkhidmat kepada Parlimen kita ini. Saya ingat itu-lah sahaja.

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Tuan Yang di-Pertua, bagi pehak parti D.A.P., saya hendak memberikan sokongan yang penoh kepada Rang Undang² bagi meminda Akta Perkhidmatan Parlimen, 1963, kerana Rang Undang² ini akan memberi keadilan yang lebeh kepada kaki-tangan² di-dalam Perkhidmatan Parlimen ini dan juga Jawatan-kuasa Pemilih kepada satu chadangan atau satu sistem yang lebeh baik daripada sistem yang dahulu, itu bukan-lah di-katakan bahawa dahulu di-bawah sistem yang lama itu, Tuan Yang di-Pertua, atau Speaker tidak bertanggung-jawab, tetapi ini ada-lah menolong Tuan Speaker di-dalam tugas² yang mustahak ini. Dan, Tuan Yang di-Pertua, dahulu-nya, saya pun dengan sukachita-nya bagi pehak parti kami memberikan ribuan terima kaseh dan juga bagi ucapan tahniah kepada kaki-tangan² di-Parlimen ini kerana perkhidmatan yang bagus dan lichin kerana mereka telah beri prompt, courteous and efficient service. Dan kita berharap bahawa Jabatan² Kerajaan yang lain boleh mengikut chontoh yang bagus seperti kaki-tangan² Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada merujuk kepada senarai jawatan² dan juga tanggaji pegawai² atau kaki-tangan² Parlimen ini, dan saya dapat tahu bahawa mereka ialah di-bawah syarat² gaji dan perkhidmatan Suffian. Tetapi walau bagaimana pun syarat² gaji dan perkhidmatan di-bawah Suffian ada lebeh baik dan lebeh memuaskan dari sistem atau scale yang lama, kita patut-lah selalu ingat bahawa Perkhidmatan Parlimen ini ada-lah satu perkhidmatan yang tertutup (closed service), dan bahawa kaki-tangan² di-sini yang telah masok kepada Perkhidmatan ini tidak ada apa² promotional prospects kepada Jabatan² Kerajaan yang lain. Dengan sebab itu, saya harap kita patut-lah beri promotional prospects di-dalam Perkhidmatan Parlimen ini dan juga saya dapat tahu bahawa kadang² apabila kaki-tangan² Parlimen di-kehendaki bekerja sa-lepas kerja² yang biasa, mereka ta' dapat menerima overtime allowance, tetapi mereka hanya mendapat "refreshment allowance" sahaja dan saya ingat di-antara \$6, \$3 atau

\$2 sahaja—itu saya ingat tidak chukop dan juga tidak adil. Saya telah meminta supaya mereka di-berikan overtime allowance dan bukan refreshment allowance sahaja dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulangi sokongan penoh kami kepada Rang Undang² ini. Terima kaseh.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini dan saya ingin mengambil bahagian dalam perbahathan ini di-dalam Bahasa Inggeris. (*Dengan izin*) Sir, as Parliament is a closed department the staff here are not likely to be transferred to other Government Departments, which means that their prospects for promotion are restricted. In view of this, I suggest, Sir, that the salaries of the staff of Parliament of all grades be revised and that opportunities for promotion within the Officers of Parliament be given to them. When Parliament is in session the staff here work for more than 12 hours a day, as I see that they do not leave the office until 8 p.m. or even later. Although the staff are paid a refreshment allowance, which I feel is only right because they do not go home for their evening tea or dinner, yet I feel, Sir, that it may be wrong for them to work for more than 8 hours a day unless those in Division III and the I.M.G. workers are paid the wages that are due to them under the labour laws. I am surprised, Sir, that while Parliament passes laws, it has seen fit to violate the very law it has passed. I trust, Sir, that remedial steps would be taken by those concerned to put right what is wrong. Thank you.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: For the first time, the Opposition and Government back-benchers are of one mind; it augurs well for the future. Silakan!

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kaseh sebab ini-lah perchakapan saya yang akhir pada malam ini, tidak pada esok. Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengetahui bahawa Perkhidmatan Parlimen ini ia-lah sa-buah perkhidmatan yang tertutup. Tertutup Perkhidmatan Parlimen ini tidak sama tertutup Perkhidmatan Pejabat Pos, Talikom, Keretapi, atau Lembaga Letrik Negara, kerana peluang bekerja peluang bertukar jawatan kepada jabatan yang saya katakan tadi itu ada lebeh besar daripada peluang

bertukar berkhidmat di-dalam Parlimen ini sendiri. Jadi, saya tidak tahu sama ada Menteri yang menimbangkan, atau Tuan Yang di-Pertua menimbangkan, atau Jawatan-kuasa di-tubuhkan oleh Menteri dengan Tuan Yang di-Pertua untuk mengimbangi gaji pegawai tertutup ini dengan kemudahan yang tidak ada kerana mereka pejabat yang tertutup. Sa-bagai sa-orang Setiausaha, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini beliau berangan² dan mempunyai chita² bagi mendapatkan kerja yang lebeh baik, gaji yang lebeh lumayan sama dengan pegawai² yang lain. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, daripada kerani² dan lain², tetapi oleh sebab sa-bagaimana yang telah saya katakan tadi Parlimen ini ada-lah sa-buah jabatan yang tertutup, pengkajian yang halus harus-lah di-lakukan.

Saya memuji bahawa sa-nya dengan adanya Akta yang baharu ini bersamaan rundingan akan di-jalankan di-antara Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dengan Tuan Yang di-Pertua Senate dalam masa pengambilan pekerja², tetapi apa yang saya hendak merayu kepada Majlis ini supaya orang² yang ada di-dalam perkhidmatan yang sekarang ini di-beri peluang naik pangkat, umpama-nya daripada Division II kepada Division I, saya tidak menyuruh, atau memohon kepada Kerajaan menaikkan pangkat kerana ketiadaan kebolehan-nya, tetapi peluang ini patut di-berikan kepada pegawai dan kaki-tangan Parlimen ini terlebih dahulu untuk memenohi jawatan itu daripada pegawai yang baharu atau peminta yang baharu berkhidmat di-dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kita berkehendakkan Perkhidmatan Parlimen yang lebeh baik, kita harus memperuntukkan supaya Pegawai² Parlimen ini, saperti Penterjemah Serentak atau Jurutulis, Jurutrengkas yang lebeh baik. Kita harus memberi peluang mereka berkursus ka-mana² sahaja Parliament, Parliament Commonwealth umpama-nya, kita harus menempatkan mereka itu berkhidmat sambil belajar dalam United Nations umpama-nya supaya ketinggian Perkhidmatan Parlimen kita ini lebeh tinggi pada masa yang akan datang. Kita mahu Pegawai Perhubungan atau Pegawai Penterjemah kita mendapat terjemahan yang lebeh baik, pelajaran daripada lain² Parlimen dan kalau boleh pada masa itu nanti kita boleh mengukur sa-tinggi mana khidmat Perkhid-

matan Parlimen kita sendiri. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini harus di-buat, saya tidak tahu sama ada saya meminta kepada Menteri yang membawa usul ini, atau kepada Tuan Yang di-Pertua, atau kepada Jawatan-kuasa Dewan, tetapi apa yang saya mahu dan saya pohon perkara yang saya sebutkan ini harus di-ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya juga memberitahu dalam masa ucapan yang dahulu bahawa Parlimen sendiri mestilah memperuntukkan untuk perumahan pegawai kaki-tangan² rendah Division III, IMG, Tukang Sapu, Jaga, Penjaga Lift supaya di-buat rumah bagi mereka itu sama ada rumah itu di-sewa, atau di-berikan kepada mereka. Kalau Jabatan Kerajaan boleh memberi rumah kepada guru² yang mengajar di-sekolah³, mengapa pegawai² kaki-tangan² Parlimen ini sendiri tidak mendapat hak yang sa-wajar-nya. Kita jangan agongkan Parlimen ini sahaja, tetapi kita harus bangga dengan pekerja² kita, perkhidmatan mereka dan kaki-tangan² kita. Pegawai² di-bawah Bahagian I atau II mereka berhak mendapat pinjaman yang lebeh lumayan, mereka boleh membeli rumah di-luar² perbadanan² dan sa-barang perbadanan yang lain tetapi bagi pekerja yang rendah, maka ihsan ini harus-lah di-beri dan perlindungan yang ada sekarang ini pun sudah ada harus di-beri perlindungan yang lebeh baik.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kaseh di-atas layanan kaki-tangan Perkhidmatan Parlimen yang di-ketuai oleh Tuan Yang di-Pertua sa-barang surat lebeh dahulu sampai daripada saya balek. Jadi, saya harap kalau masa saya berada di-dalam Parlimen ini, ada baik-nya surat itu di-hantar ka-meja saya. Terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Dato' Yang di-Pertua, saperti Dato' Yang di-Pertua telah mengatakan tadi, ini-lah masa yang sangat bahagia bagi saya menjawabkan ucapan², kerana saya telah nampak hari ini pehak Pembangkang dengan pehak Kerajaan dapat bersama² bersetuju dan bersetuju hendak menarek perhatian yang chukup berat kepada kebajikan pekerja² di-dalam Jabatan Parlimen ini.

Saya setuju, Dato' Yang di-Pertua, dengan Ahli² Yang Berhormat sakalian bahawa

Perkhidmatan Parlimen ini ada-lah Perkhidmatan Closed-Service dan sa-bagai Closed-Service ada-lah banyak kekurangan-nya. Walau bagaimana pun, saya fikir, kekurangan ini tidak-lah sa-besar² yang telah di-sangka-kan oleh Ahli² Yang Berhormat kerana dalam satu² scale tangga-gaji itu ada-lah annual increment-nya. Apakala sa-saorang pegawai itu telah sampai ka-punchak-nya, di-sana-lah kita akan menempoh satu disincentive kepada pegawai itu. Bagaimana chara kita hendak menempohkan masaalah ini, barangkali lebeh baik-lah di-serahkan kepada pehak yang berkenaan dalam Jabatan Parlimen ini sendiri.

Pada akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya ingin juga bersama² hendak menyampolkan komen saya sendiri dengan komen² yang sangat baik daripada Ahli² Yang Berhormat, memuji betapa cekap-nya perkhidmatan yang telah di-berikan oleh kaki-tangan Parlimen ini. Saya fikir semua Ahli yang sudah berchakap dan yang tidak berchakap bersetuju dengan saya bahawa kaki-tangan ini patut di-beri pujian yang tinggi. Terima kaseh. (*Tepok*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nampak-nya persidangan jauh malam ini ada faedah-nya; lembut segala²-nya—hati yang garang menjadi lembut.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-stujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

PENANGGOHAN

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya meshuarat ini di-tanggohkan.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN² PENANGGOHAN

PEMEREKSAAN POLIS KA-ATAS KERETA² MOTOR

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap dalam bahasa Malaysia dan mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris. Uchapan saya ia-lah pemeriksaan polis ka-atas kereta² motor. (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, generally the Police have been doing a wonderful job of maintaining law and order and they have my compliments. However, there is one branch of the Police Department which I am not too happy about. It is the Traffic Branch in Perak. Some of the actions of the Traffic Branch are not only unreasonable and reckless but also in my opinion, unlawful. Such actions, needless to any, can land the Police and the Government in being used in a court of law for malicious prosecution.

In the last few years the Traffic Branch has carried out an extensive campaign against motorists for possible offences. The campaign has been directed mainly at motor-cycles, taxis, school buses, kereta² sekolah, lorries, and other commercial vehicles. I am not for one moment saying that the Police should not carry out checks and inspections on motor vehicles. What I am objecting to is the way and method of the Police in carrying out these checks and examinations. I appreciate that the aim of the Police might be to see that all motor vehicles on the streets should be roadworthy.

But it is greatly regretted that the present methods of checking are uncalled-for and the Police have caused undue and unnecessary hardships to not only the owners and drivers in terms of less earnings, but also to passengers including schoolchildren.

The specific complaints that have come to my knowledge are as follows:

1. At check points and other places the Police would stop and examine motor vehicles. They usually look into the condition of the tyres, the brakes, the amount of exhaust fumes, wipers and the state of cleanliness of the interior of motor vehicles. After the examination the Police would charge the driver arbitrarily such as that the interior of the vehicle is dirty or that the vehicle is emitting excessive exhaust fumes.

Some of the charges are well-founded while others are made at the whims and fancies of the Police. For instance, how on earth the Police know whether a vehicle is emitting too much fumes or not. No one can deny that a diesel vehicle is bound to emit fumes. The mechanism of a diesel engine is such that fumes, which are waste products, must be emitted. What I am trying to drive at is that the question whether the fumes emitted are excessive or not should be decided by a qualified vehicle examiner and not by a plain policeman.

Now, when the Police are of the opinion that a vehicle is not in order, charges are issued on the spot and at the same time compound notices are issued. If the fines ranging from \$40 to \$80 are not paid on the spot, the Police would detain the vehicle concerned for a few hours and it is not unusual that vehicles have been detained for more than 48 hours on the oft-repeated ground that the vehicles are required to be examined by the RIMV. Such detention by the Police is not only unfair but is wrongful in law. Section 50 of the Road Traffic Ordinance only allows the Police to detain a vehicle for a period not exceeding 48 hours.

Now, if the Police have been more imaginative a lot of hardships would have been avoided. Here the Police should bring along with them a qualified vehicle examiner each time they go out for checking. If the qualified examiner finds that there are some mechanical defects in the vehicle then the Police can immediately prefer charges against the driver who can either compound the offences on the spot or defend the charges in Court without his vehicle being detained for long hours. Mind you, some of these vehicles carry perishable goods.

(2) In cases where school-buses are concerned not only drivers and owners suffer a loss of earning when their buses are unnecessarily held up by the Police but the school children in which they travel are made to suffer. The school children are stranded or will be late for schools. I hope the Police will consider this aspect of the matter carefully so that the school children are not made the victims of circumstances.

(3) One point the Police should not forget is that these commercial vehicles are checked once in every 6 months or once in

every 3 months by the RIMV. The Police should be satisfied with the certificates of fitness issued by the RIMV. If the Police feel that the gap between the examination of the RIMV is too long then they should request the RIMV to increase the frequency of examination.

I urge the authority concerned to devise better methods of examination of motor vehicles, always bearing in mind of being fair to the drivers and owners. Thank you.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah membangkitkan perkara pemeriksa Polis ka-atas kereta² motor, diantara lain²-nya mengenai:

- (a) Tuduhan yang tak menasabah atas derebar²; dan
- (b) Penahanan kereta² motor sangat lama.

Bagi menjawab-nya, suka saya menerangkan bahawa apa jua tuduhan yang di-buat oleh Polis terhadap sa-saorang derebar mengikut Undang² ada-lah "specific". Oleh itu, saya tidak-lah faham bagaimana Ahli Yang Berhormat itu boleh menyatakan bahawa tuduhan² yang di-buat terhadap mereka itu tidak menasabah.

Pegawai² Polis ada-lah di-beri kuasa di-bawah Undang² yang tertentu untuk memberhenti, memeriksa dan menahan kereta² berikutan dengan:

- (a) kesalahan jenayah;
- (b) kemalangan Jalan Raya; dan
- (c) kereta² sewa haram.

Kereta² yang di-tahan di-bawah kes jenayah ada-lah di-tahan di-bawah Kanun Kaedah Jenayah (Criminal Procedure Code) dan terpaksa di-jadikan, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia mengetahui, di-jadikan exhibit dalam mahkamah. Oleh itu, kereta ini tidak boleh di-release atau pun dilepaskan sa-hingga kes itu selesai. Juga Akta Polis (Police Act), 1967 dan Undang² Lalu Lintas (Road Traffic Ordinance), 1958 adalah memberi kuasa kepada Pegawai² Polis untuk menahan kereta² selama 48 jam. Kereta² yang bersangkutan dengan kemalangan jalan raya boleh di-tahan di-bawah Kuasa² Lalu-Lintas untuk pemeriksa Pendaftar dan Pemeriksa Kereta² Motor. Kereta² yang di-tahan bersangkutan dengan kereta² sewa haram boleh di-tahan

di-bawah Undang² Lalu Lintas sa-hingga kes itu telah di-selesaikan. Jika tiada tindakan di-ambil, kereta² tersebut hendak-lah di-serahkan balek kepada tuan ampunyal dalam tempoh satu bulan mengikut sekshen 92 (5), Undang² Lalu-Lintas.

Segala tindakan untuk menahan kereta² oleh pihak Polis ada-lah mengikut kuasa Undang². Jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi keterangan mengenai sa-suatu kes di-mana tahanan tidak mengikut kuasa Undang², perkara ini boleh di-siasat, dan juga Ahli Yang Berhormat sendiri boleh-lah membawa kes ini ka-Mahkamah.

Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

PEMULEHAN PENJARA

Dr Chen Man Hin: Tuan Speaker, saya hendak berchakap berkenaan dengan pemulehan penjara. (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, for quite some time, there have been talk of strange going-on behind the walls of prisons, and complaints that the existing prisons were built in an era when prisoners were considered as outcasts and dregs of society. The old concept was that prisoners were violators of the laws of society and therefore should be punished severely. There was no thought or plan to re-educate or rehabilitate these prisoners so as to enable them to re-enter society trained and equipped as peaceful and productive citizens, and to be able to earn a living without resorting again to illegal means, such as theft and other forms of crime.

I have with me here two separate statements by two ex-prisoners describing the unsatisfactory state of affairs existing in the jail at Seremban. Ex-prisoners Appu s/o Vengadaraman (NRIC 3998280) and Abdul Kareem s/o Kader Batcha (NRIC 0889610) enumerated a number of complaints. In the main these complaints are:

- (1) Thuggery and gangsterism are rife in the prison. Appu was threatened and compelled to join one of the gangs, which labelled themselves as 101, 04, 09 or 969.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Not James Bond! (*Ketawa*).

Dr Chen Man Hin: No.

- (2) For a fee of about \$40, the warders could arrange for a conjugal visit in a warder's home or taken to a hotel under some pretext or another.
- (3) Pilferage or thefts from prison stores were a common occurrence, and the proceeds were shared between both warders and prisoners.
- (4) On 30th August, 1970 the prison Record Office was broken into and \$2,000 were stolen. It was alleged that two warders and three prisoners were involved. The money was shared and used to purchase samsu, cigarettes and ganja. Gambling by both warders and prisoners were indulged in.
- (5) Ganja plants were grown in the prison garden.

Gangsterism, organised thefts, gambling, ganja smoking and drug trafficking—these are serious offences, and they are occurring in a prison, a place which is supposed to correct and educate its inmates to stay away from these anti-social acts. It is possible that some of the inmates are incorrigible and therefore will continue with their vices even in prison. But the allegations made by the two ex-prisoners indicate that there is connivance and even complicity on the part of the warders, who are supposed to uphold the principles of a lawful society.

Ex-prisoners, Appu s/o Vengadaraman and Abdul Kareem s/o Kader Batcha, are quite aware of the seriousness of their complaints. They also realised that they may be subject to intimidation and victimisation. In spite of this, they have made these complaints in the hope that some action will be taken to improve conditions at the prison, whereby the inmates could be re-trained and given employment opportunities when discharged.

It is clear that prison reforms are urgently needed, not only to stop waste of public funds on age-old prisons and outdated methods of treating prisoners, but, more important, to concentrate on a modern approach to re-train and rehabilitate the prisoners, and to organise a special employment agency to find jobs for them. There is no point in discharging them,

if they are to return to a cold and unfriendly society with no job opportunities. If they continue to be unemployed for sometime, they may be pressured into a life of crime again, if only to keep themselves and their dependants alive.

I, therefore, call upon the Government to set up immediately a commission of enquiry with the following objectives:

- (1) Improvement of living conditions such as cleaner and healthier prisons.
- (2) Improving discipline among prison staff and warders.
- (3) Cessation of gangsterism, drug taking and trafficking.
- (4) A proper programme of rehabilitation and training of skills such as carpentry, repair and servicing of machines and radios, and agricultural techniques.
- (5) A special agency to assist them to obtain jobs and to follow their cases in order to prevent them from returning to crime.

Thank you, Mr Speaker, Sir.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, chara² menyelenggarakan penjara² dan memulehkan banduan² di-negeri ini ada-lah sa-laras dengan kehendak² "the United Nations Standard Minimum Rules for the treatment of delinquents". Kaedah tersebut itu ada-lah bertujuan:

- (a) to safeguard fundamental human rights for those deprived of their freedom and incarcerated in prisons; and
- (b) to promote treatment based on progressive principles of correctional practice.

Prinsip² tersebut termaktub di-dalam Undang² Penjara dan di-patohi dalam usaha memuleh banduan² di-negeri ini.

Kemudahan² perubatan sentiasa di-sediakan untuk banduan² di-penjara². Tiap² orang salah itu di-pereksa terlebih dahulu oleh sa-orang pegawai perubatan sa-belum

di-masokkan ka-penjara dan sa-masa di-penjara ia boleh menerima kemudahan² perubatan. Di-samping itu kesemua tempat² kediaman banduan² di-penjara di-pereksa dari masa ka-samasa oleh pegawai perubatan. Kebersihan pakaian dan badan ada-lah di-wajibkan. Pada sa-belah pagi dan petang latehan² jasmani di-adakan. Makanan² banduan di-sediakan mengikut "diet schedule" yang di-chadangkan oleh "Nutrition Officer" dari Kementerian Kesihatan.

Kebanyakan penjara² di-negeri ini mempunyai kemudahan² untuk mempelajari chara² pertukangan tangan saperti berikut:

- (a) Menjahit
- (b) Membaiki kasut
- (c) Pertukangan kayu
- (d) Membuat bakul dan barang² rotan
- (e) Membasoh baju
- (f) Membuat tali
- (g) Menanam, dan
- (h) Menternak.

Di-pusat Pemulehan Akhlak, Pulau Jerjak umpama-nya banduan² boleh juga mempelajari chara² membaiki radio dan T.V., memperbaiki motor dan membena rumah dan bot. Di-samping kemudahan² yang tersebut tadi semua banduan² di-beri kemudahan untuk membaca, mendengar radio dan belajar. Mereka juga di-galakkan mempunyai hobi sendiri untuk memenohi masa² lapang.

Mengenai orang² tahanan di-tempat² perlindungan pula, suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa perjalanan tempat² itu ada-lah sa-laras dengan kehendak² "United Nations Rules relating to non-delinquent detainees". Semua orang² tahanan menikmati hak² yang sama yang di-berikan kepada banduan² di-penjara.

Saya juga ingin mengambil peluang ini memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor bahawa Kementerian saya sentiasa mengambil berat mengenai keadaan²

di-penjara² dan tempat² perlindungan dari masa ka-samasa. Di-bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua ini sa-banyak \$21,510,000 telah di-peruntokkan kapada Jabatan Penjara dan sa-bahagian besar dari jumlah itu akan di-gunakan untok membena sa-buah penjara baharu di-Kajang dan sa-buah tempat perlindungan di-Taiping di-

samping menjalankan kerja² kechil menambahkan lagi kemudahan² yang sedia ada.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang hari esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 12.10 pagi.